

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

<b>Bil. 36</b>	<b>Selasa</b>	<b>27 Jun 2006</b>
----------------	---------------	--------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 25)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2005	(Halaman 27)
<b>USUL:</b> Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 99)
<b>UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:</b> <b>Masa Depan Pemegang IMM-13 dan Kewujudan Penempatan Pelarian Filipina Di Sabah dan Labuan</b> - <i>Y.B. Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran)</i>	(Halaman 100)
<b>Kes Rasuah Berprofil Tinggi</b> - <i>Y.B. Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)</i>	(Halaman 104)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 27 Jun 2006**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan peranan negara selaku Pengerusi NAM dan OIC di dalam memacu usaha dunia membangunkan semula negara-negara tersebut terutama bantuan kewangan dan menangani tanggapan negatif terhadap Kerajaan Hamas yang telah dipilih secara sah oleh majoriti rakyat Palestin.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]:**

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan dua soalan mengenai isu yang hampir sama untuk dijawab pada tarikh-tarikh bersidang Dewan Rakyat yang sangat berdekatan, saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua agar saya dibenarkan untuk menjawab sekali gus kedua-dua soalan tersebut.

Malaysia selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dan Negara-negara Berkecuali (NAM) menyambut baik keputusan pilihan raya perundangan Palestin pada 25 Januari 2006 kerana ia telah berjaya diadakan dalam suasana yang aman serta ia melambangkan kebebasan bersuara di kalangan rakyat Palestin. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyampaikan ucapan tahniah kepada pihak Hamas di atas kejayaan mereka dalam pilihan raya tersebut dan juga kepada Mahmoud Abbas, Presiden Palestin, di atas kejayaan beliau mengadakan pilihan raya tersebut dalam suasana yang telus dan aman.

Malaysia turut menyeru agar semua pihak bermuafakat dan bekerjasama ke arah menubuhkan satu kerajaan yang bersatu demi kepentingan dan kemakmuran rakyat dan negara Palestin. Sebagai Pengerusi OIC, Malaysia akan terus memberi sokongan politik dan moral kepada Kerajaan Palestin di bawah pimpinan Hamas untuk mencari penyelesaian yang adil dan saksama kepada konflik Palestin-Israel.

Pertemuan antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Palestin semasa Forum Ekonomi Dunia Mengenai Timur Tengah (*World Economic Forum*) pada 20 hingga 22 Mei di Sharm El-Sheikh, Mesir (*Egypt*) telah menjelaskan sokongan Malaysia apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju untuk memberikan bantuan kewangan kepada Kerajaan Palestin sebanyak RM58 juta ataupun USD16 juta untuk mengurangkan

bebanan yang ditanggung oleh rakyat Palestin akibat implikasi sekatan ekonomi oleh Washington dan negara-negara EU.

Perlu dijelaskan juga, baru-baru ini dalam pertemuan di Persidangan Ke-33 Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) yang telah berlangsung pada 19 hingga 21 Jun 2006 di Baku, Azerbaijan, satu resolusi mengenai Palestin iaitu *Resolution on the Cause of Palestine Al-Quds Al-Sharif - The Arab Israel Conflict*, dengan izin *and the Islamic Conference of Foreign Ministers*, dengan izin juga, telah dibentangkan dan dipersetujui oleh negara-negara ahli. Resolusi tersebut meminta agar institusi kewangan dan negara-negara anggota memberi bantuan kewangan bagi membantu rakyat Palestin akibat sekatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan terus memainkan peranan sebagai Pengerusi OIC dan NAM dengan menyeru semua pihak yang terlibat agar terus membantu Palestin dan bekerjasama bagi menyelesaikan masalah ekonomi serta konflik Israel-Palestin. Kita percaya bahawa penyelesaian terbaik kepada konflik Israel-Palestin adalah melalui rundingan secara jujur dan komited oleh semua pihak yang terlibat. Terima kasih.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam Persidangan NAM-CoB ataupun Mesyuarat Negara-negara Berkecuali di Peringkat Biro Penyelarasan baru-baru ini di antara 27 hingga 30 Mei, yang mana ada dinyatakan dalam media *Harakah*, lidah rasmi parti pembangkang PAS di Malaysia kita ini yang menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia telah memberi layanan yang buruk kepada Dr. Mahmoud Al-Zahar iaitu Menteri Luar Palestin yang mewakili daripada parti Hamas. Kalau ini benar sehingga ada kenyataan dalam *Harakah* yang menyatakan Dr. Mahmoud memboikot mesyuarat tersebut dan ini menjejaskan kredibiliti kepimpinan negara kita, dan kalau ini dinyatakan benar, apakah sebenarnya yang berlaku dalam isu yang dinyatakan dalam media *Harakah* berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Dungun. Saya kira kalau benar apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, adalah tidak benar sama sekali. Kita tidak pernah memberikan layanan buruk kepada sesiapa terutama sekali kepada pihak Hamas yang menjadi tetamu kita juga pada sidang tersebut.

Perlu dijelaskan juga, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Malaysia telah menghantar surat jemputan bagi sidang NAM-CoB di Kuala Lumpur baru-baru ini kepada pihak Kementerian Luar *Palestinian Authority* ataupun Autoriti Palestin di mana pihak Menteri Luar, Mahmoud Al-Zahar sendiri telah menyatakan bahawa beliau akan datang. Tetapi dalam pertemuan antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam sidang di Sharm El-Sheikh baru-baru ini, perlu dijelaskan bahawa Presiden Mahmoud Abbas turut menyatakan bahawa pihak beliau akan menghantar Farouk Al-Kaddoumi sebagai wakil daripada PLO untuk hadir di sidang NAM-CoB baru-baru ini.

Oleh kerana itu pihak Malaysia mengatakan bahawa kedua-duanya boleh hadir dan kedua-duanya sepatutnya datang untuk menyampaikan pandangan-pandangan mereka di dalam sidang tersebut dan juga kita ada satu sesi khas mengenai Palestin yang sepatutnya kedua-duanya boleh menunjukkan bahawa mereka boleh bersatu dan sama-sama bercakap tentang kepentingan rakyat Palestin dalam sidang tersebut.

Tetapi malangnya, mungkin ada perselisihan antara kedua belah pihak. Wakil daripada Hamas menyatakan bahawa mereka tidak mahu untuk menghadiri sidang tersebut dan sebaliknya hanya ingin mengadakan pertemuan dua hala antara pihak beliau dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya kesallah sekiranya ada pihak yang tertentu memburukkan kerajaan Malaysia kerana, pihak PAS terutama sekali yang seolah-olahnya merendahkan pemimpin Islam Hamas yang kononnya kepada pihak PAS dia itu adalah seorang yang kurang ajar selepas datang menjadi tetamu kerajaan Malaysia dan keluar daripada sidang tersebut menghentam dan mengkritik kerajaan Malaysia. Saya tidak fikir bahawa seorang pemimpin Islam sanggup berbuat demikian, tetapi yang memburukkan nama baik Hamas ialah PAS itu sendiri. Terima kasih.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita tahu bahawa Washington dan EU mengenakan sekatan ekonomi kepada kerajaan Hamas dan kerajaan Malaysia ada memberi bantuan kewangan kepada kerajaan Hamas. Jadi saya ingin tahu, apakah rancangan OIC sama ada secara jangka pendek dan jangka panjang dalam membantu kerajaan Hamas ini. Saya rasa kalau bantuan kewangan secara *one-off* ini, saya rasa tentu tak cukup untuk melaksanakan pembangunan dan juga untuk mentadbir negara Palestin dan negara-negara manakah dari anggota OIC yang ada membantu dari segi kewangan terhadap kerajaan Hamas di Palestin ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat pihak Menteri, sebentar tadi Yang Berhormat ada berkata bahawa Yang Berhormat memberi jawapan bersekali dengan soalan-soalan yang lain. Manakah, apakah soalan-soalan yang lain itu?

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Soalan yang sama dikeluarkan oleh Yang Berhormat daripada Pendang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendang. Baik, terima kasih. Sila jawab soalan tambahan Gombak.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gombak. Kita sendiri dalam keadaan yang terdesak, dalam usaha kita untuk membantu rakyat Palestine di sana. Sebagaimana yang disebutkan, Malaysia telah menyatakan kesanggupannya untuk memberi bantuan sebanyak USD16 juta di sini, tetapi kita akan terus mengadakan perbincangan dengan *authority* Palestine itu sendiri bagaimanakah untuk menyalurkan sebab untuk pergi ke Palestine, kita mesti melalui kerajaan, melalui negara Israel dan mesti mendapat kelulusan-kelulusan daripada *authority* Israel itu sendiri. Kita sendiri sudah

mengadakan persetujuan untuk menerima kehadiran *Presiden Palestine of Authority*, Dr. Mahmoud Abbas untuk mengunjungi Malaysia, sepatutnya pada tahun ini. Daripada situlah, kita akan dapat memikirkan apakah cara yang terbaik supaya saluran dapat terus disampaikan kepada rakyat Palestine. Terdapat negara-negara OIC yang lain saya percaya turut menyampaikan saluran mereka, tetapi sudah tentulah kalau saluran melalui kerajaan Israel akan menghadapi masalah yang tersendiri. Daripada masa ke semasa OIC mengadakan perbincangan untuk memikirkan apakah cara yang terbaik yang dapat disampaikan terus kepada rakyat Palestine. Terima kasih.

2. **Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **Menteri Kerja Raya** menyatakan :-

- (a) nama semua syarikat yang mengemukakan sebut harga untuk membina Bangunan MATRADE ketika tawaran dibuat sebelum ia mula dibina pada 1994; dan
- (b) jumlah sebut harga yang dikemukakan oleh setiap syarikat yang mengemukakan sebut harga itu dan asas pemilihan Perangsang International Sdn. Bhd. untuk membina Bangunan MATRADE.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 14 syarikat penender telah memasuki tender bagi membina dan menyiapkan bangunan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia iaitu MATRADE, di Jalan Duta Kuala Lumpur. Penender-penender tersebut adalah penender yang terpilih melalui proses berkelayakan. Nama penender yang memasuki tawaran adalah seperti berikut:-

- i) Perangsang International Sdn. Bhd.
- ii) Ireka Construction Sdn. Bhd.
- iii) Syarikat Siah Brothers Sdn. Bhd.
- iv) Syarikat Pembinaan Setia Sdn. Bhd.
- v) Syarikat Pembinaan Yeoh Tiong Lay
- vi) IJM Engineering & Construction Bhd.
- vii) Gamuda Sdn. Bhd.
- viii) Bridgecon Engineering Sdn. Bhd.
- ix) Road Builder (M) Sdn. Bhd.
- x) Chew Piau Construction Sdn. Bhd.
- xi) Bina Logamaya Sdn. Bhd. & Pembinaan YCS Sdn. Bhd. J.V
- xii) Kemas Construction Sdn. Bhd.
- xiii) Shapadu Properties Sdn. Bhd. J.V.Miller
- xiv) Golden Plus Builders Sdn. Bhd & Daewoo Corporation J.V

Jawapan untuk soalan (b), Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga tawaran yang telah dikemukakan oleh penender, yang memasuki tawaran adalah seperti berikut:-

1. Perangsang International Sdn. Bhd., Kelas A, taraf bumiputera, harga RM153,993,379.99, tempoh siap 156 minggu
2. Ireka Construction Sdn. Bhd. (Alternatif B), kelas A, bukan bumiputera, harga RM154,589,124.10, tempoh siap 138 minggu.
3. Ireka Construction Sdn. Bhd. (Alternatif A), bukan bumiputera, kelas A, harga RM157,721,431.23, tempoh siap 138 minggu.
4. Syarikat Siah Brothers Trading (Alternatif B), dengan izin, Kelas A, Bukan Bumiputera, 160,600,000.00, 109 minggu, iaitu tempoh siap.
5. Syarikat Siah Brothers Trading (Alternatif A), iaitu Bukan Bumiputera, 163,392,716.20, 109 minggu, iaitu tempoh siap.
6. Syarikat Pembinaan Setia Sdn. Bhd., (Alternatif B), Kelas A, Bumiputera, RM163,504,965.05, 126 minggu.
7. Syarikat Pembinaan Yeoh Tiong Lay (Alternatif B), Bukan Bumiputera, RM164,113,800.00, 117 minggu untuk menyiapkan, dan
8. IJM Engineering & Construction Bhd., Kelas A, Bukan Bumiputera, RM100., cari lampu, lampu pun tak boleh cari. [*Sambil mencari butang lampu*]. RM164,490,000.00, 100.8 minggu untuk menyiapkan bangunan.
9. Syarikat Pembinaan Setia Sdn. Bhd., (Alternatif A) sekali lagi, Bumiputera, RM165,420,322.63, 126 minggu untuk menyiapkan projek.
10. Syarikat Pembinaan Yeoh Tiong Lay, alternatif C iaitu kelas A, bukan bumiputera, RM166,113,800. 117 minggu untuk menyiapkan projek.
11. Gamuda Sdn. Bhd. Bukan bumiputera, RM167,310,380.80. 120 minggu.
12. Bridgecon Engineering Sdn. Bhd. Kelas A, bukan bumiputera, RM168,800,000. 139 minggu.
13. Syarikat Pembinaan Yeoh Tion Lay, alternatif A sekali lagi, bukan bumiputera, RM169,113,800. 119 minggu.
14. Road Builder (M) Sdn. Bhd. Kelas A, bumiputera, RM169,468,915.06. 121 minggu.
15. Road Builders (M) Sdn. Bhd. Alternatif A, kelas A, bumiputera, RM171,475,000. 121 minggu.
16. Chew Piau Constuction Sdn. Bhd. Kelas A, bukan bumiputera, RM171,535,429.57. 112 minggu untuk menyiapkan.
17. Gamuda Sdn. Bhd. Alternatif A, kelas A, bukan bumiputera, RM172,800,000. 120 minggu.

18. Bina Logamaya Sdn. Bhd. Berkongsi dengan Pembinaan YCS Sdn. Bhd. Alternatif C, bukan bumiputera, RM172,930,471.23. Tempoh untuk menyiapkan projek itu 156 minggu.
19. Kemas Construction Sdn. Bhd. Kelas A, bukan bumiputera, RM173,491,126.30. 130 minggu.
20. Bina Logamaya Sdn. Bhd. dan Pembinaan YCS Sdn. Bhd. Alternatif B, kelas A, bukan bumiputera, RM174,930,474.44. 156 minggu.
21. Bina Logamaya Sdn. Bhd dan Pembinaan YCS Sdn. Bhd. Alternatif A, bukan bumiputera, RM178,881,223.80. 156 minggu.
22. Shapadu Properties Sdn. Bhd. dengan J.V Miller, kelas A, bumiputera, RM187,121,300. 130 minggu.
23. Golden Plus Builders bersama dengan Daewoo Corporation, kelas A, bukan bumiputera, RM207,620,580 iaitu 118 minggu.

Inilah senarai-senarai yang terperinci untuk maklumat Yang Berhormat.

Yang kedua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, Lembaga Tender Jabatan Kerja Raya bersidang pada 30 Jun 1993 telah memperakukan Syarikat Ireka Construction Berhad dengan harga RM157,721,431 kepada Kementerian Kewangan. Asas perakuan Jabatan Kerja Raya adalah seperti berikut; harga tawaran kontraktor yang berpatutan, 15% lebih rendah berbanding dengan anggaran Jabatan Kerja Raya. Yang kedua, tempoh siap kerja yang boleh diterima. Yang ketiga, beban kerja semasa kontraktor yang tidak terlalu berat (satu projek dalam tangan).

Tawaran Perangsang International Sdn. Bhd. (PISB) tidak diperakukan kerana harga yang ditawarkan didapati terlalu rendah iaitu 19% lebih rendah daripada anggaran Jabatan. Ini adalah disebabkan PISB menawarkan harga *item wall cladding* yang terlalu rendah iaitu sebanyak RM3 juta sahaja berbanding dengan anggaran Jabatan Kerja Raya RM15 juta. Di samping itu, PISB telah tidak mengemukakan cadangan reka bentuk *wall cladding* tersebut. Kementerian Kewangan pada 8 September 1993 telah memutuskan supaya tender ini dipanggil semula secara tender terhad di kalangan 14 penender asal.

Walau bagaimanapun, pada 10 November 1993, Kementerian Kewangan telah mengarahkan supaya pelaksanaan projek ini dibuat secara runding terus dengan PISB. Selepas runding, Kementerian Kewangan telah bersetuju meluluskan harga yang dirunding iaitu sebanyak RM167 juta. Dan pada 18 Disember 1993, surat setuju terima tawaran kepada PISB telah dikeluarkan. Itulah jawapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi kemusykilan?

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Bangunan ini lambat siap, dan kontraktor yang dikemukakan gagal untuk menyiapkan mengikut tempoh. Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Yang

Berhormat terhadap kontraktor ini? Dan adakah berlakunya suatu *dispute*, pertelingkahan yang besar di antara Kementerian Yang Berhormat dengan Kementerian Kewangan? Tender yang di *recommend* oleh Kementerian Yang Berhormat ditolak oleh Kementerian Kewangan. Sila beri penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab kami untuk menilai tender. Dan juga mengesyorkan kepada Kementerian kewangan. Jikalau Kementerian Kewangan tidak menerima itu, saya tidak boleh soal. Oleh kerana kami act sebagai satu ejen kepada Kementerian Kewangan untuk memanggil tawaran. Pada akhir keputusan untuk beri atau tidak beri, terletak 100% dalam tangan Kementerian Kewangan. Itu akan dibuat oleh Menteri pada masa itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ketereh.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Seri Menteri Kerja Raya. Hari ini kita mendengar secara terperinci perkara yang begitu lama ditunggu bukan sahaja oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi juga oleh seluruh rakyat, apa yang berlaku mengenai pembinaan MATRADE yang sungguh mengagumkan kita. Daripada penerangan Yang Berhormat Menteri, jelas kepada kita bahawa ada percanggahan yang besar antara agensi yang melaksana dengan agensi yang memegang kuasa. Ini adalah sesuatu bila rakyat mendengar hari ini sesuatu yang sungguh menyedihkan. Sebab daripada Yang Berhormat sebut tadi, *recommendation* daripada JKR ialah Ireka dengan harga sebanyak RM157 juta. Kemudian datang arahan daripada Kementerian supaya *selected* tender dari Kementerian Kewangan. Kemudian ditukar menjadi *direct negotiation*, *direct nego* dengan harga RM167 juta. Ertinya sudah dipertimbangkan bahawa harga ini mahal. Tetapi akhirnya, syarikat yang dipilih tidak juga siap sehingga menyebabkan kita semua menjadi malu, termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri dan kita semua.

Maka soalan tambahan saya, semua Menteri dengar, Menteri Kerja Raya dengar, apakah perkara ini akan terus kita biarkan lagi di masa akan datang atau sudah sampai masanya, Kementerian Kewangan mengambil pandangan daripada kementerian yang menjadi agen kepadanya untuk membuat sesuatu keputusan. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Syarikat PISB sudah ditutup, tidak ada lagi. Pengarah-pengarahnya pandai sekali, tidak tahu ke mana mereka pergi tetapi tidak boleh lari. Saya sudah bincang dengan Peguam Negara iaitu di mana mereka ada pun, kita akan cari. Kita mesti bawa mereka ke mahkamah. Satu tindakan tegas mesti diambil. Duit kita yang hilang daripada bangunan ini mesti dibayar balik oleh mereka. Tetapi saya tidak boleh bagi pandangan berkenaan dengan kes. Itu luar daripada fikiran saya oleh kerana itu akan dijalankan oleh pakar-pakar dalam undang-undang.

Walau bagaimanapun, mula-mula saya telah diberitahu, kita tidak mempunyai hak untuk mengambil apa-apa kes oleh kerana syarikat itu sudah tutup. Macam ini, pada masa akan



datang, tiap-tiap kontraktor akan mengambil kontrak daripada kerajaan, ambil semua bayaran-bayaran, satu hari kemudian nanti dia tutup itu syarikat, kita buka mata, dan buka mulut sahajalah. Tidak dapat apa-apa lagi.

Saya sudah ambil perhatian dalam hati saya, ini mesti kita lawan.... [*Dewan riuh*] Tidak boleh kasi dia lari. Kita ambil tindakan atas dia, siapa dia punya boss, siapa dia punya director, mana dia tubuh, siapa jadi director masa ditubuhkan, semua mesti diambil tindakan. Saya janji kepada Dewan yang mulia ini, sampai saya dapat apa-apa arahan dari mana-mana pihak pun kita mesti jalankan. Ini arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**3. Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]** minta Kementerian Pengangkutan menyatakan setakat ini berapa jumlah pekerja MAS yang bersetuju untuk menerima Skim Pemisahan Sepakat (MSS) dan bagaimana pihak MAS mencari sumber kewangan bagi maksud tersebut. Adakah melalui cara-cara seperti ini barulah syarikat MAS mempunyai peluang untuk memulihkan keadaan kewangannya.

**Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Alor Star berserta dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tawau pada 4 Julai, Beluran pada 5 Julai, Lanang pada 6 Julai, Indera Mahkota dan Petrajaya pada 12 Julai 2006 masing-masing.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Sri Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sehingga ini seramai 4,236 orang kakitangan Penerbangan Malaysia (MAS) telah memohon untuk menyertai Skim Pemisahan Sepakat ataupun MSS dengan izin bagi tujuan membiayai pelaksanaan MSS, MAS akan menggunakan sumber kewangan yang akan diperolehi melalui Penamatan Perjanjian Penghuraian Domestik (*Domestic Business Unbundling Agreement*) dengan izin, daripada Syarikat Penerbangan Malaysia Berhad.

Adalah dijangkakan dengan pelaksanaan skim ini, MAS akan dapat memperbaiki kedudukan kewangannya dari segi penjimatan kos kakitangan sebanyak lebih kurang RM500 juta setahun berasaskan kepada jumlah kakitangan yang dinyatakan tadi.

Skim yang dikemukakan oleh MAS telah menerima sambutan yang memberangsangkan daripada kakitangan memandangkan pakej pampasan yang diberikan adalah menarik dan dijangka memenuhi kehendak kakitangan yang terlibat.

Namun demikian, jumlah sebenar pampasan adalah tertakluk kepada jumlah kakitangan yang dipersetujui oleh pihak pengurusan MAS untuk dilepaskan. Bagaimanapun, bagi mana-mana kakitangan yang tidak memohon untuk menyertai skim tersebut tidak akan dikenakan sebarang tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pekerja-pekerja yang telah memilih untuk mendapatkan MSS, pihak MAS sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa syarikat penerbangan asing untuk menempatkan pekerja-pekerja MAS dalam syarikat berkenaan di samping mendapatkan khidmat nasihat dan kaunseling dari Kementerian Sumber Manusia. Sekian, terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Saya mempunyai dua soalan tambahan iaitu pertama ialah mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri, saya difahamkan setakat ini sudah 4,500 orang pekerja telah pun menyertai skim MSS.

Saya ingin tahu juga katalah pada akhirnya MAS tidak dapat mencapai sasaran 6,500 orang yang menyertai skim MSS ini apakah tindakan MAS. Adakah MAS hendak cari juga pekerja dari mana-mana sektor untuk menyertai skim ini dan jika tidak mencapai juga adakah ini menjejaskan skim tindakan pemulihan MAS.

Yang kedua ialah mengenai isu kemudahan 25% diskaun yang diberikan kepada Ahli Parlimen semasa mereka ini membeli tiket bagi perjalanan dalam negara. Saya difahamkan baru-baru ini MAS telah pun menarik balik kemudahan yang diberikan kepada Yang Berhormat. Ahli-ahli Parlimen dan digantikan skim kuota. Saya pun tidak fahamlah apa maksud kuota.

Walau bagaimanapun, bila saya pergi beli baru-baru ini, saya tidak dapat menikmati kemudahan 25% diskaun ini dan saya kena bayar penuh dan saya ingin tahu sama ada pihak MAS benar-benar bergantung kepada kemudahan 25% ini ditarik balik untuk memulihkan syarikat MAS?... [Disorak] Ini berapa orang Ahli Parlimen sahaja? 219 orang apa? 219 Ahli Parlimen, tidak ramai pun...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** Sekurang-kurangnya 30% di antara kita adalah anggota pentadbiran. Sila berikan penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Sri Chan Kong Choy:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Alor Star. Berkenaan dengan MSS saya hendak memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa sungguh pun kita tidak dapat memenuhi atau mencapai sasaran jumlah yang dijangka, MAS tidak akan meneruskan dengan MSS dan ini tidak akan menjejaskan program pemulihan MAS oleh kerana, sungguh pun kita tidak dapat 6,000 lebih kerana dalam setahun dua ini ada mereka yang akan bersara dan juga ada kakitangan secara kontrak dan ekspatriat. Sungguhpun kita tidak dapat 6,500 orang tetapi dalam jangka masa dua atau tiga tahun, angka ini akan dapat dicapai. Maka MAS tidak akan meneruskan dengan MSS dan kita akan tetap dengan beberapa orang yang akan dilepaskan selepas 31 Julai ini.

Tentang 25% diskaun yang diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Parlimen dalam perjalanan domestik ini memang tidak ditarik balik. Tetapi oleh kerana satu sistem yang dijalankan MAS agak kompleks dan ini telah menyebabkan kadang-kadang Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dapat kemudahan yang diberikan itu. Maka saya akan seperti Yang Berhormat

katakan, tidak ramai pun Ahli Yang Berhormat, tidak ramai dan Ahli Yang Berhormat merupakan golongan yang cukup penting dalam negara ini.... [*Disorak*] Maka saya akan mencadangkan kepada MAS, bila Ahli-ahli Yang Berhormat membuat tempahan sahaja, akan terus diberikan 25% ini tetapi bergantung kepada ada tempat. Kalau sudah penuh tidak boleh buat apa-apa. Kalau ada tempat akan terus bagi sahaja bagi 25% diskaun ini. Saya akan pastikan bahawa cadangan ini akan dijalankan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Menteri sangat prihatin mengenai kepentingan Ahli-ahli Parlimen. Adakah Yang Berhormat pun sama prihatin mengenai kepentingan orang ramai khususnya oleh kerana MSS antara satu program *turn around* MAS, antara lain ialah untuk *rationalization routes* dan di mana rakyat di Sabah dan Sarawak khususnya adalah kompelin bahawa pertukaran *route* itu akan menyusahkan. Apakah tindakan supaya rakyat di Sabah dan Sarawak tidak akan menghadapi kesusahan dan bolehkah Yang Berhormat memberi laporan apa usaha untuk mendapat tuntutan balik. Oleh kerana kerugian berbilion-bilion ringgit dalam masa zaman Tajuddin Ramli masa itu, supaya beban rakyat dan MAS boleh dikurangkan.

**Dato' Sri Chan Kong Choy:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Pihak kerajaan memang cukup prihatin tentang kepentingan orang ramai termasuk mereka daripada Sabah dan Sarawak. Dalam rundingan *rationalization domestic*, Air Asia dan juga MAS masih terus mengadakan perundingan supaya bila tiba 1 hari bulan Ogos, bila *rationalization domestic* ini dilaksanakan bahawa satu *transition* yang lancar dapat diadakan supaya tidak menyusahkan mana-mana pihak. Tentang soalan yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat saya tidak mempunyai apa-apa maklumat mengenai perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jemput Ahli Yang Berhormat dari Tuaran.

4. **Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah benar dakwaan pihak tertentu kononnya Jabatan yang dilaporkan insiden rasuah tertinggi di negara ini adalah Jabatan Pelajaran. Apakah tindakan kementerian jika didapati dakwaan tersebut benar.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, dakwaan yang mengatakan bahawa Jabatan yang dilaporkan insiden rasuah tertinggi di negara ini ialah Jabatan Pelajaran adalah tidak benar. Untuk makluman Yang Berhormat pada tahun 2003 hanya lima orang sahaja dari Jabatan Pelajaran dituduh di Mahkamah atas kesalahan rasuah. Enam orang dalam tahun 2004 dan enam orang dalam tahun 2005. Bilangan ini adalah rendah jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan Jabatan Pelajaran.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Bukit Gelugor. Soalan tambahan, maaf.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah memajukan soalan ini setelah saya mendapat aduan daripada seorang Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Sendirian Berhad yang telah menghadiri satu kursus yang diwajibkan oleh SSM. Beliau mendakwa bahawa dalam salah satu ceramah yang telah diberikan oleh BPR daripada Kota Kinabalu di mana pegawai tersebut telah memberi satu kuiz kepada para peserta. Dua soalan, soalan pertama, mana satu kementerian atau jabatan yang paling korup di Malaysia dan soalan kedua negara manakah yang paling korup di dunia. Siapa yang dapat jawapan diberikan hadiah. Dan apabila diberi jawapan oleh semua peserta-peserta mengatakan bahawa yang paling korup ialah polis. Akhirnya pegawai ini mengatakan bukan polis tetapi yang paling korup ialah Jabatan Pelajaran. Beliau memberitahu saya bahawa ia hampir pengsan sebab Jabatan Pelajaran ini adalah tonggak pembina negara kita yang memberi nilai-nilai murni yang baik dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalnya.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Soalnya ialah pembina negara mengenai akhlak. Persoalan saya di sini ialah jawapan ini telah diberikan oleh seorang pegawai BPR dan telah memberikan yang begitu buruk kepada peserta seminar dan beliau memberitahu saya tolong tanya di Parlimen adakah ini benar. Kalau ini benar maka ini adalah tidak baik untuk imej negara kita yang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang yang betul-betul memerangi rasuah. Jadi jawapan yang pendek daripada Yang Berhormat Menteri tadi, soalan tambahan saya ialah mana satu jabatan sebenar yang betul-betul korup. Kalau adalah. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah bahawa dakwaan itu tidak betul. Tetapi mungkin disabitkan oleh kerana di Kementerian Pelajaran ini *benchmark* nya tinggi. Mungkin tiap-tiap tahun hanya seorang sahaja sepatutnya didakwa tetapi lima dan enam maka ini maknanya tinggilah, mungkin itu, subjektif. Tetapi saya ingin mengatakan iaitu jawapan saya adalah jawapan yang rasmi dan apa yang dikatakan itu adalah tidak benar bagi pandangan kita.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Apa yang dijawab tadi ialah mengenai Jabatan Pelajaran. Bagi badan kehakiman, adakah dalam badan ini insiden-insiden korupsi dan khasnya apabila kami teliti apa yang ada di dalam satu surat yang disediakan oleh bekas hakim Syed Aidid dan beberapa delegasi, beberapa akuan mengenai hakim-hakim tertentu adakah itu disiasat untuk menentukan adakah benar apa yang ada dalam surat yang diakui oleh bekas hakim Syed Aidid sebagai dialah orang membuat dan menyiarkan surat itu. Tidak payahlah hentam Mahathir dan mencabar beliau. Apa yang penting adalah untuk menentukan dalam *judiciary* (badan kehakiman) dan badan ini adalah badan yang penting untuk negara, apa insiden-insiden korupsi dalam badan kehakiman ini sehingga sekarang.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, dahulu Bukit Gelugor ni benci Tun Mahathir tetapi sekarang sama dalam pembangkang kot. Sebab itu dia marah saya hentam Tun Mahathir. Pertamanya saya hendak beritahu surat yang ditulis oleh Syed Aidid itu pertamanya adalah surat layang. Apabila disiasat baru dapat tahu bahawa penulisnya itu ialah Syed Aidid. Bukan Syed Aidid mengakui daripada awal. Surat itu adalah surat layang dan apabila disiasat dan didapati yang menulis ialah Syed Aidid.

Jadi pertamanya sudah tentulah ini surat layang, surat yang tidak ditandatangani, surat yang tidak bertanggungjawab. Namun apabila dibuat siasatan dan kemudian didapati bahawa Syed Aidid yang menulis kerajaan menyiasat, ACA menyiasat dan juga Peguam Negara menyiasat. Perkara ini berlaku pada tahun 1996 dahulu, hampir 10 tahun dahulu. Telah pun disiasat dan didapati bahawa tidak berasas. Sebab itulah tidak ada apa-apa tindakan yang diambil kerana ia cuma merupakan tuduhan-tuduhan liar yang tidak mempunyai asas. Jadi kalau Bukit Gelugor hendak tanya apakah sudah disiasat, ya. Jawapannya memang sudah pun disiasat dan didapati tidak ada asas dalam surat layang itu.

*[Soalan No. 5 – YB Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) tidak hadir]*

**6. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta** Perdana Menteri menyatakan bilangan pengundi hantu yang masih berada dalam Daftar Pemilih dan bilangan pengundi hantu yang telah dikeluarkan daripada Daftar Pemilih dalam 3 tahun yang lepas serta langkah yang diambil oleh SPR untuk memastikan Daftar Pemilih bebas daripada pengundi hantu supaya kita boleh mempunyai pilihan raya yang bebas dan adil.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini sukacita dimaklumkan bahawa tidak ada pengundi hantu dalam Daftar Pemilihan SPR. Saya dengar ada bunyi hantu di sana *[sambil menunjukkan ke arah Ahli-ahli Parlimen Parti Pembangkang]*. Justeru itu SPR kurang faham yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seputeh mengenai pengundi hantu itu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ada dalam daftar pemilih SPR ialah lebih kurang 2.8 juta pemilih yang berdaftar di alamat yang tidak sama dengan alamat yang terdapat di dalam kad pengenalan mereka. Ini kerana mengikut peraturan pendaftaran lama yang diguna pakai sebelum 16 Julai 2002 pemilih yang layak boleh mendaftar mengikut alamat yang mereka berikan di mana alamat tersebut tidak semestinya sama dengan alamat di dalam kad pengenalan mereka. Ini kerana ada di kalangan warga negara Malaysia yang telah bertukar alamat tempat tinggal tetapi tidak membuat pertukaran alamat di dalam kad pengenalan mereka.

Dengan menyediakan peraturan sedemikian seseorang pemilih yang layak itu boleh mendaftar dengan mudah pada tarikh kelayakan mereka. Dalam hal ini sukacita dimaklumkan bahawa pemilih-pemilih tersebut adalah pemilih yang sah sebelum ini. Dari segi undang-undang

dan SPR tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan atau memindahkan mereka ke tempat sebenar mereka tinggal kerana ianya di luar bidang kuasa SPR. Tetapi walau bagaimanapun oleh kerana telah bangkit banyak masalah selepas 16 Julai 2002 SPR melaksanakan peraturan baru pendaftaran. Di mana seseorang warganegara yang layak didaftarkan sebagai pemilih itu akan didaftarkan mengikut alamat seperti yang tertera di dalam kad pengenalan mereka. Melalui peraturan baru ini maka tidak ada lagi pemilih yang mendaftar tempat mengundi mereka yang tidak sama dengan alamat yang terdapat dalam kad pengenalan mereka. Dengan yang demikian, SPR percaya bahawa daftar pemilih yang ada sekarang mampu untuk menjadikan pilihan raya yang akan diadakan pada masa hadapan berjalan dalam keadaan bebas dan adil.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah jangka jawapan seperti ini kalau soalan yang agak kontroversial ditanya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, tentu yang memeranjatkan kita semua. Tuan Yang di-Pertua, kita masih ingat kawan lama kita, Yang Berhormat Datuk Yong Teck Lee, bekas Ketua Menteri Sabah dalam sidang yang lepas beliau dihukum dan diputuskan oleh mahkamah bahawa beliau hilang kelayakan kerana terdapatnya pengundi hantu dalam kawasanya. Ini satu.

Kes yang keduanya, kita juga dengar laporan bahawa selalunya terdapat orang yang membuang undi di beberapa tempat pada hari pengundian dan termasuk orang mati pun boleh keluar dan mengundi. Ini dibuktikan dalam kes ayah kepada Naib Presiden Parti Keadilan, Azmin Ali bahawa bapanya yang sudah mati beberapa tahun pada hari pengundian tahun 2004 pun telah didapati telah membuang undi. Ini ada bukti.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah terima satu jawapan semalam daripada Jabatan Perdana Menteri mengenai jumlah komposisi kaum di Sabah, di mana jumlahnya ialah 2,980,700 dan di antaranya 24.9% adalah bukan warganegara. Kita juga terbaca di dalam media Sabah bahawa pendatang asing mendapat MyKad lebih awal daripada warga Sabah dan ramai di antara pendatang asing ini telah pun mendaftarkan diri sebagai ahli UMNO Sabah dan mendaftarkan diri sebagai pemilih. Mereka juga diberi amaran oleh ahli Barisan Nasional bahawa mereka bila dapat MyKad.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat!

**Beberapa Ahli:** *[Bersorak]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ....mesti membuang undi kepada Barisan Nasional kalau tidak MyKad mereka akan ditarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat!

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada bukti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, simpulkan dengan soalan, ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bukan, ini berkaitan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bukti tidak boleh pakai.

**Seorang Ahli:** Ini berbahas, Yang Berhormat bagi Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Dalam *Utusan Malaysia*. Ini surat khabar UMNO, dengarlah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *Denial syndrome. [Disorak]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini *denial syndrome*.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak perlulah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Surat khabar Utusan Malaysia hari ini, muka surat 9. Bahawa Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, dia tidak menolak kemungkinan kegiatan pengeluaran MyKad palsu yang dikesan berleluasa di Sabah telah ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu isu lain.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Lain isulah. Itu lain itulah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** .... menular ke Semenanjung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi soalan, itu lain.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kita bincang lain perkaralah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Okey, soalan saya yang sebenarnya ialah sekarang kerajaan telah mengakui bahawa ada ramai orang di Sabah adalah pemegang MyKad palsu dan sekarang Bukit Aman juga telah tubuhkan satu pasukan khas untuk menyiasat tentang pemegang MyKad palsu ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi soalan mengenai yang berkaitan, ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ramai di antara mereka telah mendaftar menjadi pengundi kita. Jadi, soalan saya ialah macam mana SPR akan mengeluarkan nama pemegang MyKad palsu yang telah pun didaftarkan sebagai pemilih daripada daftar pemilih kita. Macam manakah SPR akan mengeluarkan pemegang kad pengenalan palsu daripada daftar pemilih yang dibawa masuk ke Sabah di bawah projek Tun Dr. Mahathir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, sila duduk.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada dia pekak ataupun dia tidak faham. Saya sudah jawab tadi pengundi hantu tidak ada. Apa yang ada ialah orang yang mendaftar tidak mengikut alamat di dalam kad pengenalanya. Yang Azmin punya hal itu saya tidak tahu. Itu betul-betul hantu. Kalau bapanya sudah meninggal ada mengundi, itu betul hantu punya pengundi. *[Ketawa]* Tetapi itu Keadilan punya penyokonglah *[Disorak]* bukan Barisan Nasional.

Saya hendak beritahu juga SPR kerjanya ialah kalau orang datang, tunjuk ada satu kad pengenalan, dia daftarliah, bukan kerjanya untuk hendak cek sama ada benda ini palsu atau tidak palsu. Itu kerja jabatan lain. Saya tidak mewakili jabatan lain. Dan, saya hendak beritahu kepada dia, apa yang disebut oleh Timbalan Menteri, dia kata kemungkinan, bukan lagi benda itu sudah betul sah, dia kata kemungkinan, sebab orang beritahu kepada dia, dia kata kemungkinan. Kemungkinan belum lagi berlaku. Kita agak sahaja, mungkin berlaku mungkin tidak berlaku.

Saya hendak cadangkan kepada dia pergi balik belajar Bahasa Malaysia, malu pada budak-budak ini, ia tidak tahu apa maksud kemungkinan. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat cukuplah Yang Berhormat. Saya ingat cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Beberapa Ahli Pembangkang.** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Tetapi sebelum itu saya hendak betulkan Yang Berhormat bagi Seputeh ini. Datuk Yong Teck Lee hilang kelayakan bukan fasal pengundi hantu, pengundi tidak hantu, yang hilang kelayakan *billboardnya* tidak ada alamat pengeluar, alamat penerbit. Jadi inilah pembangkang selalu dia mengelirukan.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Satu dakwaan. Yang Berhormat bagi Sri Gading you tidak baca....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** SPR telah berkali-kali menyatakan bahawa daftar pemilih sentiasa dibersihkan. Tiap-tiap kali pilihan raya seberapa boleh SPR membersihkan daftar pemilih, termasuk yang terbaru ini supaya alamat yang benar itu. Itu yang menjadikan daftar pemilih yang bersih dari segi pengundi dengan pemilih. Tidak ada pengundi hantu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Agaknya setuju atau tidak, Yang Berhormat, yang sebenarnya yang ada hantu ini di kepala DAP. Setuju atau tidak? *[Ketawa]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya sudah tahu. Memang betul ia memang soalan tambahan yang tepat dan betul kerana dalam Dewan ini pun yang hantu sebelah sana.

**7. Datuk Ismail bin Abd. Mutalib [Maran]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pelabur yang terlibat dalam pelaburan saham-saham Amanah yang nilainya lebih rendah daripada harga tawaran asal dan berapakah nilai pelaburan tersebut. Bilakah kerajaan akan melaksanakan pembayaran RM1 sebagai pulangan balik kepada pelabur terlibat untuk membantu mereka daripada terus kerugian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**  
Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, cukup.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, memang...



**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Seputeh dan Yang Berhormat bagi Batu Gajah, sila duduk.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ahli wakil rakyat Sabah tidak memperjuangkan masalah yang berlaku di Sabah. Tunjukkan, semua mereka tahu tetapi tidak berani berdiri tanya soalan. *[Disorak]*

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Baguslah bagi hantu.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Malulah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Apa malu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Setiausaha Parlimen Kewangan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat jumlah akaun pelabur Tabung Unit Amanah setakat 30 April 2006 ialah sebanyak RM11.071 juta. Manakala nilai aset bersih pada tarikh yang sama ialah sebanyak RM100.02 bilion. Adalah sukar untuk menentukan jumlah pelabur yang memiliki unit amanah yang nilainya adalah lebih rendah daripada harga asal kerana unit amanah boleh menambah pelaburan atau menjual unit amanah mereka pada bila-bila masa. Prestasi sesuatu tabung unit amanah bergantung kepada pelbagai faktor seperti pertumbuhan ekonomi, pasaran saham dan prestasi syarikat yang dilaburkan. Faktor ini menyebabkan nilai unit amanah berubah hari demi hari. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat tidak bercadang melaksanakan pembayaran RM1 sebagai pulangan balik kepada pelabur terlibat khususnya bagi pemegang-pemegang unit amanah saham negeri.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya ialah suatu ketika dahulu dalam lingkungan 80-an, kerajaan pernah memberikan saham-saham amanah ini kepada golongan-golongan miskin terutama di kawasan luar bandar, istimewanya kepada mereka yang disenaraikan dalam PPRT, maknanya peserta rakyat termiskin dengan harapan saham-saham amanah ini apabila harganya baik, untungnya dapat, dividennya baik, maka akan cuba dapat mengatasi masalah kemiskinan yang dihadapi oleh golongan ini. Tetapi harapan itu menjadi tidak kenyataan, malahan harga saham-saham amanah ini merosot begitu rendah sekali sehingga bilangan rakyat miskin semakin bertambah dan mengatasi masalah kemiskinan ini tidak juga dapat kita atasi.

Soalan tambahan. Saya ingin tahu berapakah jumlah pelaburan yang diberikan khusus kepada kumpulan rakyat termiskin ini dan apakah akibat daripada kemerosotan harga ini menyebabkan masalah kemiskinan yang dihadapi oleh kumpulan miskin ini tidak dapat diatasi oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua tadi ialah agak spesifik, jadi saya tidak ada maklumat yang tepat untuk saya menjawab pada hari ini. Walau bagaimanapun saya boleh beritahu iaitu pihak Kerajaan Pusat memang sudah ada

amanah saham ASN dan sebagainya. Ada 10 tabung semuanya, ada tabung yang berubah harga, ada tabung yang tetap harga tetapi kerajaan negeri juga, saya lihat di sini kerajaan negeri yang ada saham negeri ialah Selangor, Johor, Terengganu, Sabah, Pahang, Kedah dan juga Sarawak. Memang kita tahu ada kerajaan negeri yang telah pun memberi saham-saham kepada mereka yang kurang bernasib baik. Dan saham pada sebelum tahun 1997, sebelum berlaku krisis kewangan, memang saham meningkat, melambung dengan cepat, dengan laju. Tetapi selepas 1997, 1998 krisis kewangan, saham sudah mula menjunam, jatuh. Maka, nilai saham-saham telah jatuh. Tetapi ada pihak-pihak negeri seperti Selangor, Johor dan Terengganu mereka telah pun ambil inisiatif untuk membeli balik saham pada kadar par RM1.00. Tetapi Sabah, Kedah dan Terengganu belum lagi berbuat demikian dan Sarawak saya difahamkan, Sarawak juga telah pun memberi jaminan untuk membeli balik dengan kadar RM1.00 Tuan Yang di-Pertua. Jadi yang kerugian, saya tidak dapat memberitahu pada hari ini.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Mengenai amanah saham ini. Satu ketika dahulu kerajaan memberi pinjaman kepada rakyat termiskin sebanyak RM5,000 termasuk dalam amanah saham dia, kita bagi buku tetapi tidak menyatakan duit RM5,000 dan tiap-tiap tahun kita bayar dividen. Kemudian sebahagian daripada dividen dipotong daripada pinjaman tersebut. Perkara ini sudah berlaku hampir 12 tahun yang lepas.

Dalam kawasan saya ada 3,000 orang penerima. Mereka bertanya saya, hutang mereka sebenarnya sudah lepas tetapi mereka masih menerima dividen. Soalan tambahan saya, apakah kerajaan bercadang untuk memberi duit ini, yang RM5,000 ini kepada mereka atau hanya hendak bagi dividen tiap-tiap tahun apabila wang mereka sebenarnya sudah habis dibayar. Terima kasih. Saya minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini belum ditentukan lagi. Jadi saya tidak dapat bagi jawapan sama ada boleh atau tidak boleh ataupun kerajaan bersetuju atau tidak, belum lagi buat keputusan Tuan Yang di-Pertua.

8. **Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah status tanah Kampung Baru Kuala Lumpur yang tidak mempunyai geran hak milik serta menerangkan sama ada peraturan Penempatan Pertanian Melayu 1951 (*Malay Agricultural Settlement Rules* 1951), Warta Negeri Selangor No. 50/1951, masih lagi berkuat kuasa pada hari ini setelah mengambil kira Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 1974 yang telah memindah milik Bandar raya Kuala Lumpur dari Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, *The Malay Agricultural Settlement* (MAS) Kampung Baru Kuala Lumpur adalah merupakan satu kawasan penempatan pertanian bagi orang-orang Melayu di Kampung Baru Kuala Lumpur yang diwujudkan melalui perizaban di bawah seksyen 6 Enakmen Tanah 1897 sebagai *The Malay Agricultural Settlement* seluas lebih kurang 221.5 ekar. Bagi

mengawasi tanah-tanah ini secara teratur, pada tahun 1950 telah diwujudkan pula *by law* bagi MAS ini iaitu *The Malay Agricultural Settlement Kuala Lumpur Rules 1951* dan juga peraturan (Pindaan) 1994 melalui kuasa *Land Code 1962*, CAP 138, seksyen 246 (4).

Mulai tahun 1964, Kerajaan Negeri Selangor telah mula meluluskan pengeluaran hak milik bagi tanah-tanah di dalam kawasan ini. *Exercise* tersebut diteruskan oleh Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mulai tahun 1974, apabila Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan sehingga sekarang. Dari segi bilangan lot yang terdapat di Kampung Baru adalah seperti berikut:

- (i) lot untuk kediaman - 835;
- (ii) lot bagi padang ataupun kawasan lapang ialah empat lot;
- (iii) masjid satu lot dan
- (iv) untuk surau ada lima lot.

Daripada 835 lot kediaman, sebanyak 827 lot telah dikeluarkan hak milik dan bakinya di dalam pertimbangan Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi tapak surau dan kawasan lapang, hak milik belum dikeluarkan lagi. berhubung dengan persoalan sama ada Peraturan Penempatan Pertanian Melayu 1951, (*The Malay Agricultural Settlement Rules 1951*), Warta Negeri Selangor No. 50/1951 masih lagi berkuat kuasa.

Jabatan Peguam Negara memaklumkan bahawa mengikut seksyen 6 Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1974, Akta A 2006, "Mana-mana undang-undang bertulis yang sedia ada dan sedang berkuat kuasa dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hendaklah terus berkuat kuasa dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sehinggalah undang-undang bertulis itu dimansuhkan, dipinda atau digantikan oleh undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen".

Seksyen tersebut juga memperuntukkan bahawa, "Apa-apa fungsi atau kuasa yang terletak hak kepada raja bagi negeri Selangor atau pada mana-mana pihak berkuasa negeri, itu oleh mana-mana undang-undang yang sedia ada berhubung dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hendaklah terletak hak itu kepada dan dijalankan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan atau mana-mana orang atau pihak berkuasa lain yang diarahkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui perintah".

Dengan itu, selagi kaedah-kaedah Peraturan Penempatan Pertanian Melayu 1951 tidak dibatalkan atau digantikan dengan undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen, kaedah-kaedah itu masih lagi berkuat kuasa pada hari ini.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Memandangkan jawapan demikian, saya hendak tahu sama ada pihak DBKL yang mempengerusikan Majlis MAS itu adalah sah daripada segi undang-undang atau tidak.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya sebut sebentar tadi iaitu di bawah akta ini, kalau sekiranya sebelum ini iaitu Kuala Lumpur diletak di bawah negeri Selangor, kalau disebutkan bahawa hak itu terletak kepada raja

bagi negeri Selangor atau mana-mana pihak berkuasa negeri itu oleh mana-mana undang-undang yang sedia ada berhubung dengan Wilayah Persekutuan, maknanya di Wilayah Persekutuan ini sekarang ini, yang berhak ialah Yang di-Pertuan Agong dan juga Menteri Wilayah Persekutuan. Jadi kalau sekiranya Dato' Bandar yang mempengerusikan MAS, maka itu adalah sah kerana mengikut undang-undang ini, kuasa itu telah dipindah daripada mereka yang berkuasa di negeri Selangor kepada sekarang ini, mereka yang berkuasa di Wilayah Persekutuan.

9. **Dato' Chua Jui Meng [Bakri]** minta Menteri Pelajaran menyatakan strategi dan langkah-langkah untuk memperkenalkan bahasa ibunda di sekolah kebangsaan dan pencapaiannya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, Mata Pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan akan ditawarkan sebagai mata pelajaran pilihan. Program ini akan dijalankan secara rintis di 150 buah sekolah kebangsaan. Bagi mata pelajaran Bahasa Cina di 70 buah sekolah kebangsaan. Bagi mata pelajaran Bahasa Tamil pada tahun depan iaitu tahun 2007. Seterusnya program ini akan diperluaskan ke sekolah kebangsaan yang lain secara berperingkat mulai tahun 2008.

Kementerian Pelajaran melalui Jemaah Nazir Sekolah akan memantau dan mengkaji keberkesanan model pelaksanaan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan dan mencadangkan model yang paling sesuai untuk diteruskan mulai tahun 2008. Perubahan perlu dibuat sekiranya model-model pelaksanaan tersebut menghadapi masalah. Bilangan guru yang akan mengajar Bahasa Cina dan juga Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan ini telah dikenal pasti dan mencukupi. Kementerian juga telah menyediakan sukatan pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan. Buku teks dan bahan perisian untuk Bahasa Cina dan Bahasa Tamil turut disediakan sebagai bahan sokongan.

Bagi memastikan pelaksanaan pengajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan ini berjalan dengan lancar seperti yang dirancang, mesyuarat penyelarasan di antara bahagian-bahagian di Kementerian Pelajaran Malaysia diadakan setiap bulan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atas jawapan tadi. Berlandaskan kepada jawapan beliau tadi, saya nampak sukar untuk pelajar mencapai matlamatnya di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk mencapai iaitu murid-murid Cina di dalam sekolah kebangsaan naik daripada 6% kepada 12% menjelang tahun 2010. Orang India daripada 43% naik hingga 65% pada tahun yang sama, oleh kerana langkah-langkah yang diambil adalah langkah-langkah yang awal sahaja dan kita ada hanya empat tahun sebelum kita sampai ke tahun 2010.

Soalan saya ialah, pada masa kini sekolah Tamil dan sekolah Cina juga ada menghadapi kekurangan guru. Oleh kerana itu, ada banyak aduan daripada masyarakat kaum Cina dan India iaitu tambahlah guru kepada sekolah-sekolah kita. Berdasarkan kepada kekurangan guru-guru di sekolah Tamil dan Cina pada masa ini, kerajaan ada cita-cita yang tinggi untuk menarik masuk orang-orang India dan orang Cina ke dalam sekolah kebangsaan sebagai pilihan pertama. Tetapi saya nampak itu tidak begitu realistik, sama ada Kementerian Pelajaran akan mengambil langkah-langkah yang lebih berani dan lebih tegas umpamanya menggaji guru-guru daripada India dan Cina. Di sana ada banyak mengapa kita tidak menarik mereka ini masuk ke dalam negara kita?

Yang kedua ialah sama ada, ada prasyarat-prasyarat yang dikenakan oleh Kementerian Pelajaran sebelum kelas ditubuhkan di sebuah sekolah kebangsaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, sila Yang Berhormat.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kementerian mempunyai tiga model untuk pelaksanaan Bahasa Cina dan juga Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan, iaitu untuk sekolah yang satu sesi dicadangkan lima waktu di hujung jadual waktu persekolahan. Untuk tahap satu dan tahap dua, kita juga mencadangkan 12 waktu untuk tahap satu dan 10 waktu tahap dua di sebelah petang bagi pelajar di sekolah satu sesi dan lima waktu pada hari Sabtu bagi pelajar di sekolah satu dan dua sesi. Dari segi sama ada bekalan guru adalah mencukupi, kementerian juga mempunyai beberapa cadangan untuk mencegah kekurangan daripada tenaga pengajar. Antara langkah-langkah yang akan diambil adalah kita akan bergantung kepada:

- (1) Guru-guru yang sedia ada di sekolah masing-masing.
- (2) Kita juga akan memakai guru-guru dari sekolah lain yang akan dibayar elaun.
- (3) Kita juga akan gunakan guru-guru pesara ataupun guru-guru kontrak juga guru-guru sandaran tidak terlatih atau GSTT.
- (4) Guru-guru daripada kumpulan guru simpanan kebangsaan.

Saya rasa dari segi sama ada kementerian sanggup untuk mengadakan ataupun menggunakan guru daripada lain negara, saya rasa selepas kita menggunakan langkah-langkah ini dan masih didapati bahawa kita ada kekurangan tenaga pengajar, maka pada masa itu kita boleh mencadangkan untuk menggunakan guru-guru daripada lain negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat memperkenalkan Bahasa Cina dan juga Bahasa Tamil sewaktu sekolah, dalam jadual waktu sekolah adalah antara langkah-langkah yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran untuk memperkasakan lagi sekolah kebangsaan supaya sekolah-sekolah ini menjadikan sekolah pilihan masyarakat, dan ini adalah wadah yang digunakan oleh kementerian untuk memperkukuhkan lagi perpaduan di kalangan masyarakat. Terima kasih.

**Tuan Wong Nai Chee [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa sumber mengajar itu adalah sungguh penting untuk memastikan kejayaan bagi dasar ini dan saya memberikan cadangan kepada pihak kerajaan bahawa wujudnya ramai pelajar daripada sekolah Mandarin dalam negara kita, wujudnya lebih kurang 60 buah sekolah menengah Mandarin, 37 di Semenanjung dan 23 di Sabah dan Sarawak yang mana mereka mempunyai kelayakan yang tinggi dalam kelayakan Bahasa Cina. Dan saya memberikan cadangan kepada pihak kerajaan supaya memberikan pengiktirafan kepada *graduate*, dengan izin daripada sekolah menengah Mandarin ini dan saya rasa ini merupakan salah satu cara kita dapat mengatasi masalah kekurangan guru dalam bahasa Cina. Sekian.

**Puan Komala Devi:** Saya rasa cadangan itu boleh dikaji oleh kementerian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat keperluan guru Bahasa Cina untuk tahun 2007, saya rasa pada masa ini adalah mencukupi tetapi mengikut unjuran kita guru-guru baru yang akan diperlukan untuk mengajar Bahasa Cina pada tahun 2008 adalah seramai 250 guru, pada tahun 2009 adalah seramai 350 guru dan pada tahun 2010 adalah seramai 450 guru. Terima kasih.

**10. Datu Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sebabnya rundingan untuk menggugur perkara mengenai 'Sabah Claim' oleh negara Filipina belum membawa apa-apa keputusan yang muktamad.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Joseph Salang Gandum]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini Malaysia tidak pernah mengadakan sebarang perundingan dengan mana-mana pihak mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah. Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia yang merdeka dan berdaulat. Kemasukan Sabah ke dalam Malaysia adalah di atas pilihan rakyat negeri tersebut dan telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Oleh yang demikian tuntutan mana-mana pihak ke atas Sabah adalah tidak berasas dan tidak perlu diberi perhatian. Terima kasih.

**Datu Seri Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, Sabah Claim atau pun tuntutan ke atas negeri Sabah oleh Filipina ini adalah perkara yang kita semua sedia maklum daripada awal lagi. Ini adalah berkaitan dengan *sovereignty* dan juga patriotisme rakyat Malaysia. Oleh sebab ada tuntutan daripada Filipina adakah ini tidak diambil berat kerana kalau ia berterusan begitu sahaja sampailah dibiarkan dalam peta negara Filipina, Sabah masih lagi termasuk dalam peta mereka itu ia akan menimbulkan masalah rakyat di negara Malaysia ini. Begitu juga dengan rakyat di Filipina yang sering memasuki negara kita ini dan ia menimbulkan masalah sekuriti, dan oleh sebab itu tidakkah pihak kerajaan mengambil berat tentang perkara ini supaya ia tidak lagi berterusan dan supaya ia jelas dan supaya tidak timbul apa yang termasuk di dalam satu *website* yang bernama *Sandakan.com* di mana tuntutan ini ditekankan.

Oleh sebab itu saya minta perkara ini diambil berat dan bilakah agaknya perkara ini akan dapat diselesaikan. Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Keningau dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya tuntutan yang dikatakan tuntutan Filipina adalah dari beberapa rakyat Filipina yang mengatakan bahawa mereka adalah pewaris sultan yang terakhir dari Sulu. Dalam kehakiman ataupun keputusan Mahkamah Borneo Utara pada tahun 1939 iaitu North Borneo Company pada masa itu dan sekarang Malaysia harus memberi pampasan atau wang serahan iaitu *sanction money* berjumlah RM5,000 masa itu dan juga RM5,000 pada mata wang sekarang kepada pewaris-pewaris Sultan Sulu yang terakhir iaitu Sultan Jamal Al-Alam. Pada masa itu juga tidak ada keputusan mengatakan bahawa Sabah adalah sebahagian daripada Filipina dan bayaran itu hanya untuk *sanction* ataupun duit atau wang serahan kepada pewaris-pewaris dari Sultan Jamal Al-Alam.

Sekiranya Filipina hendak menyelesaikan tuntutan ini, Malaysia bersedia membantu Filipina menyelesaikan masalah dalaman Filipina iaitu bukan masalah di antara Filipina dengan Malaysia, oleh kerana Sabah adalah sebahagian dari negara Malaysia dan telah diiktirafkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan tidak payah lagi Malaysia mengatakan ada berkemungkinan tuntutan itu benar dan kita berharap kerajaan Filipina sendiri akan menyediakan rundingan dengan pewaris-pewaris Kesultanan Sulu untuk menyelesaikan masalah dalaman mereka sendiri. Terima kasih.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalnya kerajaan Filipina meletakkan Sabah ini sebahagian daripada sempadan mereka dalam peta rasmi negara Filipina. Jadi sebagai negeri dalam Malaysia yang berdaulat, yang sudah menyertai Malaysia kerajaan Persekutuan mempunyai tanggungjawab untuk memperbaiki ini dengan kerajaan Filipina. Itu soalnya. Adakah kerajaan sekarang, kerajaan Persekutuan, kerajaan Malaysia melihat ini sebagai melihat ini sebagai satu perkara yang harus diperkemaskan antara Malaysia dengan Filipina agar Filipina itu tidak sama sekali meletakkan Sabah sebahagian daripada sempadan negara mereka. Itu soalnya.

Soal kedua Yang di-Pertua, soal tambahan yang kedua, soal pampasan. Adakah kerajaan juga tidak melihat ini sebagai satu perkara yang harus dihentikan kerana ianya melibatkan soal tuntutan Kesultanan Sulu ini terhadap Sabah. Pada masa yang sama kita memberi pampasan, adakah dua perkara ini tidak dilihat oleh kerajaan untuk diambil tindakan secara serius dan satu keputusan yang muktamad agar generasi Filipina pada masa akan datang tidak lagi mempersoalkan isu ini terhadap Sabah. Terima Kasih.

**Dato' Joseph Salang Gandum:** Terima kasih Beluran berkenaan dengan peta kerajaan Filipina yang mengatakan Sabah adalah di bawah satu Wilayah Filipina iaitu walaupun mereka menyediakan peta yang sedemikian tetapi belum ada mereka memberi tuntutan rasmi kepada Malaysia bahawa Malaysia harus menyerahkan Sabah kepada Filipina. Yang kedua berkenaan

wang serahan bukan wang pampasan ataupun bukan *list* pajak yang selalu dikatakan di Sabah iaitu wang pajak. Tapi yang sebenarnya wang serahan, iaitu memang mengikut keputusan mahkamah pada tahun 1939 dan pembayaran itu adalah berterusan selagi penyelesaian lain belum dibuat. Dan kepada kerajaan Malaysia tidak perlu sangsi ataupun takut kerana tuntutan dalam peta yang ada dan kerana kita membayar RM5,000.00 tiap-tiap tahun itu kepada pewaris melalui peguam bukan kepada kerajaan Filipina, melalui peguam kepada pewaris Sultan Jamal Al Alam dan ini menunjukkan bahawa pembayaran itu pun bukan kepada kerajaan Filipina. Soal Kesultanan di Sulu ialah soalan dalaman Filipina bukan soalan antara Filipina dengan Malaysia dan oleh yang demikian tidak perlu kita mengadakan rundingan hendak menyelesaikan tuntutan kesultanan kerana itu adalah melibatkan perkara dalaman Filipina. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, disebabkan bersabit dengan kedaulatan negara bolehkah ada soalan ketiga? Kedaulatan negara ini mustahak, soalan ketiga bolehkah ini mustahak.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sini pun ada soalan lagi.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Adakah Tuan Yang di-Pertua sedar bahawa bukan sahaja masalah Sabah dalam peta Filipina tetapi oleh kerana tuntutan Filipina terhadap Sabah tidak pernah digugurkan secara rasmi. Adakah kerajaan sedar mengenai kekeliruan dan ketakutan rakyat Sabah. Khasnya apabila ada perubahan demografi baru-baru ini, di mana orang-orang asing lebih daripada orang-orang tempatan. 1.5 juta orang tempatan, orang Sabahan walhal ada 1.75 juta orang-orang daripada luar khasnya daripada Filipina. Bolehkah perkara ini diambil perhatian secara serius sehingga bekas Ketua Menteri sekarang Timbalan Ketua Menteri Sabah pun boleh keluar soalan macam ini. Ini satu perkara yang serius yang perlu diambil perhatian.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Itu fakta tak betul *population* rakyat Sabah 4 juta mana ada 2 juta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ada nak jawab, jawab kalau tidak ada tak payah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak payah jawab.

**Dato' Joseph Salang Gandum:** Tuan Yang di-Pertua, andaian dari Ketua Pembangkang adalah andaian sahaja dan kedaulatan di Sabah memang tidak tergugat. Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia dan tidak payah kita pertikaikan perkara itu. Terima kasih.

11. **Dato' Goh Siow Huat [Rasah]** minta Menteri Kesihatan menyatakan kenapa tabiat merokok di kalangan gadis-gadis remaja dan wanita-wanita di pusat bandar adalah begitu ketara walaupun mereka tahu merokok adalah berbahaya kepada kesihatan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan hasil kajian yang dilakukan melalui Tinjauan Mobiliti Kesihatan Kebangsaan Kedua yang dijalankan pada tahun 1996, hasil tinjauan tersebut mendapati bahawa



jumlah peratusan perokok wanita adalah sebanyak 4% dan kajian yang dibuat oleh Universiti Putra Malaysia pada tahun 2003 menunjukkan peningkatan jumlah perokok wanita sebanyak 8%. Ini menunjukkan penambahan sebanyak 100% di kalangan perokok wanita sama ada di bandar atau di luar bandar. Terdapat banyak faktor telah dikenal pasti bagi wanita dan gadis di bandar yang cenderung ke arah tabiat merokok. Antara faktor-faktor wanita cenderung untuk merokok adalah disebabkan oleh faktor fisiologi, psikologi dan sosial.

Bagi faktor fisiologi, wanita dan gadis mempunyai tanggapan bahawa merokok mampu untuk mengurangkan berat badan. Faktor psikologi pula adalah berkaitan imej sendiri, ketagihan kepada nikotin dan ada di antaranya yang mengalami masalah perasaan rendah diri dan menyebabkan mereka bertindak untuk mengasingkan diri dan secara tidak langsung menganggap rokok sebagai teman mereka.

Melalui faktor sosial pula wanita dan gadis kebanyakan merupakan golongan perokok yang masih baru atau cuba berjajak-jinak dengan rokok kerana mereka dipengaruhi oleh rakan sebaya dan ada juga yang mencontohi ahli keluarga yang merokok. Faktor persekitaran juga mempengaruhi mereka merokok dan ini diperkuatkan lagi dengan usaha-usaha daripada syarikat-syarikat tembakau yang mengadakan promosi produk melalui pemberian rokok secara percuma, karnival sukan berserta tajaan-tajaan hadiah dan promosi-promosi lain. Sekian.

**Dato' Goh Siow Huat [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, soalan tambahan. Sehingga hari ini adakah program anti merokok "Tak Nak", betul-betul berkesan sejak dimulakan? Adakah kementerian kaji mengadakan program yang lain menggantikan "Tak Nak" ini. Terima kasih.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan kempen "Tak Nak" ini dia adalah satu program media. Kalau kita tengok dari segi itu, kempen "Tak Nak" adalah satu kempen yang berjaya kerana mengikut laporan susulan yang kita buat, dia menunjukkan bahawa lebih daripada 90% daripada penduduk-penduduk Malaysia faham berkaitan dengan apa itu kempen "Tak Nak" tetapi kalau kita tengok dari segi adakah kempen "Tak Nak" ini telah berjaya untuk mengurangkan bilangan perokok, dia memang tidak. Ini adalah kerana kita kena faham bahawa kempen "Tak Nak" adalah satu kempen media, ia bukan satu kempen untuk mengurangkan perokok di negara kita. Kita mesti mengadakan lebih banyak lagi program akar umbi untuk mengurangkan bilangan perokok di negara kita. Sekian.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Lihatnya ini Yang Berhormat dari Rasah dia sangat peka dengan gadis dan wanita yang merokok tetapi dia tidak lihat, lihatnya dia tidak berapa perhatian, tidak ada perhatian yang sama kepada perokok lelaki dan golongan yang muda walaupun mereka adalah majoriti. Jadi soalan tambahannya ialah apakah langkah kementerian untuk mengelak lagi supaya golongan-golongan yang muda selain daripada "Tak Nak" apakah usaha yang lain untuk mencegah generasi yang muda khususnya belia-belia lelaki tidak senang menjadi penagih ataupun perokok. Apakah perusahaan?

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan telah mengambil banyak langkah-langkah di antaranya adalah dari segi undang-undang, kita telah mengadakan kerana kita telah mewujudkan menggubal banyak undang-undang dan juga peraturan untuk mengurangkan perokok di negara kita. Di antaranya adalah peraturan kawalan produk tembakau yang kita kekalkan sekarang dan kita tengah menggubal satu akta untuk mengawal produk tembakau in dan kita akan hantar ke Parlimen ini dalam masa yang singkat. Yang kedua kita telah menaikkan harga berturut-turut, bertahun-tahun, supaya kanak-kanak kita dan juga pemuda-pemudi di negara kita tidak dapat memperolehi rokok dengan senangnya.

Di antaranya adalah peraturan yang kita ada pada masa sekarang ini ialah kita telah haramkan penjualan rokok di bawah 14 batang. Ini kita harap akan dapat mengurangkan atau menyusahkan pemuda-pemudi kita untuk memperolehi rokok. Yang ketiga adalah kempen-kempen yang kita jalankan oleh kementerian iaitu kempen "Hidup Sihat", dan sebagainya di mana kita telah dapat menjalankan kempen ini di akar umbi dan baru-baru ini kita telah meluluskan, Parlimen ini telah meluluskan satu lembaga, Lembaga Promosi Kesihatan. Ini adalah satu lembaga di mana kerajaan akan menyalurkan peruntukan kewangan ke dalam lembaga ini supaya kita dapat menolong, menolong persatuan-persatuan bukan kerajaan untuk menjalankan kempen-kempen hidup sihat di akar umbi termasuklah kempen "Tak Nak" merokok di kalangan rakyat. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi Yang Berhormat sekian sahaja soalan dan jawapan lisan pada pagi ini. Setiausaha.

***[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan tamat]***

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG PELINDUNG 2006**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penyiasatan dan penentuan langkah perlindungan terhadap keluaran yang diimport ke Malaysia dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri; dibacakali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 24(6) di mana pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli dalam Dewan ini sama ada Jawab Lisan atau Jawab Bukan Lisan. Saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua di mana soalan yang dikemukakan untuk Jawab Bukan Lisan bagi sesi yang lepas dan saya percaya semua Ahli ada menerima jawapannya, *compilation* nya. Salah satu soalan Yang Berhormat bagi Ketua Pembangkang Ipoh Timor, menanyakan statistik bilangan pelajar yang mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda yang diambil oleh setiap IPTA setiap tahun mengikut pecahan kaum etnik setiap tahun sejak penubuhannya mengikut jurusan pengajian, jawapan yang diterima ialah,

"Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kemasukan pelajar ke IPTA sebelum sesi akademik 2002/2003 adalah berdasarkan sistem kuota tetapi sejak sesi tersebut kemasukan adalah berdasarkan sistem meritokrasi dan bukan mengikut kaum atau etnik. Sehubungan itu kita dapat lihat jumlah golongan pelajar pelbagai kaum bagi Ijazah Sarjana Muda di IPTA mengikut bidang sejak tahun 1997 sehingga 2005 adalah seperti berikut di mana statistik diberi", tetapi langsung tidak menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang meminta bilangan pelajar ini diberi mengikut pecahan kaum etnik, satu.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang saya tanya Jawab Lisan tetapi diletak semalam dan diletakkan Soalan 32, saya meminta Perdana Menteri menyatakan daripada 2300 projek yang dilaporkan tidak siap di bawah RMK-8, berapakah kes yang terbengkalai dilanjutkan tempoh serta perbelanjaan tambahan serta nyatakan 10 projek perbelanjaan tambahan. Jawapannya, projek terbengkalai dalam Rancangan Malaysia Ke-8 yang disambung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan-9 berjumlah 18 projek, prestasi pelaksanaan projek ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai keutuhan pengurusan kerajaan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat dalam tahun 2005, seterusnya peruntukan yang mencukupi telah disediakan berdasarkan keperluan bagi membolehkan pelaksanaan projek diteruskan dan disiapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, langsung tidak menjawab soalan yang dibangkitkan.

Saya Tuan Yang di-Pertua saya haraplah tindakan perlu diambil, pihak eksekutif lebih bertanggungjawab jika tidak ia tidak bermakna langsung apabila kami menanya pertanyaan tetapi tidak dijawab atau mengelak atau sengaja tidak mahu menjawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat cukup Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Peraturan yang sama, saya ada satu soalan pada sesi yang lepas yang dibangkitkan pada 4 hari bulan April, soalan nombor 24 di mana saya ada menanya satu jumlah peruntukan RM400 ribu di kawasan Parlimen Kepala Batas iaitu kawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tujuan peruntukan ini dan jawapan ialah jawapan

belum diterima daripada kementerian yang berkenaan dan sehingga hari ini masih belum ada jawapan. Adakah soalan ini telah ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua? Adakah soalan ini tidak perlu dijawab atau pentadbiran lebih berkuasa dari penggubal Parlimen ini. Saya minta satu penjelasan dari Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini tidak ada berkaitan dengan peraturan dan tekniknya. Ini adalah berkaitan terus-menerus dengan isi soalan, isi jawapan itu bukan dengan peraturan. Sila Yang Berhormat.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (PINDAAN) 2005**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[26 Jun 2006]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Kepong untuk terus berucap.  
**11.40 pagi.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, hendak keluar dahulu? Baiklah itu. Sebab itulah PTK itu tidak berapa baik. Tuan Yang di-Pertua...

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kaca mata barulah itu nampaknya. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Macam mana Yang Berhormat...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau tidak ada, duduklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau tidak pakai cermin mata, tidak nampak Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak nampak ya. Kalau nampak, baiklah itu. Sebab semalam tidak nampak itu. Saya ada sebutkan mengenai PTK...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, semalam Yang Berhormat...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** ... sebab itu Yang Berhormat nampak itu relevan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sebenarnya semalam Yang Berhormat belum siap sedia.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ada siap juga. Saya tidak ada kertas siap sekarang, seperti biasa. *[Disampuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau tidak ada, duduklah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Semalam saya ada sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, mengenai kekurangan penyelarasan di antara JPA, Lembaga Kompetensi Jabatan, Agensi Lembaga Kompetensi Kementerian dalam pelaksanaan PTK yang diadakan sejak 2003 kerana kita ada SSM dan sebagainya. Di sini saya hendak menekankan bahawa penyelarasan ini mestilah dipertingkatkan dan kalau ada keputusan misalnya pada 2004 itu, kakitangan awam yang mengambil PTK ini tidak menerima keputusan mereka dengan lebih awal dan perkara itu telah menjejaskan peluang mereka hendak naik pangkat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak ramai orang termasuk Yang Berhormat bagi Arau yang tidak begitu berminat. Pindaan ini memang penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Arau tunggu giliran dia untuk berucap.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tunggu giliran dia untuk bertanya sahajalah itu. PTK pun tidak masuk dalam pertanyaan itu. Saya ingat walaupun ada dua peringkat, ada tiga peringkat sahaja tetapi nampaknya tidak begitu relevan tetapi ini penting, satu juta orang lebih yang mesti mengambil peperiksaan ini dan sebab itulah saya nampak ada yang di hadapan saya semua asyik hendak dengar macam mana pihak kerajaan dapat mempertingkatkan kualiti dan kuantiti PTK kita dengan kerana Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsudin Osman itu dia kata jika kita hentikan PTK ini, ia merupakan satu langkah ke belakang.

Rata-rata bersetuju, saya tidak tahulah sama ada Yang Berhormat bagi Arau atau orang-orang lain bersetuju. Rata-rata bersetuju bahawa dengan adanya sistem penilaian ini seseorang itu dapat membuktikan keupayaan dan kompetensinya. Misalnya bagi tujuan menaikkan kenaikan pangkat dan sebagainya. Jadi PTK ini akan kekal.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya kita tidak boleh elakkan, hendak masukkan peperiksaan itu mustahil kerana kalau peperiksaan ini dijalankan dengan adil dan telus, dengan terbuka, ini bermakna semua calon yang ambil peperiksaan ini adalah mempunyai peluang yang sama, di dalam dapat markah ini ada peluang yang sama. Walaupun kita boleh menyoalkan - Yang Berhormat bagi Sungai Petani ini mesti soalkan relevansi dan isi kandungan peperiksaan ini mesti kita perhatikan.

Saya berpendapatlah kerana saya ada mengambil perhatian mengenai sistem peperiksaan sejak lebih kurang 1,400 tahun yang diadakan di negara China sebab sistem peperiksaan di mana-mana pun berpunca daripada negara China. Sebab itu kita mesti mengkaji sejarah ini dan di dalam sejarah ini ada....

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan, oh saya pun “senorok” jugalah kerana Yang Berhormat bagi Kinabatangan sebenarnya tidak tahu apa peperiksaan. *[Ketawa] [Disampuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat bagi Kepong ini dia terkepung-kepung teruslah. Yang Berhormat, saya mahu tanya, apakah Yang Berhormat berpandangan bahawa selama ini sistem peperiksaan yang dilaksanakan oleh kementerian sudah tidak *transparent* dan tidak relevan lagi dan kalau tidak relevan lagi, apa cadangan Yang Berhormat. Jangan terpusing sana, terkepung sana, tidak ada yang boleh cakap. Kalau tidak ada, berhenti sahajalah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Baik. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan itu memang dia tidak sabar. Kalau dia sabar sedikit, kita boleh dengar cadangan saya. Bukan saya hendak mansuhkan PTK atau peperiksaan, kita tidak boleh mansuhkan, macam mana hendak mansuh kerana hendak gantikan daripada Yang Berhormat bagi Kinabatangan pun kita dapat apa yang alternatif. Walaupun tidak sempurna, memang di dalam insan manusia, insan yang kamil, yang sempurna kurang didapati. *[Ketawa]* Kurang didapati tetapi kita boleh ikhtiarkan untuk memperbaiki. Misalnya kalau kita hendak cakapkan itu Tamadun Islam yang unggul, kita cakap Tamadun Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Speaker, saya boleh tengok Speaker. Kalau kita hendak cakap Hadhari yang membawa maksud tamadun – ini bukan bidang saya, cuma saya dengar sahajalah. Bukan bidang saya, sama ada Tamadun Islam ataupun Hadhari Islam dan sebagainya tetapi saya nampak istilah itu susah dan di dalam peperiksaan ini kita mestilah memastikan kualiti, istilah dan sebagainya adalah jelas untuk semua. Adalah jelas sama ada kita maksudkan Tamadun Islam atau Hadhari Islam atau Islam Hadhari. Saya kurang faham kerana di dalam bahasa ini susah kita hendak faham sama ada....

**Dato’ Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Pasir Puteh? Ya, Hadhari Islam atau Islam Hadhari? *[Ketawa]*

**Dato’ Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Sebenarnya Yang Berhormat bagi Kepong bagus. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila dia tanya tadi Islam Hadharikah, Hadharah Islamiyahkah? Jadi, Yang Berhormat bagi Pasir Mas dia lebih jelas. Tetapi saya hendak taruk sedikit, Al-Hadharah Al-Islamiyah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat minta penjelasan...

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** ...Al-Islam Al-Hadhari. Hendak jelas sedikit hak yang tadi, dia tidak jelas, takut keliru.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, penjelasan...

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Jadi boleh dua-dua dipakai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak perlulah Yang Berhormat, ini peperiksaan.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Jadi saya nak tanya dia, China dahulu, nabi kita Muhammad, *our prophet* Muhammad masuk ke China dan keluarkan hadis, dia kata, [*Membaca sepotong Hadis*] "Tuntutlah ilmu walau ke negeri China" – China belum Islam tetapi China ada teknologi sutera dan kaca. Jadi itu ertinya tidak ada peperiksaan. Saya hendak jelas, apakah peperiksaan lebih baik di China?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang Yang Berhormat bagi Pasir Puteh ini dia tidak jelaskan apa maksud Hadhari Islam, Tamadun Islam ataupun Islam Hadhari. Dia tidak jelaskan langsung. Mesti jelaskan apakah masalah sekarang, Tamadun Islam yang unggul dan bila kita gunakan Hadhari ini, di mana kita hendak letakkan – dahulu atau kemudian. Ini masalahnya. Saya berharap Yang Berhormat bagi Pasir Puteh dapat membincangkan dengan lebih mendalam dengannya untuk kita semua sama-samalah memahami istilah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bolehkah kita balik kepada peperiksaan?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya sudah hendak balik. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu tidak payah jawab. Yang Berhormat Menteri akan jawab soalan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, ya, saya faham. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh ini memang dia terpelajar. Saya pernah belajar daripada dia kerana ilmu pengetahuan dia betul. Kita pergi ke mana-mana pun untuk menuntut, untuk mempelajari ilmu pengetahuan. Tetapi di sini kita mestilah jelas adakah kita maksudkan ajaran Islam atau Islam Hadhari. Ini mesti kita buat kerana di dalam peperiksaan kita tidak boleh mengelirukan semua pihak dan di sini kalau ada orang yang hendak mansuhkan sama sekali, saya hendak tanya, mana ada alternatif dan Yang Berhormat bagi Sungai Petani saya berharap dapat memberi sumbangan mengenai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sungai Petani juga tunggu peluang untuk berucap.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya faham, soalan dia mesti kita hendak dengar, kerana dia ada pengalaman di dalam majlis ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sungai Petani sudah minta sejak semalam.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sejak semalam ya? Baik..baik..saya akan itulah dengar perbincangan daripada Yang Berhormat bagi Sungai Petani mengenai itu isi kandungan, kualiti

peperiksaan ini mengenai bagaimana kita dapat mewujudkan satu peperiksaan yang benar-benar relevan.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak mansuhkan itu tidak munasabah kerana kita kerja ada alternatif.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak ada cadangan lagi, pusing-pusing saja.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tunggu sekejap...tunggu sekejap. Di dalam sejarah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lipis bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Lipis ada peperiksaan ke di situ?

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Lipis pun terlibat dengan peperiksaan. Jadi, bila saya melihat Yang Berhormat bagi Kepong membicarakan tentang PTK, Penilaian Tahap Kecekapan, itu bukan satu peperiksaan. Peperiksaan dengan penilaian itu berbeza. Jadi, kenapa Yang Berhormat bagi Kepong memikirkan PTK itu tidak relevan dan adakah Yang Berhormat bagi Kepong telah melihat dengan jelas *syllabus* atau pun soalan-soalan peperiksaan yang digunakan untuk PTK. Mohon penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan tadi kita tidak boleh memansuhkan, PTK memang di masuk di dalam itu peperiksaan Yang Berhormat bagi Lipis. Sebab itu saya kata di Lipis pun kita mesti tahu PTK dianggap sebagai satu peperiksaan. Peperiksaan itu ada ertinya penilaian, ada erti penilaian di dalam peperiksaan itu, kalau tidak ada penilaian macam mana kita dapat periksa. Ada erti di dalamnya.

Dan saya setuju kita tidak boleh mansuhkan sama sekali dan kita mesti tahulah erti mansuh itu, tidak boleh batalkan. Tidak boleh batalkan, tetapi kita mesti merayu kepada majlis dan kepada kementerian supaya kita meningkatkan kualiti. Supaya kita... Tuan Yang di-Pertua, di dalam majlis ini, dia memang ada fungsinya untuk membuat penyelidikan, untuk membuat kajian dari segi prestasi calon, dari segi *relevancy* dan sebagainya.

Saya berharap itu majlis ini dapat membuat kajian dan penyelidikan mengenai *relevancy* dan isi kandungan peperiksaan itu. Dia ada banyak fungsilah, fungsi dia termasuk itu mengadakan peraturan, skim dan sebagainya. Sebab setiap tahun pihak majlis itu mempunyai calon hampir setengah juta orang, saya tidak tahulah selepas kita meluluskan pindaan Rang Undang-undang ini bilangan calon itu akan bertambah berapa bilangannya. Kita pun tidak tahulah, tetapi puratanya ada setengah juta calon dan jumlah pusat peperiksaan itu lebih 3500 dan pengawas lebih 23000 dan kertas yang dicetakkan itu bilangan lebih 2 juta. Dan dengan ada kelulusan Rang Undang-undang ini, adakah bilangan calon itu, akan tambah dengan banyak dan jumlah pusat peperiksaan dan jumlah pengawasnya.



Tetapi walau bagaimanapun, saya hendak mengulaskan sedikit mengapa kita tidak boleh mansuhkan peperiksaan seperti ini. Di dalam sejarah peperiksaan, misalnya pada 1000 tahun yang lepas, di dalam Dinasti Song, dia hendak memansuhkan, berapa kali hendak mansuhkan peperiksaan dia, tetapi tidak dapat juga, tidak dapat dibuat, kerana tidak ada ganti, tidak ada alternatif. Dan di dalam peperiksaan ini satu gejala yang aneh juga bagi saya di negara China sering kali kita nampak calon-calon yang mendapat markah yang tinggi daripada selatan.

Dan di sini saya berharap majlis dapat mengkaji sama ada calon-calon dia, PTK atau pun STPM atau pun SPM itu, dan juga MUET untuk English itu, sama ada calon-calon yang mendapat kecemerlangan datang daripada selatan, mungkin daripada Johor lebih baik. Tetapi di negara China peliknya dia datang daripada selatan. Di dalam tempoh 1500 tahun ini dia buat berbagai-bagai cara untuk mengubah keadaan, termasuk dia ada mengikut provinsi mengikut daerah, misalnya di Malaysia, saya tidak tahulah, tidak pernah diumumkan sama ada dia kuota untuk Johor, ada kuota untuk Pahang kerana mungkin...baik Yang Berhormat bagi Parit.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat bagi Parit itu dengan itu parti itu sahaja.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Yang Berhormat bagi Kepong, saya percaya Yang Berhormat bila menyebut tentang kejayaan sejarah di negara China itu. Saya percaya Yang Berhormat bagi Kepong tahu apakah yang menyebabkan mereka yang datang daripada selatan China itu lebih berjaya di dalam peperiksaan. Dan boleh tak Yang Berhormat bagi Kepong kongsi bersama dengan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, kerana ini untuk kepentingan semua orang, supaya mereka yang menduduki peperiksaan di negara kita juga, boleh mencari jalan, mencari formula untuk mencapai kecemerlangan. Saya tahu Yang Berhormat bagi Kepong tahu, tetapi dia sengaja tak nak beritahu dalam Dewan ini. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya pun tidak berapa mahir di dalam hal ini, saya serah kepada Majlis Peperiksaan kerana dia ada bahagian untuk membuat penyelidikan dan kita tunggulah jawapan daripada Timbalan Menteri, kerana kalau saya jawab ini mengambil tugas daripada Timbalan Menteri, itu pasallah. Timbalan Menteri macam mana, JKR sekarang, MRR2 masih masalah. Salah satunya mungkin kerana dia lebih rajinlah itu, lebih rajin dan dia misalnya di negara China, baru-baru ini dia ada peperiksaan untuk masuk ke universiti dan kalau tidak silap saya calon dia hampir sembilan juta orang dan dia hanya hendak ambil purata 30% sahaja, dan kita boleh bayangkan macam mana dia hebat untuk bersaing. Sehingga ini jadi satu peluang bagi orang-orang berkomersialkan kerana bukan main, kerana sembilan juta orang, itu Pahang berapa juta sahaja satu juta, penduduk di Pahang, bukan Pahang, Perak, dua juta? Dua juta dia ada 10 kali lah hampir 10 kali....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong, ini sama ada dua juta ke apa ke tidak kaitan dengan peperiksaan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ada berkaitan kerana dia ramai calon, dia hanya hendak ambil 20%, 30% ini masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini kata Yang Berhormat sokong Rang Undang-undang ini, ini ke sokong ke?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya ini mesti sokong kerana kita tidak boleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sokong dengan alasan lah. Keluarkan semua alasan. Hujah-hujah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bukan alasan, kita hendak memperbaiki. Kita hendak meningkatkan keadaannya. Kita sudah minta Yang Berhormatnya, kita sudah minta itu misalnya itu *Chief Executive*, Omar bin Abu Bakar. *Chief Executive* (Ketua Eksekutif) mengambil kira apa yang kita sebutkan hari ini dan juga sekarang selaku Pengerusi Majlis Peperiksaan ini, Profesor Dato' Dzulkifli Abd. Razak, Naib Canselor USM (Universiti Sains Malaysia) yang sekarang. Dia jadi pengerusi majlis kita ini, kita mahu mereka menyeru supaya mereka mengambil pusing mengenai apa yang kita bincangkan hari ini.

Dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menyampaikan pandangan-pandangan kita kepada Majlis Peperiksaan ini dan Tuan Yang di-Pertua, penting sekali tadi kita baru mula hendak bincangkan mengenai mengapa orang di Selatan China yang dapat lebih berjaya di dalam peperiksaan di dalam sejarah dan mungkin daripada Johor pun dia lebih berjaya. Jangan di selatan, mungkin kerana lebih terpengaruh, dia hendak rajin sebab apa Tuan Yang di-Pertua, dari segi ini pun kita mesti memerhatikan bahawa mengapa calon wanita lebih berjaya. Kita mesti tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Johor lebih berjaya kerana Johor ada kami di sana.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya ke? [*Sebilangan ahli Dewan mengiakan*]. Yang Berhormat bagi Parit, baik kita belajar daripada Timbalan Yang di-Pertua kerana dengan kaca mata yang baru itu dia akan ajar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu tidak ada kena mengena Yang Berhormat. [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong ada teks ucapan, sila baca sahajalah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tiada teks ucapan, tiada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tiada? Itu yang susah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tiada teks ucapan, memang tiada. Dan saya berharap pihak Majlis dapat mengkaji sebab apa calon misalnya calon selatan lebih berjaya, dan calon wanita lebih berjaya dan baru-baru ini kalau tidak silap saya, saya ada daripada *internet* sini yang dapat 17A1 itu, satu calon SPM Nor Amalina Che Bakri. Itu saya tidak nampak lelaki, itu perempuan. Amalina itu perempuan la itu, 17A1 daripada Kelantan. Istimewa jugalah Kelantan

ini. Istimewa juga Kelantan tetapi kita di dalam SUKMA pun bukan seperti Perlis, sebab itu kita lebih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat juga daripada Kelantan juga ya?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Berasal daripada situ la itu. Tetapi di negeri lain pun ada orang yang lebih baik juga. Kita tidak bolehlah hendak kata negeri Kelantan sahaja yang unggul. Semua pun unggul. Kalau tidak Sungai Petani dia akan benci.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak lagi ke Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Banyak, banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak? Tetapi saya takut sampai sekarang menteri tidak tahu hendak jawab mana satu.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dia mesti tahu.

**Seorang Ahli menyampuk:** Tiada soalan, tiada soalan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dia mesti tahu, mesti tahu. Tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dia tahu, dia memang asyik mendengar kerana dia bekerja dengan kuat. Kerana kita menyeru supaya Majlis mengkaji sebab apa calon-calon wanita lebih berjaya. Ini memang penting. Bukan dari segi peperiksaan sahaja tetapi dari segi sosioekonomi pun. Sosioekonomi pun kerana kita bukan hendak bincangkan sebab apa kalau calon ataupun yang masuk ke mahasiswa-mahasiswi yang masuk ke universiti kita kadar 70% wanita, macam mana kita hendak selesaikan masalah sosioekonomi? Masalah keluarga dan sebagainya, susah. Dan Putrajaya pun mengambil perhatianlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Parit bangun.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat kata wanita berjaya saya setuju tetapi dalam jawapan Timbalan Menteri dalam soalan pagi tadi saya bimbang juga Yang Berhormat. Perangkaan remaja gadis menghisap rokok telah bertambah dari 400 kepada 800. Jadi bagaimana masalah ini Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bagi sayalah Yang Berhormat bagi Parit itu betul. Bagi saya, semua orang jangan hisap. Tetapi Ahli-ahli Parlimen mesti mencontohi kepimpinan melalui teladan. Tetapi kalau kita nampak, setengah-setengah Ahli Parlimen mujur bukan Yang Berhormat bagi Arau ataupun Yang Berhormat bagi Hulu Langat, dia tidak hisap. Dia tidak kisah, di dalam bilik hawa dingin di sini pun dia hisap juga. Merata-rata dia buang puntung pula dan sebagainya. Ini memang saya tidak setuju. Yang Berhormat bagi Parit mesti bantu semua jangan hisap rokok lagi, sama ada wanita ataupun lelaki. Patut semua yang hisap mujur, Tuan Yang di-Pertua kita pun tidak hisap. Ini memang satu contoh yang baik.

Dia tidak suka, saya faham dan kita mesti kaji sebab apa dia berjaya dan macam mana kita... sebab Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya ini mengikut Timbalan Menteri Pelajaran kita,

ada 165,000 pelajar sekolah di negara ini belum boleh membaca dan menulis. Ini mungkin kita di dalam peperiksaan macam mana kita boleh menilai mereka ini walaupun dicadangkan kita ada memperkenalkan Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA 2M). Memang itu satu cadang, saya tidak tahu macam mana ini dapat dilaksanakan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, dia ada menyebutkan ini hanya 2.2% bagi murid sekolah rendah dan 0.8% bagi sekolah menengah. Saya setuju pelajar-pelajar yang belum boleh membaca dan menulis bukan di Malaysia sahaja, di seluruh dunia.

Di Amerika Syarikat pun ada, di United Kingdom pun ada tetapi kita mesti berikhtiar untuk mengurangkan bilangan pelajar yang belum boleh membaca dan menulis. Bukan setakat adakan Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis, mungkin di dalam kurikulum kita kerana bila kita sebutkan peperiksaan, kita mesti sebutkan kurikulum. Kalau tidak ada kurikulum, tidak ada peperiksaan kerana peperiksaan yang diadakan berdasarkan kepada isi kandungan kurikulum yang wujud. Sama ada untuk STPM, SPM ataupun PTK. Semua itu berdasarkan kepada kurikulum yang ada. Dan PTK kurikulum pun dia ada dan - Minta maaf Tuan Yang di-Pertua kerana tidak ada teks, susah sedikit.... [Disampuk]

**Beberapa Ahli:** [Bercakap sesama sendiri tanpa pembesar suara]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan merapu. Kalau secara spontan, memang macam itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bukan spontanlah. Semalam sudah *prepare* sampai sekarang, sudah siap sedia.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan, semalam pun ada yang setakat itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu, komputer depan .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hah, ini, ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bacalah, bacalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** PTK berdasarkan kepada kurikulum dan dibahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian teras yang meliputi tugas harian dan di bahagian am yang merangkumi pengetahuan am kakitangan am. Dia ada dua bahagian bagi PTK kita ini dan maklumlah pindaan ini untuk peperiksaan bukan akademik juga.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali sebelum saya mengakhiri ucap saya dan .....[Disampuk] Ada banyak benda. Ada banyak benda. Saya menyeru supaya pihak Majlis, pihak kementerian mengkaji dari segi bukan sahaja dari segi kuantiti .....

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan..... belakang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kepeng sama ada beliau juga akan menggesa kerajaan supaya ada kuasa Majlis Peperiksaan Malaysia ada kuasa memantau dan menjaga matlamat dan nama baik Majlis Peperiksaan Malaysia kerana ada ramai di kalangan rakyat, mereka mendapat ijazah atau kelulusan mereka dari negara asing di mana mungkin mereka langsung tidak pergi ke kolej atau universiti tersebut; tetapi boleh mendapat ijazah atau kelulusan yang tinggi seperti MBA dan mereka ini mendapat kedudukan ini hanya semata-mata

untuk kepentingan mereka iaitu mungkin mereka hendak mengaut kedudukan mereka di kalangan masyarakat atau mereka hendak menggunakan ijazah-ijazah ini untuk mendapat kedudukan atau jawatan tinggi dalam perkhidmatan awam. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat bagi Bagan mestilah saya setuju pihak kementerian dan juga agensi-agensi yang berkenaan mestilah lebih memberi perhatian supaya tidak ada orang yang berbuat demikian, yang hendak berbohong, hendak menipu rakyat, menipu kerajaan dan sebagainya. Kita tidak boleh membenarkan bahkan juga kita menyerulah juga supaya Majlis Peperiksaan Malaysia itu lebih menumpukan perhatian kepada standard. Standard yang penting kerana keunggulan dan kecemerlangan tidak boleh ditolak ansur. Tidak boleh dikompromikan. Ini memang satu perkara yang penting.

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan sekali lagi. Sering kali kita baca dalam surat khabar menjelang peperiksaan kebangsaan ada masalah kebocoran soalan-soalan dan apabila perkara ini disiasat oleh pihak polis, didapati hanya pembantu-pembantu pejabat sahaja yang terlibat adakah ini benar atau *scapegoat* di antara ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, Yang Berhormat bagi Bagan, saya pun hendak pihak kementerian supaya dapat mewujudkan keadaan yang lebih telus, siapa yang menipu termasuk membocorkan dan sebagainya, kita ada tindakan yang tegas dan tidak boleh ditolak ansurkan kerana Majlis Peperiksaan Malaysia ini mendapat pengiktirafan MSISO 9001 dan juga sudah di *update* pada 3 Mac 2005 dan kemudian di *update* sekali lagi pada 22 Jun 2006. Ini bermakna ISO 9001 ini, menunjukkan begitu hebat pengurusannya.

Tetapi kita sentiasalah mesti mempertingkatkan sistem penilaian, sistem ukuran untuk pendidikan kita adalah mencapai satu tahap yang unggul dan sempurna. Ini mestilah kita dipertingkatkan dan juga kita mesti memastikan kita ada kredibiliti di dalam mengukur dan menilai standard pendidikan di negara kita supaya semua ini dapat memberi contoh yang baik kepada rakyat dan di sini saya menekankan sekali lagi moto Majlis itu di dalam Bahasa Inggerisnya "*Accuracy, validity, reliability, unbiasedness, and fairness*".

Itu mesti kita pegang kepada nilai-nilai moto ini supaya Majlis Peperiksaan Malaysia dapat berfungsi dengan lebih berkesan bagi mewujudkan peperiksaan-peperiksaan yang boleh dipercayai oleh bukan sahaja orang Malaysia bahkan di seberang laut dan kita mesti memastikan seperti STPM kita diakui kerana dikendalikan oleh *Cambridge Examination Syndicate*. Memang itu diakui tetapi sistem matrikulasi itu saya kurang pasti lagi sama ada diakui ataupun tidak. Saya ingat tidak. Sistem matrikulasi tidak diakui dan ini kita mesti mengkaji sama ada kita hendak kekalkan sistem matrikulasi yang tidak dikendalikan oleh Majlis ini.

Semua peperiksaan mesti dikendalikan di bawah Majlis, tetapi matrikulasi, tidak. Tidak sama sekali dan Yang Berhormat pun tahu ia bukan di bawah Majlis ini. Saya tidak setuju, kalau kita hendak ada pada Majlis, MEC mengapa itu semua peperiksaan tidak dimasukkan di dalam?

Adakah dengan pindaan ini matrikulasi pun akan dibawa masuk ke dalam Majlis ini. Sebab bagi saya, ukuran dan penilaian bagi matrikulasi tidak serupa dengan STPM, tidak serupa.

Yang Berhormat bagi Santubong pun dia setuju sekarang, baik juga itu. Yang Berhormat nampak kebenaran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dia hendak berucap juga.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat hendak berucap juga, baik. Saya hendak mengakhiri ucapan saya dan akhir sekali, semua yang saya bangkitkan terutamanya sistem yang terbuka, yang telus dan adil mesti dipastikan oleh pihak Majlis dan walau pun kita tidak boleh memansuhkan peperiksaan seumpama ini, kita mesti sentiasa menekankan begitu pentingnya kita memastikan, menentukan kualiti dan bukan sahaja kuantiti. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sungai Petani.  
**1219 tgh.**

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya bila kita bercakap mengenai dengan pindaan akta ini, kita bercakap mengenai peperiksaan pada keseluruhan. Oleh kerana Majlis mengendalikan peperiksaan yang tertinggi bagi saya pada peringkat sekolah menengah atas yang mana ia melibatkan penuntut di sekolah menengah atas.

Tetapi saya akan bincangkan juga mengenai dengan peperiksaan pada keseluruhannya dan dalam hal ini macam saya juga terbaca baru-baru ini dalam NST hari Ahad kalau tidak silap saya yang lalu, yang mana di Britain mereka juga sedang mempertikaikan tentang prestasi seseorang murid dalam peperiksaan *A Level*, iaitu sama ada ia masih bersesuaian atau tidak digunakan sebagai salah satu bentuk instrumen menapis ataupun membuat penilaian seseorang itu layak atau tidak untuk memasuki universiti dan mengikuti kursus-kursus yang tertentu. Tetapi dalam hal ini juga kita di Malaysia berhadapan dengan bermacam-macam kerenah mengenai dengan peperiksaan. Malah peperiksaan kalau bagi kita adalah sesuatu yang besar dan sesuatu yang kadangkala dianggap sebagai "hantu" yang menakutkan murid-murid serta juga ibu bapa. Terutama sekali ibu bapa apabila hendak menerima keputusan peperiksaan Tuan Yang di-Pertua, biasanya ibu bapalah jantungnya yang paling berdebar sekali untuk mengetahui sama ada anaknya berjaya ataupun gagal. Dan hal-hal inilah yang mana saya rasa perlu kita lihat semula apakah kaedah peperiksaan itu sebenarnya benar-benar menepati matlamat.

Hal ini saya bangkitkan ialah kerana kalau kita mengikuti apa yang telah kita bentangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, tumpuan kita ialah kepada pembinaan tamadun dan pengkhususan ialah, yang mana kita tumpu kepada modal insan. Dalam hal ini kita berada dalam abad yang ke-21. Oleh yang demikian, apakah peperiksaan ini masih relevan ataupun tidak seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi, di mana dia hendak membangkitkan 'kerelevansian' peperiksaan. Malah apakah perlu juga kita kaji semula - saya

faham ini. Memang benar untuk menyatakan apakah peperiksaan itu ataupun siapakah pula yang akan *reexamine the examination*, apakah ini yang harus kita ketengahkan. Umpamanya peperiksaan itu membawa ....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kuala Krai.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Saya tertarik bilamana Yang Berhormat menyebut modal insan kerana inilah satu-satunya yang dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan kita pun dalam abad yang ke-21 ini memerlukan modal insan yang begitu besar. So, bagaimana pendapat Yang Berhormat mengenai dengan peperiksaan khususnya di sekolah-sekolah, di mana kita rasa inilah tempat gedungnya bermula modal insan ini baik di peringkat rendah ataupun di peringkat menengah. Jadi kalau kita asyik sahaja dengan peperiksaan yang begitu ketat terutamanya di sekolah-sekolah, adakah ini memberi satu input modal insan kepada anak-anak kita khususnya kepada generasi yang akan datang. Bagaimana pendapat Yang Berhormat mengenai perkara ini?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya apa yang saya hendak bangkitkan di sini kaitan saya dengan modal insan ialah kerana kita hendak melihat kembali, apakah kerelevansian peperiksaan itu malah istilahnya sendiri macam saya katakan tadi perlu dikupas dan dihalusi sedalam-dalamnya kerana bila kita sebut sahaja peperiksaan dalam kepala kita ialah kita hendak tahu sama ada seseorang murid itu gagal atau lulus, itu sahaja. Lepas itu dia dinaikkan ke satu tahap yang lain dan kalaulah STPM itu digunakan sebagai instrumen untuk menapis calon-calon dalam kemasukan universiti sama ada universiti awam ataupun universiti persendirian, itu menjadi kriteria. Jadi dalam hal ini macam saya katakan tadi kita berada dalam abad yang ke-21. Apakah saya katakan tadi peperiksaan itu digunakan sebagai satu alat atau instrumen, kita kata bagi meneliti ataupun bagi memastikan sama ada seseorang murid itu atau calon itu berjaya ataupun tidak berjaya. Sebab itu saya kaitkan tadi harus kita beri satu pendekatan lain, maksud kita peperiksaan. Macamlah kita ubah dahulu daripada peperiksaan darjah 6 kepada penilaian ataupun UPSR.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bukit Mertajam.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat dalam mempersoalkan *relevancy* peperiksaan. Tetapi saya berpendapat bahawa peperiksaan itu adalah perlu sebagai penilaian untuk menilai tahap kecapaian seseorang pelajar itu. Tetapi saya juga bersetuju bahawa pada waktu sekarang adalah tidak sama dengan 30 tahun yang lalu. Jadi apa yang kita perlu capai ialah *skill* dan pengetahuan adalah tidak sama berbanding 30 tahun yang lalu. Saya rasa apa yang perlu ialah untuk mengubah dan membuat *reform* kepada sistem penilaian atau peperiksaan, dan apa yang

dikatakan tadi bahawa pelajar perempuan yang mencapai kecapaian atau prestasi yang lebih baik itu juga dipersoalkan, bahawa cara peperiksaan pada waktu sekarang ia lebih sesuai kepada pelajar wanita kerana pelajar wanita lebih senang duduk dan belajar sahaja. Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Sungai Petani, bahawa apakah Yang Berhormat akan mencadangkan, apakah perubahan yang perlu untuk mengubah sistem ataupun cara penilaian ini supaya kita dapat menilai *skills* yang perlu pada waktu sekarang dan bukan hanya tertumpu kepada penulisan sahaja (*paper testing*). Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Sungai Petani?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** [*Bangun*]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Sungai Petani sambungan daripada apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Memang kita terima pada hari ini sistem kita iaitu untuk menilai seseorang murid itu kita perlu ada peperiksaan, tetapi kadangkala waktu peperiksaan seorang pelajar itu kita tahu dia cekap, dia bijak tetapi malangnya pada hari peperiksaan itu dia demam dan sakit, dia seperti sesuatu yang menimpa pada dirinya. Dan malangnya apabila dia sakit pada hari peperiksaan itu dia tidak dapat menumpukan perhatian dia kepada peperiksaan yang sedang dihadapinya. Jadi masa depannya bagaimana? Apakah cadangan Yang Berhormat yang arif, yang bijaksana sama ada kita hendak teruskan dengan sistem yang ada sekarang atau ada cadangan bagaimana yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** [*Bangun*]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, ada lagi?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyambung sedikit kerana ada relevannya. Sebagai seorang bekas pendidik kita merasai suatu kesakitan apabila dinyatakan bahawa sistem pelajaran kita, sistem pendidikan kita lebih menampakkan banyak kegagalan daripada kejayaan. Ini dimanifestasikan oleh semakin banyaknya jenayah sosial yang dilakukan oleh anak-anak muda kita lepasan daripada sekolah. Dan di peringkat sekolah ini yang hendak saya tanyakan daripada yang arif ini, Yang Berhormat bagi Sungai Petani sebagai bekas Timbalan Menteri. Di sekolah ini sebenarnya antara pelajaran dengan pendidikan ini mana yang sebenarnya yang lebih relevan kerana di hujung itu suatu penilaian akan dilakukan kepada setiap individu pelajar, tetapi nampaknya kita lebih menekankan kepada aspek akademik ataupun intelektual mereka. Bagaimana dengan aspek emosi mereka dan jasmani mereka. Ini nampaknya kurang ataupun tidak diberikan perhatian. Tidakkah mungkin ini yang telah menyebabkan apabila mereka keluar dari sekolah dalam konteks yang



sepatutnya mereka boleh membuat keputusan sendiri, tetapi akhirnya mereka lebih dipengaruhi oleh elemen-elemen yang negatif dan merosakkan generasi kita. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Sungai Petani dalam konteks ini? Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat kerana menimbulkan soal-soal mengenai dengan pelajaran. Saya hendak balik kepada tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Sebenarnya apa yang saya hendak huraikan tadi belum sampai kepada peringkat huraian saya mengenai dengan *gender bias* dalam peperiksaan. Itu akan saya cadangkan apakah yang perlu kita lakukan. Cuma apa Yang Berhormat bangkitkan juga mengenai dengan relevan atau tidak relevan, inilah yang saya akan cadangkan kepada pihak kementerian untuk membuat penilaian semula. Ataupun kita kata pengakuan semula apakah bentuk pengukuran ataupun *assessment* pencapaian seseorang murid itu.

Apakah instrumen itu diguna untuk kita kata hendak *rank student* itu dari A sampai ke Z dan kita buat *cut off point* sehingga *group* ini boleh di sini, *group* ini boleh di sini sehingga apa yang saya lihat semasa saya bertugas dahulu di kementerian seolah-olah peperiksaan ini, di peringkat ini digunakan instrumennya sebagai mencari murid-murid yang boleh ke asrama penuh, murid-murid ke separuh asrama ataupun sekolah sekian-sekian dan sebagainya. tetapi apakah ia sebenarnya sebagai instrumen untuk betul-betul kita ukur pencapaian seseorang murid itu yang mempunyai perbezaan dari segi prestasi mereka.

Jadi, saya akan sentuh itu kemudian Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Mengenai dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin memang perkataan orang jatuh sakit masa peperiksaan ini akan diambil kira, sebab itu saya hendak bangkitkan juga, macam kita kata penilaian tadi, apakah bentuk penilaian. Ini yang saya akan bincang. Terima kasihlah kata saya ini bijak laksana sebab itu saya urut janggut saya balik. Memang bijak laksana, terima kasih.  
[Ketawa]

Mengenai dengan murid-murid yang kita kata tidak dapat hadir itu, ia ada cara kaedahnya dan diberi peluang. Biasanya diberi peluang. Sehingga setengah yang dapat *accident* pun saya tahu mereka boleh menduduki peperiksaan itu di hospital dan sebagainya. Jadi, itu saya rasa dari segi memberi peluang itu saya rasa sudah ada. Mengenai Yang Berhormat bagi Sabak Bernam membangkitkan mengenai dengan pelajaran atau pendidikan. Di sinilah juga berkali-kali banyak orang bangkit apa pelajaran, apa pendidikan. [Ketawa] Saya kata selalu saya berseloroh dengan menyatakan untuk selamat kita pakai sahaja 'educasen'. Sebab – kenapa Pejabat *Immigration*, kita kata imigresen *and then Custom*, kenapa kastam?

Jadi, kenapa tidak 'educasen' kita guna, di mana diguna seluruh dunia. Kita boleh buat dalam bahasa Malaysia 'educasen'. Mengapa tidak? Sebab pejabat...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Berjalan keluar Dewan]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Eh, Yang Berhormat bagi Kepong hendak pergi mana? Saya belum habis lagi. Ini kita hendak cerita pasal negara China buat peperiksaan. *[Ketawa]* Jadi, saya balik kepada soal pelajaran dan pendidikan, bagi saya keduanya adalah selaras dan saya akan bincangkan juga mengenai dengan disiplin pelajar ini. Ada atau tidak ada kaitan dengan peperiksaan tadi. Ini juga ada kaitan besar mengenai dengan disiplin pelajar, motivasi pelajar, adalah juga bergantung kepada peperiksaan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Berjalan masuk Dewan]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kepong pun ada. Yang Berhormat bagi Kepong balik. *[Disampuk]* Hah! Hendak dengan cerita negara China. Saya hendak cerita negara China.....

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Hah! Yang Berhormat bagi Parit.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat!

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Saya ada bercanggah sedikit pendapat dengan Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Yang Berhormat susah hendak mencari perkataan yang sesuai. Saya faham maksud Yang Berhormat. Hendak pinjam guna bahasa Inggeris *education* dalam '*educasen*'. Tadi saya rasa kita sudah ada bahasa, budaya belajar, budaya mendidik ini bukan budaya asing dalam masyarakat Malaysia. Oleh itu, kalau Yang Berhormat serius untuk menggunakan perkataan *education* itu saya kurang setuju. Berbeza dengan imigresen.

Ini satu perkataan baru, begitu juga kastam. Mungkin dalam dunia Melayu dahulu tidak ada imigresen, tidak ada kastam, jadi kita pinjam seratus peratus. Tetapi *education* saya kurang bersetuju Yang Berhormat kerana pengajaran dan pendidikan itu sudah ada dalam alam Nusantara sebelum kedatangan British dan sebagainya. jadi, adakah Yang Berhormat berhasrat untuk meneruskan juga perkataan itu. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Sebenarnya Yang Berhormat berhak untuk bercanggah atau tidak sependapat dengan saya. Apa yang saya maksudkan begini, *education* itu berasal daripada perkataan Latin '*educasen*' sebab itu di mana-mana kita pergi, di Amerika Latin, dia kata *aducasion*, di Britain atau di Amerika *education*. Saya kata rata-rata sudah menggunakan perkataan *education*, sejak dari zaman Plato dan juga Socrates kalaulah kita ambil daripada tamadun itu. Dan juga kalau kita hendak ambil dalam tamadun Islam ialah tarbiah. Itu yang saya maksudkan.

Jadi, untuk mencari satu jalan tengah apakah tidak misalnya macam imigresen sudah kita masukkan dalam bahasa kita sebagai imigresen. Ataupun polis, dulu kita pakai mata-mata tetapi fasal apa kita pakai pula polis hari ini, *polisian* dan sebagainya. Jadi, saya balik kepada persoalan peperiksaan tadi, memang apakah kalau kita pergi kepada sejarah awal peperiksaan

itu dibentuk, memang ia berasal dari negeri China, yang mana ia hendak mencari satu pegawai tadbir tadi, ia mengadakan satu peperiksaan untuk menguji mereka setakat manakah mereka dan inilah dalam negeri China cerita pun bagaimana rasuah berlaku, anak pembesar-pembesar dia ada tutor, dan anak pembesar juga kadang kala upah tutor kemudian sogok pemeriksa sehingga mereka dapat dalam *civil service* di negeri China ataupun di Vietnam, ataupun di Kampuchea.

Ini semua sistem-sistem untuk bagaimana hendak mencari kumpulan ataupun yang bersesuaian pada satu-satu jawatan dan sebagainya. Tetapi dalam peperiksaan yang wujud di negara kita, kita terus menerus mengambil daripada sistem Britain yang mana buat suatu ketika dahulu, kita ingat lagi, saya percaya Yang Berhormat bagi Kepong pun pernah mengambil peperiksaan yang dikendalikan oleh pihak *School Certificate* oleh Cambridge. Ia ada juga *Syndicate Cambridge*.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Maka kita pun belanja wang yang begitu besar untuk mengambil peperiksaan sama ada untuk lulus ataupun untuk gagal dan mereka gunakan ke satu tahap yang lebih tinggi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Air Hitam.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Umpamanya kalau kita lulusan *School Certificate* kita layak untuk sama ada menyertai dalam *civil service* menyertai universiti ataupun menyertai bidang-bidang tertentu sebab itu sehingga hari ini kita, tangga gaji kita selalu dalam perkhidmatan awam ditentukan oleh lulusan kita adakah SPM, STPM, universiti dan sebagainya. Ya!

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi tentang asal usulnya peperiksaan berasal dari negara China. Memang benar pada dahulunya masyarakat kuno mengadakan peperiksaan atau satu jenis penilaian terhadap orang yang dikatakan cerdik pandai cendekiawan daripada masyarakat dan sistem peperiksaan itu mungkin berbeza dengan di sini kerana apa yang ada sekarang lebih sistematik.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sebagai bekas pensyarah universiti, selain daripada peperiksaan apakah cara yang paling berkesan untuk menilai seorang pelajar sebab rata-rata masyarakat kita menyatakan bahawa kita banyak sangat peperiksaan, ujian dan kita tidak ada satu penilaian yang dikatakan spesifik yang boleh menjadi alternatif kepada peperiksaan yang ada sekarang.

Jadi apabila menyebut tentang pendidikan, peperiksaan itu sememangnya mendatangkan begitu banyak tekanan kepada pelajar-pelajar. Apakah cara kita untuk mengikis tanggapan masyarakat bahawa kita terlalu *exam oriented*. Saya minta Yang Berhormat memberi

penjelasan bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini dan peperiksaan itu, adakah alternatif yang terbaik dari segi menilai pelajar-pelajar kita. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Memang saya pun masih kata ulasan saya ini, saya pertahankan, *suspend* dia yang mana saya akan buat cadangan-cadangan ini kemudian iaitu *input* daripada Yang Berhormat juga akan mendorong saya lebih banyak, apakah cadangan selanjutnya. Macam saya persoalkan tadi, peperiksaan itu relevan atau tidak dalam suasana abad ke-21 ini, membuat penilaian dan pengukuran pencapaian seseorang murid ataupun seseorang calon itu. Itu persoalan saya.

Dan memanglah bercakap mengenai dengan negara China tadi, mereka gunakan itu sebagai satu instrumen. Tetapi dalam sistem itu, terbelakunya bermacam-macam *corruption* yang mana macam saya kata, memang dari segi cerita-cerita itu indahlah belaka. Nampak cendekiawanlah dan sebagainya. Tetapi kalau kita *go into details*, berlakunya sistem yang begitu *corrupted*.

Akhirnya, mereka tidak percaya kepada sistem itu. Itulah, saya juga kalau kita dalam abad yang ke-21, kita hendak lihat supaya sistem itu masih *viable* dan juga tidak dipertikai oleh masyarakat. Macam Yang Berhormat bangkitkan juga macam saya katakan tadi, peperiksaan tersebut saya periksa, orang sudah tahu dah. "Ahh, sistem sekolah kita amat menekankan peperiksaan." Jadi macam saya katakan, kalau kita buang periksa, apa kita hendak ganti? Apakah jenis penilaian yang kita akan buat? Ini yang akan saya bangkitkan kemudian.

Macam juga kita kata kalau kita buat gantian kepada sistem yang ada sekarang, apakah gantian itu betul-betul dapat mencerminkan matlamat kita. Kalau matlamat kita, kalau hendak kita kata membuat satu *ranking* kedudukan seseorang murid daripada A sampai Z memang mudah dan juga peperiksaan ini dia bukan periksa sahaja. Tetapi ia melibatkan macam-macam perkara seperti dia akan melibatkan kurikulum. Dia akan melibatkan silibus, dia akan melibatkan latihan perguruan. Dia akan melibatkan macam-macam. Sehingga macam saya katakan, perkara-perkara yang menghantui kita ialah anak kita mengambil periksa. Hari ini kalau kita lihat ibu bapa akan membelanjakan wang yang begitu besar untuk menghantar anak-anaknya pergi ke tuisyen. Padahal tidak perlu tuisyen pun. Macam saya pernah dengar cerita, dia hantar tuisyen anak dia duduk *kindergarten* pun dia sudah hantar tuisyen sebab dia takut anak dia boleh baca atau tidak.

Jadi perkara ini pelik betul dalam masyarakat kita. Semua orang hantar tuisyen. Saya tahu industri tuisyen adalah industri yang orang katakan ia menguntungkan berjuta-juta. Ini kalau kita campur, kalau satu *family*, dalam sebulan dia *spend* RM100, RM200 kalau satu mata pelajaran, kalau anak ambil SPM, berapa mata pelajaran? Masya Allah, berapa duit dia hendak kena bayar? Ini pengorbanan ibu bapa. Ibu bapa pula bila hendak dengar keputusan peperiksaan, cukup takut.

Takut macam, bukan takut dia ambil periksa. Apakah nasib ataupun masa depan anak saya. Kalau anak saya gagal, mana anak saya hendak duduk? Kalau anak saya gagal, anak saya tidak pergi ke sekolah yang ternama, maknanya anak saya sudah lepas peluang. Tidak bolehkah IPTA? Kalau tidak boleh IPTA, anak saya apa akan jadi kemudiannya. Jadi ibu bapa mengambil peluang untuk biarlah kita berkorban. Biarlah kita hantar anak kita tuisyen dan sebagainya.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** [*Bangun*]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Yang Berhormat menyebut tentang ibu bapa terlalu mementingkan tuisyen. Bukankah pada tanggapan Yang Berhormat selaku bekas Timbalan Menteri Pelajaran, ini menggambarkan dari segi sistem pendidikan kita, terlalu mengutamakan peperiksaan sehinggakan ibu bapa menghantar mereka menghadiri tuisyen semata-mata untuk menghadapi peperiksaan dan bukannya untuk mengejar ilmu. Apakah ulasan Yang Berhormat tentang perkara ini dan apakah cara kita mengurangkan ini? Ini kerana saya nampak itu sebagai trend yang tidak dapat dielakkan. Malahan, ianya berleluasa sampailah *kindergarten* seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Memang kita tidak dapat hapuskan. Misalnya, macam kita kata ambil periksa memandu kereta. Hendak ambil periksa JPJ. Anak mesti ambil seorang, kalau saya kata tutorlah kot bawa memandu kereta ini, lesen L tadi. Dia membayar wang yang begitu banyak. Padahal kita kata, kita boleh mengajar anak kita memandu kereta ada masa lapang sikit, memandu kereta kita tidak boleh. Tetapi orang hantar juga. Macamlah juga saya kata, hantar kelas tuisyen. Kelas tuisyen juga ialah macam saya katakan, kalau kita tidak hantar anak kita kelas tuisyen, macam saya katakanlah, kalau jiran hantar, orang itu hantar saya tengok, apa akan jadi kepada saya kalau saya tidak hantar anak saya. Ini bagi mereka yang ada pitis, yang boleh menyenangkan mereka. Kalau yang tidak ada wang, maaf sayalah. Seperti mana pihak kementerian bertindak memberi baucar-baucar tuisyen seperti yang saya katakan tadi seperti kepada murid-murid yang lemah dan juga yang ibu bapa berpendapatan kurang.

Trend ini ialah di luar kawalan kita. Ia ini tingkah laku ibu bapa terhadap anak dia, kita tidak dapat menahan. Sebab itu ia berlaku. Sebab itu saya katakan bagaimana kita hendak mengurangkan ini, ialah macam peperiksaan tadi hendak mengurangkan juga rasa takut, kebimbangan kita mengenai dengan prestasi ataupun *performance* anak-anak di sekolah.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** [*Bangun*]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau kita lihat ada tuisyen kerana ada peperiksaan.

Maka, bila ada peperiksaan, orang terlalu mementingkan peperiksaan, adalah tuisyen dan tuisyen telah menjadi budaya rasa saya dalam negara kita, sehinggakan rasa saya PTK pun ada tuisyen. Hendak ambil PTK, saya pernah dengar kawan-kawan saya pergi tuisyen kerana hendak ambil Penilaian Tahap Kecekapan. Jadi, kerajaan pula akur dengan budaya tuisyen ini sehingga mengeluarkan pula baucar tuisyen.

Jadi maknanya, kerajaan juga mengiktiraf tuisyen. Jadi industri tuisyen telah menjadi begitu besar. Jadi apa pandangan Yang Berhormat bagi Sungai Petani tentang budaya tuisyen ini dan bila kita lihat tuisyen, dia berkait dengan akademik, sehingga kita telah mengabaikan komponen-komponen lain dalam falsafah pendidikan kebangsaan kita sendiri. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Ini nampak Yang Berhormat membantu lagi sekali kepada saya dalam menghuraikan mengenai dengan peperiksaan. Sebab itu saya katakan balik, macam peperiksaan juga ada kaitan dengan tuisyen. Tetapi kita tidak boleh menyatakan bahawa kerajaan mengiktiraf mengenai tuisyen. Sebenarnya tuisyen yang *disponsor* oleh pihak kementerian, kalau saya dapat bercakap bagi pihak kementerian ialah untuk membantu anak-anak murid kita yang lemah dan bagi mereka, ibu bapa yang tidak berkemampuan untuk menghantar tuisyen. Tetapi bagi mereka yang menghantar tuisyen macam saya katakan di luar kawalan sekolah itu, kita tidak dapat tahan sebab itu adalah kebebasan kita untuk sama ada hantar tuisyen atau tidak.

Macamlah saya katakan bermacam-macam kaedah untuk melepasi peperiksaan tadi. Jadi balik kita kepada masalah peperiksaan tadi. Adakah peperiksaan tadi mencapai matlamat dia? Apa sebenar tujuan peperiksaan? Adakah dia hendak mengukur kebolehan? Kebolehan dari segi apa yang maksud kita? Adakah kebolehan itu dari segi macam kita kata sesetengah periksa itu kalau dia hafal. Sekarang kita tahu pula, industri ini buat.....

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** *[Bangun]*

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Cameron Highlands.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Sekejap ya Yang Berhormat, saya habiskan dahulu ini.

Kita kata industri membuat buku-buku ulang kaji misalnya, macam-macam, kadang-kadang kita tengok, penuh almari itu dengan buku ulang kaji sahaja daripada semua peringkat. Daripada semua peringkat, dia punya buku ulang kaji dan buku kerja kita misalnya. Sebab itu kita lihat anak-anak kita di sekolah rendah, kadang-kadang yang setengah itu bawa beg yang begitu berat, antaranya ialah buku ini, buku-buku yang kita katakan buku kerja, *workbook* dengan izin yang mana dia bawa sampai dua, tiga tidak tahu hendak *select* yang mana bawa sampai dua, tiga penuh beg....

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** *[Bangun]*

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cameron Highland dengan Kuala Krai bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Silalah.

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Ya, ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya ingin tanya dan saya tertarik matlamat dan hala tuju peperiksaan ini, apakah sebenarnya konsep peperiksaan? Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, saya ambil satu contoh Bahasa Melayu Tingkatan 5, format peperiksaan rumusan karangan, sangat spesifik. Cikgu-cikgu yang pernah menjadi pemeriksa kertas akan memastikan pelajar-pelajarnya cemerlang, tetapi pelajar yang di luar bandar ini yang di mana tidak ada pemeriksa kertas akan mengalami kekangan kerana mereka tidak mengajar format pemarkahan dan pemeriksaan kertas yang betul. Ini menjadi satu isu apabila berjayanya tuisyen di pusat-pusat bandar kerana guru-guru dapat memberi panduan yang begitu jitu sekali untuk pelajar-pelajar yang boleh *score* A1.

Tetapi pelajar-pelajar di luar bandar khususnya selalunya tidak mencapai kecemerlangan kerana mereka tidak ada ke perincian. Pemarkahan yang bakal diberi, rumusan karangan yang akan buat ringkasan, dia ada beza antara ringkasan dan rumusan. Rumusan adalah kita kaji, kita ambil dan mencernakan isi-isi penting dan kita tulis balik dalam katakan 100 patah perkataan daripada 350. Tetapi ringkasan, dia ambil isi-isi penting dan letakkan, dia ada beza. Maka ini, saya beri satu contoh Bahasa Melayu sahaja, untuk Sejarah dia ikut tema. Mana ada tema dia beri dua markah, tidak ada tema dia tidak beri markah, maka saya rasa skima pemarkahan dan cara pemeriksaan sebegini terlalu rigid. Dibandingkan dengan UK di mana dia ada laporan pusat peperiksaan di mana kalau ada bising di luar pun dia ambil kira. Bising di luar dewan peperiksaan dia ambil kira juga dalam pemarkahan, pelajar itu diberi demokrasi untuk berfikir untuk jawab. Ini yang akan jadikan pelajar-pelajar kita pengikut daripada menjadi pemimpin dan ini adalah satu yang begitu serius dalam peperiksaan kita. Beri penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat dari Cameron Highland. Sebenarnya macam saya katakan, apakah matlamat peperiksaan itu tadi, sebab itu saya akan masukkan kemudiannya tadi item, item dalam peperiksaan yang mana juga saya kata ada hubung kaitnya dengan kurikulum. Kalau kita bercakap mengenai dengan tuisyen tadi yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Tuisyen tadi, apabila saya katakan ulang kaji, kita dilatih tubi mengenai dengan misalnya tulisan karangan, dia bukan apa, latihan tubi mengenai dengan misalnya tulisan karangan. Dia bukan apa, latihan tubi dan yang setengahnya menghafal, saya tahu setengahnya tengah menghafal, misalnya kalau dia karangan kah, dia hafal, hafal sahaja, *left and right every day*. Anak-anak muda tadi, mereka orang kata dia punya *retention* dari segi pembelajaran ini cukup baik di kalangan mereka, kalau dilakukan sebab itu

dalam salah satu kaedah pembelajaran latih tubi, latih tubi, latih tubi. Macam kita buat matematik, latih tubi, latih tubi. Tetapi macam saya katakan....

**Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** *Guinea pig!*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, luar bandar, bandar ini memang ada perbezaan itu macam saya katakan. Bukan itu, mereka kadang-kadang tertinggal daripada segi environment mereka juga akan mengurangkan dia punya persepsi terhadap sesuatu perkara itu jika dibandingkan dengan murid-murid di bandar.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Yang Berhormat...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Yang juga...sekejap, saya habiskan yang Cameron Highlands tadi. Jadi macam saya katakan tadi, exposure untuk luar bandar, macam inilah yang kita katakan dahulu sekarang berlakunya jurang digital umpamanya. Jadi kalau saya katakan, bukan sahaja jurang digital, berkali-kali dahulu saya sebut mengenai dengan jurang ilmu juga adalah berlaku antara bandar dan luar bandar kerana kalau kita dapat tingkatan misalnya ICT di luar bandar saya percaya jurang ini akan dapat di sempit kerana sekarang ini *knowledge* atau ilmu yang melalui elektronik, digital cukup banyak. Jadi kalau murid-murid kalau di dalam bandar dahulunya *exposure* dia kepada perkara-perkara dia punya *environment*. Dengan surat khabarnya dengan macam-macam, dengan televisyennya dengan ICTnya, jadi dia punya *exposure* lebih kalau dibandingkan dengan luar bandar. Jadi inilah macam saya katakan tadi peperiksaan tadi, apakah akhirnya matlamatnya. Jadi ini yang kita hendak gerak balik dan hendak cadang kepada kementerian untuk kita perlu atau tidak menilai kembali.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya?

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Sedikit sahaja.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Sungai Petani sekali lagi. Saya tertarik kerana Yang Berhormat ini seorang pensyarah yang berpengalaman bercakap. Tadi beliau ada sebut bagaimana kita hendak ganti peperiksaan ini dengan apa cara, saya melihat ada kadang-kala pelajar-pelajar kita bila dia pergi *interview* dia dapat sijil *first class*, bila dia pergi temu duga yang dapat sijil peperiksaan yang *second class* dapat. Kita siasat, kenapa begitu? Ini dia kata kerana dia ini ada *creative thinking*, dia ini lebih daripada itu, inilah modal insan yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kita di abad itu sekarang.

Apakah pendapat Yang Berhormat Sungai Petani? Di tempat peperiksaan itu kita gantikan dengan *skill* supaya anak-anak kita ini dibekalkan dengan *creative thinking* yang mana *soft skill* ini kita galakkan di waktu kita hendak *mentality class* pertama ini. Kalau tidak, di mana kita akan dapat, kalau tidak kalau tidak dapat dipecahkan ruyung di manakan dapat sagunya' kerana gedung-gedungnya adalah di persekolah untuk mendapat bekal modal insan yang



berkualiti ini, apa pendapat Yang Berhormat kalau kita gantikan ini dengan *skill* yang boleh anak-anak membolehkan *creative thinking* ini, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat, malah saya dalam cadangan saya yang kemudian pun akan saya masuk mengenai dengan pengukuran penilaian *skill* dan juga balik kepada tadi saya katakan dia segala-galanya berpunca dari kurikulum ini tadi. Sebab itu dalam kementerian kita ada satu pusat kurikulum untuk melihat benda ini. Sebab itu kita akan mencadangkan kepada kementerian dia kena peperiksaan ini dia kena *overhaul*, dia tidak boleh. Itu sebab kita kata, tahun demi tahun sekarang apabila sudah masuk abad yang ke-21 apakah kita hendak duduk setakat itu dan kita sudah bercakap tentang modal insan kalau ini tidak berganjak, tidak diubah maka akan kita gagal dalam Rancangan Malaysia Kesembilan mengenai modal insan ini tadi.

Kita tidak akan ke mana-mana, tidak usah cakaplah dan kita tidak akan tercapai kepada soal murid-murid kita atau generasi kita yang dianggap *world class* tadi. Kita tidak ada *world class* kalau kita asyik bercakap hari ini, ya betul dan kita kata dalam peperiksaan orang dapat 12A, 15A, kita pun tepuk, kita beri hadiah tetapi pada keseluruhan besar daripada murid-murid kita di mana mereka pergi. Sebab ini tadi macam kita katakan yang katakan tidak dapat 10A, yang tidak itu, tidak ini, ke mana mereka pergi? Dan angka ini besar cukup besar dan di manakah kebolehan mereka dan dimanakah *skill* mereka sehingga tadi dibangkit mengenai dengan kenyataan telah dibangkit oleh Timbalan Menteri Pelajaran mengenai dengan murid-murid yang masih tidak boleh baca, tidak boleh tulis...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Dan ini menjadi.....ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Panjang, bolehlah sambung nanti lah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Panjang, hendak sambung kah? Kita makan nasi dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, pergi makan dahulu.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan dewan yang mulia ini sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang***

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**2.30 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Yang Berhormat bagi Sungai Petani sila sambung.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tadi telah saya nyatakan juga peperiksaan ini harus kita lihat dalam konteks tahun 2006 dan ini adalah abad ke-21. Dan apakah kaitannya, ataupun hubung kaitnya dengan Rancangan Malaysia Kesembilan. Kalau kita hendak jayakan Rancangan Malaysia Kesembilan hendaklah segala macam bentuk peperiksaan yang kita akan lakukan nanti adalah bersesuaian dengan abad ini. Jika tidak, kalau kita tidak menilai kembali atau kaji semula mengenai peperiksaan kita sama ada di peringkat rendah mahupun menengah mahu pun menengah atas. Bimbang saya sistem kita akan jadi satu sistem dinosaur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Lipis bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Yang mana dinosaur sudah lupus daripada muka bumi apakah kita juga akan pupus? Kalau sistem ini masih berbentuk dinosaur. Terima kasih.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sungai Petani, ada juga orang yang mengatakan kegagalan ataupun mungkin kelemahan seperti yang telah saya katakan dalam KBSR dan KBSM berpunca daripada sistem peperiksaan yang tidak berubah. Kurikulum berubah, dalam KBSR dan KBSM tetapi sistem peperiksaannya masih cara lama. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya betul, Yang Berhormat bagi Lipis, inilah yang saya kata tadi ia mesti seimbang apabila kita hendak kaji semula perkara-perkara ini yang harus diambil kira. Cuba kita lihat murid-murid kita di belakang sini, semua takut kalau dengar peperiksaan. Jadi mereka juga adalah generasi abad ke-21. Macam kita semua, boleh dikatakan semualah ahli dalam Dewan yang mulia ini adalah generasi abad ke-20. Ini abad ke-21, dan kita adalah sebahagian. Hanya kecil sahaja yang abad ke-21 tetapi kita adalah abad ke-20. Jadi kalau kita tidak mahu berubah sebagai mana saya kata tadi untuk mengkaji menilai dan benar-benar menghalusi perkara ini, kalau tidak ada ini kalau kita fikir kita ada Majlis, kita ada Lembaga, kalau kita kata hari ini kita hendak ada sedikit pindaan kepada Akta Majlis Peperiksaan ini, ini adalah sebahagian. Majlis ini hanya menjalankan peperiksaan di peringkat menengah atas ataupun STPM. Tetapi saya bercakap di sini ialah untuk mengkaji keseluruhannya dan kaitannya macam saya katakan tadi pokok kepada segala ini semua ialah bergantung kepada

kurikulum ataupun di bahagian kementerian, Pusat Kurikulumlah yang akan berperanan dalam mengerak ini semua dan membentuk rupa bentuk semua berpunca dari kurikulum. Kalau tidak ada perubahan daripada kurikulum, tidak ada kajian kurikulum, tidak ada pindaan, tidak ada perubahan maka selama itulah kita akan melihat sistem peperiksaan kita itu seperti yang kita ada sekarang. Cuma ada sedikit sebanyaklah, memanglah soalan itu berubah daripada tahun ke tahun tetapi bentuknya adalah sama.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pasir Puteh.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Apa ni Pasir Puteh..?

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat saya tertarik apabila perubahan itu perlu bermula daripada kurikulum, kurikulum Jawi tidak dimasukkan, Jawi lemah, *English* tidak ditekan, *English* lemah baru nak mula sekarang. Mati jasad tiada roh, mati roh tiada ilmu, mati ilmu tiada amal, mati amal tiada kebenaran, mati kebenaran tiada ketentuan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh berfalsafah tinggi ni, kalau hendak jawab ini mengambil masa, besok pun tidak habis. Tetapi tidak apalah sedikit macam sebanyak macam Yang Berhormat telah respons kepada apa yang telah saya bangkit tadi mengenai kurikulum. Ini yang saya akan bercakap kemudian juga mengenai kurikulum. Sebab itu saya minta sekali lagi pihak kementerian walaupun kita hanya bercakap mengenai peperiksaan kita mahu juga disentuh, mengkaji, melihat apakah perubahan yang bersesuaian dengan pihak pusat kurikulum yang mana merekalah yang akan kemudian juga menghasilkan silibus, dan silibus ini juga kita harus memikir dengan *content* dalamnya, apakah *content* sudah berubah atau tidak berubah? Umpamanya macam hari ini kita kata mengapa di kalangan murid-murid kita kesedaran mengenai dengan sejarah negara pun boleh kita pertikaikan? Mereka tahulah Kesultanan Melaka lebih kurang sikit tetapi mengenai dengan kemerdekaan, perjuangan kemerdekaan perjuangan untuk membentuk Malaysia umpamanya, ini juga kadang kala kalau kita tanya masing-masing tidak mengambil kira ataupun tidak mengambil tahu. Dia kata tidak ada benda ini dalam periksa dan sebagainya. Inilah kita berhadapan dengan masalah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat sebab pelajar-pelajar kita ini kalau ditanya sejarah luar, Napoleon, sejarah Rom Moden, Rom dulu, mereka tahu tetapi sejarah perjuangan negara kita mereka tidak tahu pemimpin mereka. Jadi apakah Yang Berhormat meminta kementerian ini supaya memikirkan sesuatu pendekatan yang baru untuk dijadikan sebagai satu bahan agar generasi masa depan tidak akan lupa asal usul mereka. Sebab kalau mereka lupa asal usul mereka, maka mereka akan jadi buta dalam sejarah tanah air sendiri. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua pun setuju.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya tahu Yang Berhormat bagi Kinabatangan berkali-kali bangkit mengenai dengan soal ini dan saya pun hendak kita kata apa... angkat pandangan ini menjadi soalan saya kepada pihak kementerian iaitu umpamanya kita tahu mata pelajaran Sejarah diwajibkan. Sepatutnya diwajibkan di semua peringkat, tidak kiralah sebab ini saya melihat bagaimana di Amerika. Khususnya Amerika, negara yang begitu moden dan sebagainya, masih menghayati sejarah bila kita sebut sahaja perjuangan revolusi Amerika mereka juga begitu terasa dan bagaimanakah ini dipupuk di kalangan anak-anak mereka sehinggalah ke peringkat dewasa. Jadi saya percaya dalam hal ini...

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Sekejap ya, sekejap saya habis. Perjuangan kemerdekaan dan kemudiannya macam perubahan masyarakat kita juga harus dipertimbangkan misalnya kita jangan cakup hanya fasal soal getah tin, getah tin. Tetapi bagaimana perubahan daripada *agriculture* kepada industri umpamanya. Benda-benda seperti ini harus dinyatakan sebab itu saya katakan masa-masa yang kita belajar dulu, sekarang ini mesti ada tambahan ataupun sekurang-kurangnya murid-murid kita didedahkan dengan tanamnya semangat patriotisme di kalangan anak-anak kita. Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Saya mempunyai persepsi tentang ucapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat tadi, melihat peperiksaan itu dalam konteks yang menyeluruh bukan hanya memberi grad, pangkat sahaja hanya kepada kecerdasan dari segi pemikiran tetapi juga meliputi aspek sahsiah, sikap seperti Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah sebut tadi. Maka dalam konteks ini saya kita pengistilahan itu, pemilihan perkataan ataupun pemilihan konsep ataupun dari segi semantik itu saya kira perlu diubah. Sebab apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Petani, saya kira istilahnya itu adalah lebih kepada pentaksiran ataupun dengan izin dalam Bahasa Inggeris dia sebut sebagai *evaluation*.

Saya kira ini adalah lebih menyeluruh dan barangkali juga baik kalau sekiranya Lembaga Peperiksaan kita ataupun Majlis Peperiksaan kita menggunakan *semantic*, ayat yang lebih tepat iaitu disebut sebagai Majlis Penilaian ataupun Pentaksiran dan Peperiksaan, *evaluation and testing*. Saya kira ini adalah merupakan istilah-istilah yang lebih baku untuk mencakupi segala dimensi sebab apa yang dibicarakan oleh kedua Yang Berhormat sebentar tadi saya lihat ialah mengambil pendekatan yang secara *holistic*, secara menyeluruh, secara bersepadu. Saya kira ini akan mengurangkan sebab kalau sekiranya kita buat peperiksaan itu cuma dalam bentuk

akhirnya sahaja yang disebut dalam istilah penilaian itu disebut sebagai *summative*, peringkat akhirnya sahaja.

Tetapi juga kita perlu ukur di peringkat prosesnya itu supaya kita dapat kesan setakat manakah sikapnya berubah, sahsiahnya telah berkembang, maka dalam konteks ini tidak tahulah kalau sekiranya Kementerian Pelajaran boleh mengambil kira dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk menggunakan istilah penilaian sebab dalam KBSR pun tidak ditulis tentang peperiksaan tetapi ditulis tentang 5P itu penilaian, pengayaan, pemulihan. Semuanya digunakan istilah serupa itu tidak ditulis peperiksaan. Yang menimbulkan kerisauan anak-anak kita ini adalah peperiksaan, dari segi penilaian, kita perlu ada tahap di mana mereka, pencapaiannya macam mana dari segi sikapnya, dari segi keberterusan proses penilaian itu. Mohon penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih. Kalau saya hendak jelas pun sudah dijelas, sejelas-jelasnya seperti katakan tadi istilah itu sendiri. Ya, betul saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, istilah itu mencakupi segalanya. Apakah konsep dan maksud serta makna dia yang kita akan perolehi daripada situ. Sebab kita lihat perubahan yang telah berlaku dalam kementerian ialah macam UPSR (Ujian Penilaian Sekolah Rendah), Penilaian Menengah Rendah tetapi sampai peringkat SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) itu kita sudah masuk istilah ini. Jadi tidak apalah saya rasa pihak majlis, pihak lembaga, pihak kementerian boleh melihat kembali.

Ini cadangan saya tadi, untuk melihat kembali tentang istilah-istilah yang kita guna pakai dalam peperiksaan yang buat satu masa macam saya katakan tadilah bila sebut sahaja periksa semua periksa, hendak kahwin pun kena periksa. Hendak bawa kereta kena periksa, hendak naik pangkat kena periksa, semua periksa. Makan, hidup kita dalam masyarakat Malaysia, peperiksaan itu sudah jadi satu perkataan yang kadangkala menjadi perkataan yang menakutkan saya katakan iaitu kita hendak periksa bila periksa saya katakan tadilah, tidak ada langsunglah belas kasihan iaitu hanya yang kita dapat di akhir produk itu ialah gagal, lulus. Kalau gagal, apa akibat dia, kalau lulus apa ganjaran dia.

Itu yang kita fikirkan selama ini daripada melihat. Macam Yang Berhormat saya bersetuju keseluruhan itu. Apakah kita hendak gunakan ujian penilaian pentaksiran. Jadi kalau kita hendak bubuh pula Jabatan Taksiran jadi pula Hasil Dalam Negeri pula. Jadi tidak apalah, itu pandai-pandailah pihak ahli pendidik untuk mengkaji, melihat benda ini seboleh-bolehnya istilah-istilah seperti peperiksaan itu dijauhkan ertinya sebagai untuk semata-mata sebagai *instrument* untuk menggagalkan seseorang itu. Jadi gagal itu bukan sahaja gagal peringkat itu malah dianggap keseluruhan hidupnya itu sudah gagal kalau dia gagal peperiksaan. Jadi saya balik kepada persoalan tadi, saya ingin tahu juga daripada kementerian, ini majlis tadi kerana berkaitan dengan peperiksaan.

Saya hendak tahu sama ada kita ada atau tidak di pihak lembaga dan pihak majlis membuat kajian-kajian yang melihat sama ada *item-item* yang kita masukkan di dalam peperiksaan itu dianggap sebagai *gender bias* dengan izin. Maksud dia begini, tadi dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga mengenai dengan prestasi murid-murid perempuan lebih baik jauh berbeza daripada murid-murid lelaki umpamanya. Jadi dia mesti ada sesuatu sebab. Jangan orang kata pula soalan-soalan itu boleh katakan, "oh, kerana anak murid perempuan dia lebih rajin belajar berbanding dengan murid lelaki". Ini tidak betul. Ini sama sekali saya tidak boleh terima.

Tetapi saya kata balik kepada soal tadi, soal ialah *item-item* yang kita masukkan *content* dalam peperiksaan itu adakah tidak dia semacam mungkin saya tidak berani tuduhlah, mungkin terdapat soal *gender bias* yang mana yang perempuan itu agak selesa dengan soalan-soalan yang telah didedah kepada dia. Manakala yang murid lelaki tadi mungkin dia rasa tidak boleh, tetapi mengapa pula prestasi murid lelaki dalam bidang teknikal lebih baik. Jadi soalan-soalan misalnya mengenai dengan teknikal itu juga. Jadi, ya...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih saya terpanggil dengan hujah Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa mungkin soalan-soalan peperiksaan ini majoriti pencipta soalnya terdiri daripada kaum wanita sehingga mempermudah mungkin pelajar-pelajar wanita untuk lulus dalam peperiksaan tersebut sementara kaum murid daripada lelaki kesukaran. Dan apabila mereka gagal sudah tentu timbul berlonggoknya penganggur-penganggur di kalangan rakyat Malaysia. Penganggur yang sudah sedia ada sudah ada, yang gagal peperiksaan sudah ada, yang lulus daripada universiti pun, IPTA dan IPTS pun sudah ada.

Jadi mungkin sudah tiba masanya kementerian ini melihat ke arah bagaimana menganjak para cendekiawan kita duduk berbincang untuk melihat ke arah mana, membawa institusi pendidikan kita ke arah satu dimensi yang bukan mempermudah tetapi menyelesaikan sebab saya bersetuju apabila disebut peperiksaan, ada yang trauma, ada yang fobia, memikir sama ada dia boleh lulus ataupun gagal. Jadi ini merupakan salah satu faktor yang boleh menghalang mereka menggilap akan kemahiran mereka sedangkan apabila mereka diberi peluang dalam bidang teknikal, mereka boleh berjaya. Minta pandangan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya bersetuju tetapi yang itu saya kurang pasti. Orang yang membuat soalan-soalan itu adakah terdiri daripada wanita, jadi dia lebih selesa dengan soalan-soalan yang bersifat... Yang ini saya tidak mahu buat tuduhan melulu kepada pihak majlis-majlis peperiksaan. Saya tidak mahu buat tuduhan tetapi melihat kembali *items* yang bersesuaian kepada semua *gender* iaitu maksud saya

kepada lelaki dan perempuan, dia tidak ada *gender bias*. Ini perlukan kepakaran para pendidik itu yang mempunyai latar belakang psikologi, dia lebih faham daripada kita semua, jadi saya tidak berani menyatakan bahawa ini...

Jadi kembali kita untuk melihat semula *items* yang kita telah sebut tadi. Malah saya ingin juga akan mencadangkan kemudian mengenai dengan ujian-ujian yang lain. Maksud saya bukan ujian, penilaian ataupun taksiran seperti mana Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bangkitkan tadi yang mana tadi kita kata juga soal-soal teknikal tadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan kata tadi ukuran apa yang kita hendak lakukan kepada bidang-bidang yang lain.

Sebab itu saya beri kepujian sekali lagi kepada Kementerian Pelajaran yang memperkenalkan macam soal mata pelajaran MPV. MPV di sini maksud dia bukan *multi purpose vehicle*, mata pelajaran vokasional. Itu maksud dia yang mana bermacam-macam mata pelajaran vokasional diperkenalkan dan saya lihat ia mendapat sambutan yang begitu baik dan harus kita tingkatkan dan ia banyak memberi kegemaran kepada pelajar yang terlalu tertekan dengan soal-soal ini, mata pelajaran yang lebih bersifat 100% kepada akademik. Jadi vokasional juga harus dilihat dalam hal ini dan apakah ini akan diadakan persijilan dan sebagainya bagi mereka yang tidak berminat dalam soal itu. Jadi itu satu perkara yang saya hendak bangkit.

Seperkara lagi yang saya hendak bangkitkan juga ialah kepada bahagian peperiksaan iaitu mengenai kriteria peperiksaan ini sangat bergantung, saya kata kepada kurikulum. Jadi saya hendak minta ataupun membuat cadangan kepada ini, kita perlu lihat kurikulum yang kita sediakan hari ini, ia benar-benar mencerminkan keadaan semasa. Kalau tidak, ia jadi macam saya katakan tadi dinosaur. Letaklah cerita-cerita apa sekalipun, ia kalau tidak bersesuaian dengan semasa ataupun pencapaian kebolehan itu, tidak ada guna kita buat periksa. Jadi kita, maafkan saya, kalau dalam bahasa Inggeris kata *defeat the purpose*, tujuan peperiksaan itu. Apakah yang kita hendak taksir?

Jadi kalau kita taksir balik kepada kurikulum, kurikulum menghasilkan *syllabus* dan peperiksaan itu bergantung kepada *syllabus* dan sebab itu yang dia cakap sekarang ini, guru-guru terpaksa menghabiskan *syllabus* sebab takut nanti peperiksaan di akhir sekali ramai muridnya gagal ataupun guru akan dituduh tidak mengajar murid-muridnya dengan baik. Oleh yang demikian, macam saya katakan tadi dari segi umur dan sebagainya, apakah kita perlu melihat kurikulum ini bersesuaian dengan yang mana juga peperiksaan ataupun kita hendak tukar ganti dengan perkataan penaksiran penilaian bersesuaian dengan kurikulum tadi dan kurikulum sekali lagi saya tegaskan, hendaklah ia bersesuaian dengan abad ke-11.

Ini harus kita pegang sebagai kunci untuk kita mengkaji semula. Jangan kita fikir, "Oh dulu-dulu dia buat macam ini, pasal apa kita kena ubah? Tidak boleh!" Kita kena lihat keadaan semasa. Malah saya mencadangkan di sini kepada kementerian, malah kementerian lakukan ini untuk kita lihat dan saya tahu di kementerian telah dilakukan. Sekali lagi untuk saya

mengingatkan dalam kes ini supaya kita lihat balik negara-negara maju, apa yang ia telah ubah, umpamanya dari Sweden, Korea terutama sekali ataupun di Taiwan, apakah benda-benda ini telah diubah dan dilakukan ubahsuai?

Kalau kita lihat pencapaian ekonomi dan juga sosial di Korea begitu baik sekali dan mereka diletakkan sebagai negara Asia yang maju. Jadi kalau itu kita boleh belajar daripada sistem itu sebagai model kita, memang kesesuaian ialah kepada dalam suasana Malaysia yang mana kita harus padankan dengan kemampuan kita iaitu kemampuan sebuah negara yang menuju kepada Wawasan 2020 sebagai sebuah negara yang paling maju, kalau boleh kita katakan di sebelah Asia seperti mana kita selalu dengar khabar orang banyak menulis mengatakan *21st century* adalah *century* ataupun abad negeri China yang sekarang diikuti dengan India.

Apakah kita hendak jauh ke belakang daripada negeri China dan India? Padahal kita juga sudah lama merancang dan merencana untuk menuju ke 2020 tetapi kita sekarang ini kerana peperiksaan kita yang bersifat dinosaur tadi, kita dianggap terkebelakang kalau kita hendak maju ke hadapan. Itu saya mintalah kajian semula kurikulum untuk bersesuaian dan padan dengan peperiksaan kita yang mana *items* yang kita lakukan.

*Then* ujian-ujian yang lain ataupun penaksiran yang berbentuk yang tadi banyak dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya kepada saya iaitu tentang untuk menaksir ataupun menilai seorang murid itu daripada apakah kebolehan mereka atau keupayaan mereka, daripada melihat di hujung tahun kita adakan peperiksaan dan itulah jawapannya sama ada dia dikategorikan gagal, lulus ataupun lulus dengan cemerlang dan sebagainya tetapi apakah instrumen itu betul-betul mengukur keupayaan seseorang murid.

Misalnya saya ambil contoh, di universiti hari ini selepas penuntut sudah keluar daripada universiti, macam-macam kita dengar tuduhan mengatakan, "Oh, mereka tidak dapat pekerjaan kerana mereka tidak cukup *soft skill*." Dia tidak cukup *hardware* ataupun *underwear*, maaf. Dia kata *soft skill*, macam mana hendak ukur *soft skill*? Yang inilah saya katakan tadi, padan balik dengan kurikulum kita, kita hendak ukur macam mana. Yang ini berbalik kepada soal kreativiti guru-guru tadi di mana dilatih di kolej-kolej perguruan mengenai dengan guru abad ke-21 tentang kreativiti tadi, macam mana dia hendak buat penaksiran laporan dia mengenai dengan kebolehan *skill* seseorang murid itu.

Kalaulah dia tidak baik dalam akademik, apakah dia baik dalam soal mana, misalnya bekerja dalam pasukan. Saya ambil contoh macam dahulu, diperkenalkan ini macam buat satu-satu projek dalam bilik darjah. Apa terjadi akhirnya? Yang saya tahu laporan ini masa sudah lama. Kemudian pun saya tahu laporan yang sama.



Cikgu bagi satu projek suruh buat dan dia hendak lihat projek itu, dan dia markahkan projek itu. Apa sudah terjadi, projek itu disubkontrakkan kepada orang lain buat untuk anak-anak dia, kemudian dibawa ke sekolah, diberi markah, memanglah markah baik, tetapi ukuran sebenarnya tidak. Oleh itu, proses itu, misalnya dalam vokasional, dia angkat pemukul itu pun sudah ada markah, betul atau tidak betul, dia paku itu betul atau tidak betul, sehingga siap proses itu kita beri. Macam dia masuk makmal sains umpamanya, kita hendak *produce*, ini pun maaf saya cakap mengenai dengan sains, saya pohon sekali lagi cadangan saya kepada kementerian yang mana saya dulu pun banyak kali supaya makmal sains di sekolah-sekolah juga dipertingkatkan, bersesuaian dengan zaman, memang ini makan belanja yang besar, saya tidak beranilah cakap mengenai dengan ini kerana perbelanjaan besar, tetapi apa boleh kita buat.

Saya berterima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memberi satu peruntukan yang besar kepada pelajaran. Dengan itu saya minta dia mesti tingkatan makmal sains dan cara dia mengajar sains juga mesti *up-to-date*, dia tidak boleh mengajar sains macam dulu lagi dah. Dia kena ada misal bilik makmal mesti ada komputer untuk seseorang murid itu lakukan eksperimen-eksperimen dia boleh masuk dalam komputer dan penilaian daripada guru sains itu berasaskan kepada proses tadi yang saya katakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Saya memang sokong dengan Yang Berhormat bagi Sungai Petani bahawa cara pengajaran mesti berubah sekarang. Saya dapati bahawa sekarang di sekolah rendah, dia juga ada ujian eksperimen sains, tetapi itu semua eksperimen tidak dilakukan hanya dihafal sahaja, saya rasa ini bukan caranya, dan kalau kita katakan hendak ada jurusan sains, hendak membanyakkan pelajar mempelajari jurusan sains, dia mesti dimulakan di sekolah rendah lagi, dia mesti ada *science lab*. Itu mungkin, dia mesti ada *lab assistant* supaya semua eksperimen itu boleh dilakukan, sekarang semua eksperimen tidak dilakukan, tetapi disuruh hafal sahaja. Macam mana dia boleh faham, betul ke, adakah ini berlaku? Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Saya amat bersetuju sekali dengan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam mengenai perkara ini yang maksud saya tadi ialah proses melakukan sehingga hasil di akhir sekali diberi markah, jadi proses juga diberi markah, dan dilakukan eksperimen itu dalam tempat-tempat yang tertentu. Daripada macam Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam kata tadi menghafal, saya tahu ini berlaku. Sebab itu dia pergi kelas tuisyen, hafal sana, hafal sini, akhirnya dia dapatlah sederet A dan sebagainya. Jadi, kadang-kadang itu yang saya bimbang, tetapi saya tidak pertikaikan orang yang dapat A apa itu, saya tidak pertikai sebab dia boleh jawab soalan. Tetapi yang saya persoalkan ialah sebahagian besar daripada kita, apakah penilaian terhadap keupayaan kita, *skill* kita tadi.

Macam kita kata, dia boleh bekerja atau tidak, dalam kelompok dalam melakukan sesuatu kerja dan sebagainya. Dan penilaian ini boleh kita katakan dia sambung menyambung daripada satu peringkat ke satu peringkat. Memang kita bercakap mudah, tetapi macam saya katakan kita mesti buat perubahan ini secara beransur-ansur jangan kita anggap ataupun dengan izin *take for granted*, benda itu sudah elok teruskanlah, tetapi benda-benda yang lain masih ada kelemahan-kelemahan yang harus kita baiki.

Jadi macam ukuran-ukuran tadi saya katakan kebolehan murid-murid, misalnya macam bahasa sekalipun, ukuran dia dari segi mana dan penilaian siapa yang hendak buat, adakah guru-guru bilik darjah ataupun siapa yang akan lakukan. Janganlah kita hanya sekadar bergantung pada peperiksaan-peperiksaan tadi yang mana dia akan menunjuklah di mana kedudukan seseorang murid tadi. Macamlah balik kepada soal mengambil STPM tadi, apakah STPM tadi sudah mencukupi untuk melayakkan seseorang itu ke universiti ataupun ke mana-mana peringkat pengajian tinggi. Jadi balik kepada soal dia tadi, yang mana langkah baru ini diambil oleh pihak kementerian untuk mengenakan kalau tidak silap saya 10% kokurikulum yakni adalah langkah yang terbaik.

Tetapi untuk baikan lagi ialah proses tadi, yang mana kita katakan sains umpamanya, apakah proses daripada peringkat ke seperingkat itu melayakkan seseorang itu. Dan sekali lagi juga kalau boleh saya cadangkan apakah sistem untuk melayakkan seseorang itu ke peringkat yang lebih tinggi daripada sekolah menengah atas, ke kolej ke mana ke, apakah aliran-aliran yang harus kita lakukan. Setengah cerita mengatakan setengah negara dia ada macam dua aliran, satu berasaskan kepada peperiksaan tadi sebagai *benchmark* dia, melayakkan dia dan satu lagi ialah melayakkan seseorang itu apabila dia sudah 10 tahun bekerja, 5 tahun dan sebagainya, langkah itu juga telah diambil, tetapi perbesarkan ini. Bagi mereka yang kadangkala bila dia meningkat umur dia nampak lebih menyerlah, jika dibandingkan masa dia tingkatan lima ataupun kemudiannya. Jadi saya berharap soal-soal macam kemasukan universiti ataupun di peringkat manakah ini harus diperiksa kembali, apakah peperiksaan itu menjadikan satu *benchmark* sebagai ukuran untuk kita dianggap sebagai berjaya atau gagal.

Saya juga hendak bangkitkan mengenai dengan tadi *charge* dan *fee* peperiksaan. Sekarang saya tahu, dia ambil UPSR, PMR, SPM, STPM semua kena duit, jadi apakah sekarang lembaga ini di peringkat tinggi dan juga lembaga dan majlis untuk memikir semula. Saya tahu memang mudah untuk saya cadangkan ke dalam Dewan yang mulia ini, memang orang akan beri tepukan gemuruh supaya kita hapuskan *charge* ataupun *fee* yang dikenakan ke atas murid. Tetapi saya balik kepada soal ini, untuk hanya membuat *review* kembali perlu atau tidak hendak kena *fee*, tetapi kita tahulah kalau benda yang percuma kadang-kadang orang tidak kisah, bila kena *fee* yang mahal orang anggap itu berharga. Jadi mengkaji semula mengenai dengan *fee* ini tadi, apakah ia masih perlu ataupun tidak. Kalau dia perlu juga katakan untuk pentadbiran melaksanakan peperiksaan ini dia memerlukan perbelanjaan yang besar dan dia kita katakan

tadi, kalau dulu peperiksaan dilakukan oleh pihak *Cambridge* kita perlukan pembayaran yang besar, dari segi penghantarannya, dari pemeriksaannya, orang luar sana, sini.

Saya amat bersetuju kita masih kena bayar kepada pemeriksa, saya tidak mahulah pemeriksa tidak dapat sebarang ganjaran esok dia *just* conteng situ, luluslah... luluslah, dia tidak peduli, tetapi kita mesti ada ganjaran bagi dia kerana dia bekerja. Begitu juga dengan orang yang menjaga pemeriksaan. Tetapi apakah kalau boleh dapat kita kurangkan jangan kita kenakan, sehingga orang mengeluh, kita dengar, sesetengah negeri hendak membayar yuran...*charge fee* SPM cukup sukar. Yang mana banyak wakil rakyat terlibat saya tahu, kadang-kadang orang datang ketuk pintu untuk membayar wang peperiksaan. Dan kita apa lagi sebagai wakil rakyat yang prihatin terhadap rakyat kawasan kita, jadi kita pun terpaksa keluar. Dan inilah yang saya fikirkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu keberanian yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Petani. Satu keberanian dan saya amat menghargai keberanian ini. Kalau boleh hapus, hapuskan sahajalah. Kalau boleh hapus, hapuskan sahaja. Kalau boleh dihapuskan, hapuskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hapus apa Yang Berhormat menghapus ini?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Hapuskan bayaran peperiksaan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Oh.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Apa bankrap ke kerajaan kalau wang ini tidak dapat dipungut? Saya rasa kerajaan tidak akan jadi bankrap. Dan kalau ini menjadi satu sumbangsih yang berharga kerajaan untuk melahirkan rasa kasih sayangnya kepada anak-anak rakyat, hapuskan sahaja. Tidak ada orang di dalam Dewan ini agaknya yang membantah kalau kita cadangkan supaya yuran peperiksaan, bayaran peperiksaan ini dihapuskan. Alhamdulillah negara kita dilimpahkan oleh hasil mahsul yang dianugerahkan oleh Allah, minyak umpamanya. So, sedikit-sedikit lah perkara-perkara yang boleh kita beri kepada rakyat merasa sebagai warganegara yang kaya ini, kita bagilah sedikit melalui itu sedikit melalui ini. Bagi terus. Hapuskan terus dan rakyat akan terasalah terhutang budinya dan agaknya sesuai sangat Yang Berhormat bagi Pasir Puteh mana?

Islam Hadhari kita ini agaknya dia amat sesuai sangat lah kedermawanan kerajaan kepada rakyatnya kita tunjukkan dengan kita hapuskan yuran ataupun bayaran pemeriksaannya. Jadi Yang Berhormat bagi Sungai Petani, sudah alang-alang menunjukkan keberanian, teruskan dengan satu cadangan yang *complete* dan kita tunggu jawapan daripada Kementerian Pelajaran dan saya rasa orang-orang di Kementerian Pelajaran termasuk menterinya pun berhati mulia bayaran yang tidak seberapa ini. Memanglah orang yang memeriksa itu kita kena bayar tetapi

bayaran orang yang memeriksa ini bolehlah kita gunakan daripada kantung kerajaan sendiri. Tidak payah hendak menunggu daripada ibu bapa atau pelajar-pelajar yang membayar yuran ini, baru duit itulah kita salurkan pula untuk membayar elaun orang yang memeriksa. Boleh gunakan duit kerajaan, sumber yang lain. Jadi saya minta sedikit sokongan dan keberanian yang lebih daripada Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Terima kasih Datuk.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Nampaknya Yang Berhormat mencabar saya untuk menyatakan pendirian saya sama ada dihapus ataupun diteruskan. Tetapi saya mencari jalan tengah untuk mengkaji. Saya faham. Dia perlukan dalam lembaga dan majlis, dia perlukan dari segi pentadbiran untuk menjalankan peperiksaan. Ya betul saya bersetuju. Itu saya kata sudah sampai masanya untuk macam Yang Berhormat bagi Sri Gading kata, kita saya rasa tidak mempunyai...tiada wang ini tadi, tiada masalah. Soalnya ialah kecikkan sedikit kalau boleh itu, memanglah orang pemeriksa kena dapat elaun, periksa satu-satu skrip dia periksa itu dia dapat elaun, dan begitu juga orang jaga periksa, dapat elaun sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, tolong.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Saya ingin menolong, hendak membantulah memberi fikiran di sini dalam kita hendak mengurangkan kos. Kenapa tidak dalam kemajuan ICT sekarang ini, kita boleh buat *online*, *online evaluation* dengan izin. Peperiksaan di talian. Dengan kemudahan yang ada sekarang ini, barangkali kita boleh banyak menjimatkan kalau hendak di sifarkan pembayarannya itu mungkin ada masalah-masalah tertentu, tetapi untuk mengurangkan itu saya rasa tidak ada masalah sebab banyak negara-negara sekarang ini, negara yang maju dengan kemudahan ICT yang ada dengan *Multimedia Super Corridor* dan segala kemudahan segala macam lagi itu sebab Yang Berhormat bagi Sungai Petani pun bercakap, fikir dalam konteks semasa, abad yang ke-21, ICT, *online testing*, *online examination*. Saya kira ini boleh dilakukan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Memang ambo sudah setuju nih, molek betul, molek sekali. Ini cadangan yang molek dan seiring dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading, macam kita katakan untuk kita mengurangkan kos tadi dan bersesuaian dengan abad 21..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak, Sri Gading tidak kata mengurangkan kos. Hapuskan. Tidak, datuk. Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sudah bagi jalan Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak, yang susah sangat kita hendak meletakkan satu-satu hukuman itu kenapa? Apa yang difikirkan? Ini semua perbuatan

manusia yang boleh ada, boleh tiada. Dahulu tiada pun bayaran ini, lepas itu meningkat bayaran, RM75 meningkat lagi. Ialah, meningkat-meningkatlah dari satu masa. Ok, sebagai sifat dermawan kerajaan, ada memang tanggungan berat oleh kerajaan kita hapuskan terus. Di Parlimen ini Datuk, kita boleh bercakap untuk kepentingan rakyat dan kalau ini salah satu kebajikan kerajaan kepada rakyat, apa salahnya? Kita cadangkan sahajalah. Apa yang hendak kita benamkan dalam kepala kita susah sangat cari duit ini? Yang cari duit ini kerajaanlah. Banyak kos-kos lain yang kerajaan kena tanggung, bukan soal ini sahaja yang kerajaan hendak tanggung, banyak. Macam-macam dan kerajaan pun tidak pernah kekeringan sumber kewangan untuk menampung perkara-perkara yang baik untuk rakyat. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih, terima kasih. Jadi begini lah. Akhir kata, kita selaku ahli Dewan yang mulia ini mewakili rakyat pada keseluruhannya hari ini juga saya mencadangkan kepada kementerian supaya segala *fee, charge* peperiksaan ini dihapuskan. [*Tepuk*]. Dan kalau kita kata untuk mengurangkan kos dari segi pentadbiran dan sebagainya seperti mana kata Yang Berhormat bagi Kuala Terengganuloh, kita ada bentuk kita dalam ICT yang mana ini akan mengurangkan perbelanjaan kalau perbelanjaan itu hebat dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Kelana Jaya bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya? Oh.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukan hanya sokong, saya memang setuju 100 peratus apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading dan dipersetujui oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Cuma dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *curious* nya apakah semasa Yang Berhormat bagi Sungai Petani semasa berkhidmat di dalam kementerian pelajaran, ada tidak cadangan ini pernah di bawa kepada kementerian? Minta penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih. Malah saya sudah bangkit perkara ini dalam beberapa kali. Saya berkhidmat di bawah dua Menteri, saya juga bangkit. Malah yang akhir sekali yang saya bangkit dan alhamdulillah telah diisytiharkan oleh Menteri Pelajaran mengenai dengan buku teks sekolah rendah, saya berkali-kali mencadangkan dan akhirnya Yang Berhormat Menteri yang berjiwa rakyat iaitu Menteri Pelajaran kita bersetuju untuk menghapuskan pembelian buku teks malah diberi percuma. Saya katakan tidak ada makna langsung kalau kita hendak suruh orang mengisi borang, buku itu percuma dan sebagainya.

Saya rasa bila kita cetak, sudah sampai lebih berapa ribu ke juta, makna dia yang hak lebih itu sudah tiada harga sudah. Jadi kenapa tidak pukul sama rata, bagi *free* sahaja daripada kita hendak pening kepala. Ini cadangan saya, dan alhamdulillah ini bangkitlah. Dahulu saya tidak boleh bercakaplah sebab saya tidak Menteri. Kalau saya Menteri saya bercakap. Tetapi

saya masa itu timbalan. Timbalan mana boleh lawan *townkey*. [Ketawa]. Jadi macam cadangan ini, ini benda macam ini lah macam peperiksaan ini saya minta dilihat dan dikaji. Macam itu selalu saya dok buat minta dikaji macam malah peperiksaan itu apa perlu sangat kita ini hendak kena *charge*, kena *charge*. Saya takut yang setengah kadang kala macam saya katalah bila saya jadi wakil rakyat, baru saya faham. Bila orang mari minta kepada saya, merayu. Katalah dia ada tiga orang anak, kalau awal tahun mana dia hendak bawa ini, segulung duit *cash*. Katakanlah tiga orang anak, seorang RM100, seorang RM200 dan seorang lagi RM300, mana dia hendak kerkau cari. Sebab itu kita beri cadangan kepada pegawai-pegawai kerajaan, terutama sekali yang dapat bonus hujung tahun itu - saya harap tahun ini kita dapat bonus lagi, yang mana disuruh berjimat untuk wang-wang tadilah, hendak dibelanjakan untuk anak-anak ke sekolah. Tapi saya berharaplah dan cadangan saya itu diberi perhatian seperti mana yang rakan saya katakan tadi, minta dihapus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Ada tambahan lagi.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** *Yes, please.*

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas penjelasan oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Cuma satu perkara lagi mengenai bayaran *fee* untuk peperiksaan. Apakah pertimbangan Yang Berhormat bagi Sungai Petani tentang pelajar-pelajar di sekolah-sekolah swasta yang juga ada mendaftar untuk pergi peperiksaan seperti SPM dan STPM. Apakah mereka juga dikecualikan daripada bayaran dalam cadangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Bagi swasta, yang itu saya tidak dapat bertanggungjawab. Bagi saya hanya calon-calon daripada sekolah kerajaan. Kemudahan itu hanya bagi mereka calon-calon dari pihak kerajaan. Yang swasta itu, macam kalau boleh saya katakan tadi kurangnya. Ia cuma *minimum fee* sahaja sebagai tunjuk - tetapi harganya itu saya katakan masih murah. Janganlah keterlaluan. Macam SPM berapa dia hendak kena bayar, apatah lagi STPM lagi dahsyat dia kena bayar.

Saya tahu, kalau orang kita *average* mendapat gaji RM1000 atau RM2000 masih tidak mencukupi dengan harga kos yang berlipat ganda itu. Saya tidak berani sebutlah. Jadi, saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat bagi Kelana Jaya kerana membawa perkara itu.

Seterusnya, apa yang saya hendak bangkitkan juga ialah mengenai dengan kaedah pembelajaran dan pengambilan peperiksaan tadi. Kita awal-awal lagi sudah bangkitkan apakah sistem yang kita hendak lakukan. Apakah sistem penilaian kita yang terbaik untuk kita buat pengukuran. Jadi, dalam hal ini kita tidak dapat elakkan juga daripada satu-satu penilaian itu. Kita hendak tahu, bukan tujuan kita balik kepada .... untuk menggagalkan seseorang itu sebab erti gagal ini cukup dahsyat terutama sekali apabila kita di sekolah, kalau kita gagal itu seolah-

olah satu hukuman yang paling berat dan ini akan terbawa-bawa sampai kita menjadi seorang dewasa.

Jadi, soalnya ini, orang katakan stigma gagal peperiksaan itu cukup dahsyat. Oleh itu, macam saya katakan, balik kepada soal penilaian tadi. Apakah jenis-jenis penilaian yang kita buat, yang boleh dianggap sebagai membantu. Kalaulah seseorang murid atau kumpulan murid itu dianggap lemah, apakah bantuan yang boleh kita berikan. Janganlah kita gunakan hanya untuk menggagalkan dan kemudian selepas itu kita tidak ada apa-apa pelan tindakan untuk itu. Macam kita katakanlah, kalau di akhir orang dapat keputusan peperiksaan, kita hanya menyanjung anak-anak yang lulus peperiksaan itu tadi. Bergambarlah. Laporan dalam akhbar demi akhbar. Keluarlah si anu-anu itu mendapat berapa A, berapa B dan sebagainya. Tetapi yang sebahagian besar sekali, yang dapat peringkat yang terbawah daripada A itu langsung kita tidak pedulikan. Jadi, ini masalah yang besar dan stigma yang kita akan pikul buat selamanya dalam seumur hidup. Saya percaya ukuran-ukuran lain boleh dijalankan kalau ini yang kita hendak lakukan hari ini iaitu dari segi *administration* dan arahan menteri mengenai dengan jenis-jenis peperiksaan yang akan dilakukan nanti.

Masalah peperiksaan juga ia ada kaitan dengan motivasi dan kreativiti serta juga disiplin pelajar. Kalau kita sangat menekankan *content* peperiksaan tadi, kadangkala ia menyebabkan orang katakan, bilik darjah itu murung. Sebab itu kita dapat hanya satu atau dua kelas sahaja yang murid aktif yang suka datang ke sekolah. Yang lainnya itu, disebabkan kerana peperiksaan dia rasa tidak perlu dia ke sekolah. Dia ponteng. Soal disiplin sekolah, dia pukul kawan kerana dia tidak berminat lagi untuk belajar. Jadi, apakah ini juga ada kaitan peperiksaan dengan minat seseorang pelajar untuk menghadiri ke dalam kelas-kelas bilik darjah yang boleh menarik tadi dan juga mengasah kreativiti dan juga guru mesti berkreaitif dalam menyampaikan ilmu pengetahuan.

Kalau penekanan kita, seperti Yang Berhormat bagi Lipis tadi bangkit kepada *examination oriented*, maka selagi itu kita akan hadapi dengan hal-hal disiplin seperti ponteng, lepak dan memukul kawan kerana kumpulan yang tidak berminat hendak belajar ini cukup ramai. Jadi, salah satu daripada untuk menangani masalah disiplin pelajar ialah melihat semula peperiksaan itu untuk sesuaikan apa ukuran yang kita hendak lakukan.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** *[Bangun]*

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Lipis dan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Jangan memikirkan tujuan peperiksaan, murid itu pergi ambil periksa dia gagal. Bila dia gagal buat apa dia pergi ke darjah lagi. Ini cikgu hendak gagalkan dia.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Saya sudah minta terlebih dahulu.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ok, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands dulu, lepas itu...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Wanita, wanita.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Yang Berhormat bagi Batu Gajah, sila duduk.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Sila duduk. Sila duduk, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ok, Yang Berhormat bagi Batu Gajah sabar. Saya bagi kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Saya cukup suka Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Saya tertarik dengan kenyataan tadi mengenai sistem peperiksaan yang mewujudkan jurang perbezaan yang begitu jauh antara yang pandai dan yang tidak pandai. Maka mungkin ini satu fenomena baru feudalisme pendidikan di mana pelajar-pelajar yang kurang mahir, tidak seberapa dalam nilai kognitifnya dari tingkatan satu dan peralihan, tertinggal di belakang sampai tingkatan lima. Ada juga di mana pelajar darjah satu yang naik sampai ke darjah enam dan ada pelajar-pelajar, saya rasa lebih kurang 3% yang masih tidak boleh membaca dan menulis.

Ini adalah satu fenomena yang begitu serius dan kaitannya dengan peperiksaan adalah, adakah peperiksaan sekarang yang dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia ini membesarkan lagi jurang kerana mereka tidak pernah membiarkan pembangunan insaniah dari segi minda dan kreatifnya, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat bagaimanakah hal ini dapat diberhentikan, walau tidak boleh dimansuhkan atau dimajukan tetapi diberhentikan. Tetapi setakat ini kita akan mengeluarkan guru-guru yang akan keluar daripada universiti untuk menggantikan guru-guru maktab. Tetapi kualiti guru-guru daripada maktab zaman dahulu, contohnya Kirkby di UK dan sebagainya. Bukanlah saya hendak mengagungkan mereka tetapi saya rasa para graduan yang bakal menjadi guru juga tidak mempunyai keupayaan untuk menangani masalah yang pandai dan yang tidak pandai dan sistem pendidikan yang ala peperiksaan ini akan 'menenatkan' lagi keadaan sebegini. Bagaimanakah kita akan memberhentikan ini? Kita begitu sensitif dan begitu prihatin bahawa dalam sepuluh tahun akan datang, kita tidak mahu melihat perkara yang sama diulang tayang di



Dewan yang mulia ini. Mintalah Yang Berhormat memberi penjelasan mengenai hal ini, feudalisme antara yang boleh dan yang tidak boleh, yang semakin lebar jurangnya. Penjelasannya, saya minta. Panjang, ya? Boleh, ya?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Betul. Betul, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Saya tidak kata dan saya tidak berani melabelkan ada murid pandai, murid tidak pandai, sebab bagi saya kebolehan murid adalah kebolehan individu dan kebolehan ini berbeza-beza. Ada yang *academic incline* dengan izin, dia baik dan dia boleh lulus periksa. Tapi yang tak *academic incline* tadi, dia tengok soalan pun orang kata dah menyampah dah. Jadi ini yang saya katakan macam mana kita nak bangkitkan satu pendekatan yang baru dari segi membuat penilaian, pengukuran, pentafsiran, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu lebih suka pentafsiran, *evaluation. To evaluate* prestasi dia. Apa yang kita nak *evaluate*? Kalau kita kata nak periksa, saya tahulah bila kata periksa, lulus, gagal, lulus, gagal. Jadi yang hak gagal ini.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Dato', isunya adalah bila kita dah buat.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, kebenaran.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Saya minta kebenaran. Isunya sampai mati, kita akan cerita ini sahajalah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Betullah. Sebab itu yang saya dok tanya..

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Adakah kewibawaan kita untuk membuat perubahan? Kita berani tak membuat perubahan? *Political will* yang kita perlukan. Kalau tidak, kita akan berbalah di Dewan yang mulia ini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Saya tahu.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Minta penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Saya pun tak sabar juga. Kalau saya boleh, saya tahu pegawai-pegawai daripada kementerian ini, dia dengar. Dia bawa balik benda ini, dan Menteri dia tak duduk diam. Saya tahu, Dato' Hishammuddin, dia tak duduk diam. Dia orang ini, sebab itu kadang-kadang dia, bercakap fasal disiplin, disiplin, disiplin, disiplin. Tetapi ini cadangan kita daripada wakil rakyat di dalam Dewan yang mulia ini, untuk kita mencadangkan. Kalau boleh, kita mahu tindakan. *Action*. Kita tidak mahu lagi dah, bercakap, bercakap, bercakap. Tidak ada *action*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Lipis, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Sekarang kita mahu *action on camera*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, dua orang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** *[Bangun]*

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Bangun]*.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Bagi Lipis. Selepas Lipis, bagi Batu Gajah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila duduk Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Lipis, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Bagi Lipis dahulu, baru Batu Gajah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tadi kata selepas Cameron, giliran saya.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Bagi Lipis dahulu.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Batu Gajah, tak faham bahasa. *[Ketawa]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Batu Gajah, sila duduk.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ahli Parlimen Sungai Petani. Jadi, kalau kita lihat, satu daripada sebab, rasa saya disiplin. Masalah disiplin, isu disiplin berlaku kerana tekanan atau stress dengan izin yang pada para pelajar. Kesan daripada peperiksaan berpusat yang kadang-kadang tidak memikirkan tentang persekitaran yang ada sama ada di sekolah atau pusat pembelajaran. Jadi, bagaimana kalau kita mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini, supaya peperiksaan berpusat itu dari segi akademiknya hanya 40% sahaja diambil kira, yang selain itu kita buat. 60% lagi kita buat peperiksaan atau penilaian berasaskan sekolah di mana faktor-faktor lain diambil kira dalam menilai seseorang individu. Macam mana Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat Lipis 101%. Sebab itu yang kita nak cadangkan. Apakah peperiksaan itu, di akhir itu atau penilaian akhir itu, berapa peratusan yang harus kita ambil untuk menggenapkan keseluruhan penilaian itu. Jadi, cadangan Yang Berhormat daripada Lipis, saya angkat cadangan itu. Sebab itu, baru-baru ini kita lakukan, masukkan dalam universiti, akademik sekian banyak dan kokurikulum sekian banyak. Itu pun telah diajukan oleh Menteri Pelajaran kita.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Mertajam pula.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Saya berterima kasih kepada Menteri Pelajaran yang membawa itu.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, nak bagi jalan?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Batu Gajah tadi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Bukit Mertajam sila duduk. Batu Gajah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, Batu Gajah dahulu, selepas itu Bukit Mertajam.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya amat setuju pandangan Yang Berhormat bahawa penekanan tidak harus kepada pelajar yang mencapai keputusan yang cemerlang sahaja, lulus atau gagal peperiksaan, implikasinya amat serius. Tetapi apakah Yang Berhormat menyedari bahawa penilaian pelajar ini juga adalah berpunca daripada sistem kenaikan pihak yang diberi oleh pihak kementerian. Di mana sekolah, pihak guru atau guru besar, mereka akan memberi penekanan kepada pelajar yang mencapai keputusan yang baik dan pelajar yang mencapai keputusan yang lemah, mereka membiarkan di kelas yang berlainan dan kurang perhatian diberi kepada mereka. Perkara satu.

Perkara yang kedua, ini yang membawa kepada pelajar tercicir, dan apabila pelajar ini tercicir, lebih gembira pihak sekolah sebab rekod pencapaian keputusan peperiksaan pada akhir tahun akan menunjukkan keputusan yang baik, dan juga kenaikan pangkat. Melintang ke menegak, semua, pihak sekolah mahu satu rekod yang baik. Jadi saya rasa mungkin aspek ini juga perlu teliti oleh pihak kementerian. Apakah Yang Berhormat Sungai Petani, setuju dengan pendapat saya? Sebab baru-baru ini juga ada pelajar menulis surat kepada surat khabar dan menyatakan memang benar, ada pelajar baik, pihak sekolah fuhhh!!.. perhatian. Pelajar kurang baik, keputusan biarkan dalam kelas. Tak kira, tak ambil perhatian langsung. Ada juga penukaran sekolah Tuan Yang di-Pertua. Di mana apabila ada seorang pelajar nak memohon menukar sekolah, pihak sekolah yang kedua-dua akan tengok, ah, bagaimana pencapaian keputusan. Keputusan baik, ambil. Kalau keputusan kurang baik, dia tak nak ambil. Walaupun dia memenuhi syarat, bahawa dia menetap berhampiran dan yang lain-lain. Jadi, pohon penjelasan Yang Berhormat dalam aspek ini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Itu pandangan Yang Berhormat. Tetapi pada keseluruhan, tak sampailah ke peringkat itu. Saya tahu, ada kes-kes seperti itu, tetapi tidaklah kita katakan kenaikan pangkat guru itu masih berasaskan kepada sekolah dia dapat peperiksaan tinggi ataupun rendah. Saya merasa dia orang ada kriteria-kriteria dia yang tertentu untuk kita meluahkan rasa marah kita mengenai dengan ada orang benda itu. Mungkin ada kes-kes. Saya tak nafikan, kes-kes Yang Berhormat bangkit, saya tak nafikan. Tetapi kita ambil, pada keseluruhannya saya rasa *performance* guru-guru, guru besar pengetua, saya rasa masih dapat kita akui. Kita menghormati mereka. Mereka, kalau tidak bagaimana, kalau kita nak lihatlah pencapaian pada keseluruhan tahun demi tahun meningkat. Kita tak adalah masalah. Cuma macam ..

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** [Bangun].

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, nak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Cuma macam saya nak bangkitkan tadi, ialah masalah disiplin pelajar tadi. Mungkin atau tidak ada kaitan dengan peperiksaan. Jadi, kalau peperiksaan tadi hanya *instruments* sebagai nak menghukumkan murid itu dengan letakkan stigma, 'awak gagal', 'awak gugur'. Betul Yang Berhormat bangkit itu. Stigma-stigma ini, kita tak mahu lagi. Jadi, peperiksaan sekarang harus dilihat dari perspektif ini. Kita tak mahu benda-benda ini berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat nak bagi jalan?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Saya bagi jalan dekat Bukit Mertajam. Saya berjanji, Yang Berhormat sekejap ya..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Bukit Mertajam, sila.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya memang sokong sangat dengan pendapat Yang Berhormat Sungai Petani. Tadi, Yang Berhormat katakan memang pelajar mempunyai kepandaian yang berlainan. Ada setengahnya, hanya 10% yang pandai dalam peperiksaan. *Top scorer* hanya 10% sahaja. Yang lain ialah, bukan mereka kurang pandai, mereka pandai dalam jurusan yang lain.

Jadi adakah Yang Berhormat Sungai Petani, dahulu pun adalah Timbalan Menteri di dalam Kementerian Pelajaran. Adakah Pelajaran mempunyai apa-apa rancangan ataupun perbincangan mengenai dengan konsep ini. Iaitu penilaian pelajar-pelajar ini, bukan sahaja tentang pelajarannya melalui sistem sekarang. Tetapi penilaian ini sepatutnya menilaikan apakah kecondongan kepandaian pelajar ini? Adakah dia pandai dalam sukan, biarlah dia tuju kepada sukan, majukan sukan dia. Kalau dia pandai di dalam muzik, mungkinlah kita memberi peluang dia menjadi seorang pemuzik pada masa yang akan datang. Bukan semua hanya nak jadi doktor, ataupun peguam. Jadi adakah setahu Yang Berhormat, adakah Kementerian Pelajaran sekarang mempunyai apa-apa idea seperti ini? Kalau tidak kita sampaikan idea ini. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar. Saya tidak menafikan, malah saya memuji pihak kementerian dalam mengambil banyak sudut ini berbincang untuk terutama sekali, saya tahu menteri sendiri berbincang dengan tiap-tiap bahagian dalam kementerian mengenai ini. Iaitu bagaimanakah dari semasa ke semasa, kita hendak mempertingkatkan prestasi kita dalam bidang pelajaran dan juga bersesuaian dengan pencapaian murid-murid. Malah kalau tidak silap saya dalam kementerian, mereka juga beri perhatian kepada macam murid-murid yang kurang upaya umpamanya. Sebab

itu saya juga masa saya dalam kementerian dulu saya telah katakan berkali-kali misalnya mengenai dengan MPV tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Putatan bangun Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Yang mana murid-murid lelaki saya katakan juga patut digalakkan untuk mengambil kelas-kelas jahitan. Sebab kalau dia berminat hendak jadi *tailor* dan juga berminat juga dalam masak-memasak, nak buat *catering*, mudah saya kata. Tidak perlu pun dia capai pencapaian akademik yang tinggi tapi tidak ada pekerjaan, tidak ada *skill*. Jadi ini yang di *stress*. Begitu juga yang sesetengah ibu bapa mesti bersabar, misalnya mereka dah buat macam-macam ukuran. Umpamanya anak-anak yang baru masuk ke sekolah.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Bagi jalan sikit?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Sekejap Yang Berhormat ya, sekejap saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi Yang Berhormat, duduk dulu.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Larut dulu, tidak saya jawab ini dulu. Mengenai dengan anak-anak yang baru masuk ke sekolah. Orang ingat anak-anak ini seolah-olah semua boleh baca khususnya. Sebab ada anak-anak yang pergi ke kelas prasekolah. Ini akhirnya dia tidak memahami antara anak-anak tadi ada juga "kecacatan" iaitu dari segi macam *dyslexia*. Dia lihat nombor enam jadi sembilan, B jadi D, dan terbalik macam itu. Saya tahu di kementerian buat ujian, dan kadang-kadang beritahu kepada ibu bapa marah pula. Ibu bapa marah yang saya dengar khabar. Jadi, usaha pihak kementerian saya tetap mempertahankan, mereka buat kerja. Tapi cuma yang kita cadang hari ini ialah untuk kita dapat tindakan yang lebih agresif, itu maksud saya. Itu saya buat cadangan-cadangan itu. Ya, Yang Berhormat bagi Larut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Larut, sila.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Boleh saya rangkumkan dua perkara dalam masalah ini. Pertama tentang keciciran, kita boleh dengar contoh negara seperti Perancis dan Jerman. Di mana mereka mempunyai satu harapan kepada pelajar-pelajar yang tercacir ini mengikut minat mereka. Kita tidak tahu kerana kita diatur perjalanan hidup kita, kalau orang Islam ditakdirkan. Semua hendak jadi pandai, hendak jadi doktor, pensyarah, profesor dan sebagainya. Tapi yang gagal dalam bidang akademik, mereka ada kepandaian dalam bidang lain. Saya sebut tadi Perancis, kalau dia bermain... macam kata rakan yang lain itu. Kalau di bidang muzik, dia main betul-betul muzik, tidak ada macam setakat orang kata ad hoc dengan izin. Kalau dia menyanyi,

bukan setakat menyanyi macam Akademi Fantasia yang menggunakan SMS. Itu perkara yang subjektif.

Jadi saya merasakan inilah di antara punca kalau kita tidak ambil berat pelajar yang tercicir ini menyebabkan mereka terjebak dengan kegiatan-kegiatan yang tidak mendatangkan manfaat. Tuan Yang di-Pertua, pengambilan dadah kerana mereka tidak ada tempat untuk bersukan. Mereka pakar dalam struktur bidang sukan umpamanya. Kalau kita cakap fasal bola sepak, hari ini Piala Dunia, kita tengok, yang kaya-raya pada hari ini daripada negara Afrika yang telah menembusi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masuk bab peperiksaan Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ya, ada kaitan dengan pelajaran, peperiksaan. Satu tentang saya hendak kupas sikit, kalau agak terlajak tentang pelajar yang tercicir. Yang kedua tentang kebocoran ini. Kita selalu cakap tentang kebocoran tapi masalah kita ialah mereka yang membuat kertas periksa ini. Mereka yang membuat kertas periksa ini, apakah satu kaedah yang boleh menyebabkan mereka tidak membocorkannya. Apa jaminan sebagai manusia? Apakah yang dilakukan oleh negara-negara lain? Apakah Kementerian kita perlu melihat soal ini dengan negara-negara maju yang lain tentang kebocoran kertas peperiksaan ini? Apa jaminan, apakah satu kaedah dan sistem? Saya akui kalau kertas periksa itu disimpan dalam peti besi dengan keselamatan.

Tapi soalnya mereka yang terlibat dalam membuat kertas peperiksaan ini. Apakah satu jaminan yang mereka ini tidak akan membocorkannya? Kena ingat sebab apabila berlakunya sindiket yang terlibat untuk mengeksploitasikan segala soalan-soalan ini sudah tentu dia akan terdedah kepada kegiatan yang negatif. Jadi apakah Yang Berhormat melihat sebagai orang yang pernah duduk dalam Kementerian ini, yang berpengalaman. Saya akui, saya tidak menidakkan, satu kaedah jaminan mereka yang terlibat dalam membuat kertas peperiksaan ini tidak akan mudah terdedah kepada kebocoran. Apakah perlu satu kaunseling kepada mereka yang benar-benar. Seperti negara lain, mungkin terlibat juga dalam menyediakan kertas peperiksaan. Tapi sering kali Tuan Yang di-Pertua yang berlaku, tiap kali, tiap tahun itulah dia kes-kes kebocoran. Yang menyebabkan akhirnya yang rugi adalah pelajar itu sendiri. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut, Ketua *Backbenchers* kita ini, terima kasih. Saya katakan tadi memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat kata tadi, telah pun saya jawab tadi banyak kali mengenai dengan *skill* seseorang itu. Bagaimana kita hendak mengarahkan kebolehan seseorang murid itu? Macam Yang Berhormat bangkitkan juga mengenai dengan Germany. Ini juga saya ingin ambil contoh yang telah diberi oleh Yang Berhormat bagi Larut itu mengenai dengan keadaan di Germany. Bagaimanakah mata pelajaran vokasional dan juga teknologi

dapat berkembang dengan lebih baik berdasarkan sekolah dan juga sampai ke peringkat atas. Dan juga mengenai dengan kebocoran tadi, juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat bagi Bagan mengenai kebocoran. Itu pula boleh dikaji oleh pihak majlis dan lembaga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Putatan bangun Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** ...supaya ia tidak berlaku. Ya, Yang Berhormat bagi Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Sungai Petani. Saya ingin berkongsi pengalaman yang baru-baru ini saya telah mengadakan beberapa lawatan ke sekolah-sekolah di kawasan saya. Menyampaikan bantuan wang kerajaan kepada murid-murid yang miskin. Dan sambil mengetahui latar belakang murid-murid yang dibantu itu, adalah saya berpendapat bahawa mereka itu satu dari punca yang saya ingin menyambung ucapan apa yang ditimbulkan oleh sahabat saya dari Cameron Highlands berkenaan dengan jurang, *disparity*. Antara murid-murid yang pandai dan murid-murid yang lemah.

Jadi saya berpendapat, saya berucap di sekolah itu atas inisiatif guru itu sendiri. Bila mereka menjalankan program pada setiap hari, dia terpaksa teruskan program-program pengajaran itu dari hari Isnin sampai Jumaat, sampailah habis bulan, sampai hujung tahun, dia tidak balik ulangnya itu. Program itu macam dia sudah kena program, menerus. Jadi murid-murid yang lemah itu tertinggal, mungkin dia punya kefahaman pada hari itu tidak berapa jelas. Jadi, usaha dan inisiatif guru-guru ini memang dia tidak mempedulikan. Saya membuat tuduhan ini kerana saya tengok, saya tengok di kawasan saya begitulah keadaannya. Tidak ada inisiatif guru itu mengetahui, mengenal pasti murid yang kurang pandai, yang lemah ini. Dan tiada usaha untuk mencari puncanya, punca kekeluargaan terutama sekali murid-murid yang miskin.

Jadi jawapan daripada Yang Berhormat tidak berapa jelas, saya dengar daripada luar tadi Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Jadi sini saya memang ada banyak pendapat yang diberitahu bahawa sekolah-sekolah ini membuat beberapa program kokurikulum terutama sekali aktiviti vokasional yang dibenarkan di atas persekitaran sekolah. Jadi ini saya difahamkan telah diluluskan oleh Kementerian Pelajaran tetapi tidak ada bantuan dari segi peruntukan kepada sekolah tersebut. Dan terpaksa minta bantuan daripada wakil rakyat untuk membina kemudahan itu. Terutama sekali persolekan, masak-masakan dan sebagainya. Jadi ini saya hairan kalau kementerian sudah bersetuju untuk sekolah itu membuat aktiviti-aktiviti seperti ini tetapi tidak ada peruntukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, itu masalah sekolah, bukan masalah peperiksaan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini masalah peperiksaan ini yang jurang-jurang dari rumah semua jauh ini. Jadi ini sambungan daripada soalan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi.

Jadi, minta penjelasan apa inisiatif cikgu ini. Di peringkat sekolah rendah kalau bantuan tuisyen RM40 kenapa pula tuisyen di peringkat sekolah menengah itu tidak ada? Kenapa, itu saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan. Cara Yang Berhormat tujukan soalan-soalan kepada saya, Yang Berhormat berasa macam saya duduk dalam kementerian lagi....[Ketawa] Terima kasih lah tetapi saya tahu dan faham maksud Yang Berhormat berkaitan dengan peperiksaan. Sebab itu saya katakan tadi, peperiksaan, bahan-bahan dalam peperiksaan itu, jangan terlalu nampak menekankan. Cuma tujuan dia hendak lulus atau gagal. Yang banyak sekali ialah gagal.

Bila orang tidak dapat mencapai kejayaan dalam peperiksaan, misalannya hari ini tuntutan ialah kepada 10A atau 12A, itu tuntutan. Dahulu, kita dapat Gred Dua dalam *School Certificate*, riuh kita loncat sana loncat sini, tidak masalah pun. Tetapi hari ini walau pun murid itu dapat B, tetapi masih dilihat sebagai tidak *perform*. Yang ini yang sedih. Betul Yang Berhormat kata macam tadi. Sebab itu saya sokong berkali-kali, banyak kali dalam kementerian dan malah saya bagi kepujian kepada menteri. Menteri ambil inisiatif ini iaitu membesarkan lagi program MPV, agar sekurang-kurangnya diperbanyak sedikit.

Sebab itu saya kata, mintalah ibu bapa bersetuju, kalau anak lelaki hendak ambil kelas jahitan janganlah anggap anak lelaki ini lembut. Itu persepsi yang salah. Dia ini akan jadi *tailor*. Cuba tengok di kedai-kedai jahit untuk kita buat suit, semua lelaki. Kita tidak ada wanita yang buat *measure* kita punya baju....

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** [Bangun]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Minta penjelasan tentang lembut.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Cameron Highlands dahulu lepas itu Jerai.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani kerana menerima pertanyaan bertubi-tubi daripada saya. Yang Berhormat bagi Sungai Petani ini, saya ingin bertanya, tadi sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Putatan, balik kepada isu yang awal tadi yang telah dikatakan oleh .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat minta membuat penjelasan. Hendak bertanya dia bukan Menteri...



**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Ya, ya, ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kadang-kadang terbawa-bawa masih ingat Yang Berhormat bagi Sungai Petani sebagai Timbalan Menteri Pendidikan... *[Ketawa]*

Saya balik kepada isu tadi mengenai jurang perbezaan pelajar itu. Jurang perbezaan yang ada impak secara tidak langsung peperiksaan. Majlis Peperiksaan Malaysia akan mengembangkan sayap mereka keadaan LAN. Saya rasa fokusnya sepatutnya masih di sekolah dan di peringkat sekolah lagi kita belum lagi mantap dalam aspek penilaian yang kita buat. Ini semua bermula daripada konsep atau teori pendidikan pedagogi yang dikatakan dengan izin "*I teach John Mathematic*" – "*I*" itu *teacher* (cikgu), *teach* itu *method*, John itu *student* dan *Mathematic* itu *subject matter*.

Dalam pendidikan ada empat elemen sahaja yang menentukan hala tuju, kebolehan dan keupayaan seorang pelajar, empat elemen ini. Infrastruktur adalah pemudah cara, fasilitator sahaja perkara ini.

Maka kita balik kepada empat perkara ini, dua daripadanya adalah insan, dua daripadanya adalah *method*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat berucap panjang. Minta penjelasan.....

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Nantilah, saya akan bawa ke arah sana Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya, kerana ini perkara yang begitu penting sekali...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] :** Yang Berhormat ada peluang nanti berucaplah.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Saya hendak tanya sebab dalam empat aspek ini, kita sudah lupa dua, cikgu dengan pelajar dan kita pergi fokus kepada *method* dan *subject matter* dan bila *method* dan *subject matter* diberi banyak fokus maka wang banyak dibelanjakan untuk pembangunan benda itu. Maka peperiksaan dan penilaian ditentukan bukan oleh *method* dan *subject matter* tetapi oleh manusia yang akan menjadikan pelajar itu cemerlang. Di situlah mungkin kita sudah terpesong, minta penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Ini Yang Berhormat ini saya tahu dia bekas guru dan Pensyarah USM dan dia pandai ini dalam pendidikan. Saya pun tidak boleh, orang kata buat omong-omong kosong sahaja.

Saya betul, saya teringat bila Yang Berhormat sebut "*I Teach*", saya ada satu cerita tentang "*I Teach*" ini. Dahulu dia buat *sentence* macam ini, maafkan saya dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Dia kata apa?

*"Put fire,*

*Boil water,*

*Pour water to cup,*

*Put tea,*

*Put sugar; then  
Disturb-disturb”*

Sebab, memang betul, dia kacau-kacau – *disturb-disturb... [Ketawa]* Istilah kacau itu dia tengok *translation.....*

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Itu tafsiran langsung daripada Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris, *direct translation* itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Bila Yang Berhormat sebut teringat cerita saya ini, jadi saya bila petang macam ini, saya hendak cerita kepada Yang Berhormat. Orang mengajar Bahasa Inggeris sekarang ini sebab dia tengok *bilingual dictionary*. Sebab itu saya selalu rekomen orang hendak guna kamus dwibahasa, sila baca dwibahasa yang diterbitkan oleh Fajar Bakti ataupun *Oxford News Press* yang diterjemahkan oleh Profesor Dato' Dr. Asmah Haji Omar. Itu yang paling terbaik sekali dalam pasaran kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak memperbaiki Bahasa Inggeris.

Jadi, macam Yang Berhormat kata itu memang benar iaitu tadi kekreatifan guru, saya di sini saya tidak mahu buat kerana saya pernah membuat kenyataan. Kenyataan dahulu semasa saya bertugas, minta maaflah Ahli-ahli Yang Berhormat semua menganggap saya masih bertugas. Terima kasih lah sebab saya mengalami gangguan kesihatan hari itu, saya hanya baru balik untuk bertugas sebagai Ahli Dewan Rakyat. Terima kasih atas niat itu, insya-Allah, insya-Allah kalau diberikan kesihatan yang baik dan sekarang saya baik dah.

Yang Berhormat katakan tadi kekreatifan, dahulu saya sebut sudah banyak kali tetapi orang marah dengan saya, tidak bersetuju, *okay, it's okay, union* sudah hentam saya. Saya kata, kita perlukan sekarang guru-guru yang berkreatif sesuai dengan keadaan itu.

Saya tahu kadang-kadang dia mengajar di kelas yang baik murid-murid dia. Ada yang kelas, memang kita kena jolok kiri dan kanan, baru murid ini rasa seronok hendak belajar. Sebab itu saya kata, ada kaitan dengan disiplin, jadi *stress* saya mengenai dengan disiplin pelajar itu ada kaitan dengan peperiksaan ini tadi.

Dia dengar sahaja periksa, dia terus langsung tidak mahu. Dia belum cuba lagi tetapi harapan kita, dengan adanya galakan, motivasi daripada guru tadi dengan menggunakan kekreatifan dia tadi, dapat membentuk murid ini. Jadi, masalah disiplin akan berkurangan. Kalau tidak dia tidak ada apa, dia hendak lepas marah dia tadi, main bola sepak atau pun main apa sekalipun atau tidak ada pun, dia pukul kawan sampai mati. Ini yang kita hendak atasi ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya minta penjelasan sedikit. Kekreatifan ini bahasa baru ataupun ciptaan Yang Berhormat? Kekreatifan adakah ini bahasa baru yang diakui oleh Dewan Bahasa ataupun Yang Berhormat punya cipta untuk mengelirukan kami... [*Dewan riuh*].

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya tahu, saya rasa ini diakui oleh orang ramai. Saya hendak sebut kreativiti pun boleh tetapi saya tambah sedikit. Saya hendak melayukan kreativiti tadi, kita kata mempelbagaikan dan macam-macam. Jadi, panjang sangat cerita, kreatif sahajalah, kreativiti. Seseorang itu dia kena pandai macam mana dia hendak olah.

Memang dia diajar atau pun diasuh dalam Maktab Perguruan untuk buat itu dan ini tetapi dalam dia menghadapi keadaan tertentu, dia mesti tahu menggunakan dia punya ..... orang kata apa ..... yang ini satu lagi hendak terjemah, hendak terjemah macam mana "*commonsense*" ataupun kita hendak terjemah apa? '*Sense of common*' tidak boleh. *Commonsense* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *Commonsense* dalam Bahasa Malaysia menggunakan akal fikiran...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, ya Sheikh saya bersetuju. Saya bersetuju – akal fikiran, itu pun tidak tepat...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu bangun Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak berapa tepat, jadi kita hendak cari ketepatannya itu. Misalnya macam saya katakan kreativiti. Dia tahu sudah. Kalau kita bercakap pasal *syllabus* bila kita kata, "Murid-murid angkat pensel buka kertas tengok cikgu hendak ajar ini". Semua pakat dok dom, hang baling aku, aku baling hang, langsung tak dak kelas. Kalau dia pandai misalnya hendak ajar bahasa saya kata ini salah satu kalau cadang. Misalnya tahu murid-murid ini...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [*Bangun*]

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dua-dua bangun Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** *Prepare* dia misalnya, "Mari kita lawan ejaan hari ini, kumpulan A dan B. Siapa pandai eja? Ok, dia pun lawan bagi markah, pakat riuh seronok jadi dia orang datang ke sekolah, "Hey syok, kita suka, cikgu ini pandai". Jadi ini yang kita mahu dia ada kekreatifan untuk menggalak dan mendorong murid-murid tadi belajar.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi jalan ke Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Dengan secara tidak langsung murid ini belajar. Macam kita katalah kalau dia mengajar di sekolah rendah hendak mengajar misalnya tolak dan bahagi sudah tentu dia suruh murid-murid bawa esok harinya biji asam. Ini kita tolak sana tolak sini .....

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Satu lagi Yang Berhormat, kreativiti dan inisiativiti yang saya sentuh tadi, yang mana Yang Berhormat belum terangkan. Dua, kreativiti dan inisiativiti.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, ya. Terima kasih. Banyak sangat saya diajukan dengan soalan. Kreativiti maknanya kemampuan dia untuk mengolah dalam satu-satu situasi itu. Dan inisiatif ialah galakan dia sendiri. Jangan kita kata, "Oh! ini bukan bidang saya jadi saya tidak tahu, tidak ambil kisah". Kalau murid tanya, "Cikgu pasal apa kita merdeka pada 31 Ogos?". "Yalah 31 Ogos Merdeka maka Merdekalah". Patutnya dia ambil inisiatif, "Saya akan beritahu besok". Bila dia balik dia akan berfikir pasal apa dia orang pilih 31 Ogos, ini murid hendak tahu. Ataupun dia kata hendak tahu pasal apa jalur merah putih, pasal apa kita tidak bubuh hijau putih? Yang Berhormat bagi Tangga Batu, lama dah.

[Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh bahas lagikah Tuan Yang di-Pertua? Lepas ini ada lagi? Kalau ada saya tidak panjang, tetapi kalau tak ada saya tanya panjang sikitlah.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Boleh ya? Yang Berhormat bagi Sungai Petani, saya tak nak *disturb* – *disturb*lah. Saya akan terus kepada permasalahan yang saya hadapi. Apabila saya sendiri .....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak minta penjelasan ataupun beritahu masalah?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Saya hendak minta penjelasan tentang motivasi Yang Berhormat bagi Sungai Petani sebut yang akan diberikan oleh guru kepada anak murid. Saya ada dua orang guru. Kedua-dua guru ini mengajar matematik dan yang bagusnyanya pula saya tidak pernah ada pengalaman mengajar ataupun mendidik. Seorang guru datang dalam kelas dengan membawa dua helai kertas dan di atas kertas itu cuma ada kaedah-kaedah bagaimana untuk menawan soalan-soalan peperiksaan. Sebagai contoh dia katakan untuk mengira luas bulatan pelajar-pelajar perlu mengingat formula 'A - equal' dengan izin, 'Pie R square'. Begitu juga untuk mengira ukur lilit bulatan pelajar-pelajar kena ingat 'Two Pie R.'

Tuan Yang di-Pertua, 'R' itu 'radius', ini formulalah. Jadi dengan kaedah itu pelajar-pelajar perlu menghafal formula kemudian datang soalan kita pun jawab. Dan kebanyakan daripada kami suka guru yang menggunakan kaedah ini. Datang lagi seorang guru kepada kami masuk ke dalam kelas bertanya kami, "Pelajar-pelajar sekalian untuk mengira luas bulatan". Dia pun angkat tangan, "Saya pun tahu cikgu". "Bagaimana?" Hanya gunakan formula A sama juga dengan 'Pie R Square' ataupun Pie J Kuasa 2. "Cikgu terperanjat, "Mana kamu tahu?" "Oh!

guru yang tadi mengajar”. “Apa itu pai?”. Seluruh kelas terpaku tidak dapat hendak menjawab apa itu pai. Jadi guru ini mengambil tanggungjawab menjelaskan kepada kami bagaimana pai itu terjadi. Barulah jelas kepada kami pai ini sebenarnya 22 dibahagi dengan 7, maka hasilnya 3.1418 dan seterusnya, tidak ada keputusannya. Dan bagaimana pai ini terjadi? Dari sejarah hinggalah digunakan oleh manusia, siapa yang menjumpai dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ini satu fenomena yang menarik.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, siapa yang berucap sekarang?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Oklah, itu sebab saya tanya Tuan Yang di-Pertua tadi. Ini satu fenomena yang menarik untuk mengkreaitivitikan ataupun mengkreaitifkan pelajar sama ada untuk mendidik pelajar itu supaya menjadi seorang yang hanya tahu bagaimana untuk menduduki peperiksaan. Jadi mintalah Yang Berhormat bagi Sungai Petani memberikan ulasan ataupun jawapan ataupun lebih kepada penjelasan kepada apa yang saya minta tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Nampaknya Yang Berhormat bersesuaian sekali dengan profesion Yang Berhormat sebagai *engineer*, kalau tidak silap saya. Dalam mengingati ini semua saya pun teringat juga cerita semasa saya belajar .....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, banyak lagi?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ada lagi. Dah mereka tanya saya jawablah. Eh! sudah tukar Tuan Yang di-Pertua ke?

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan hujah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau hendak berhenti saya pun tidak ada halanganlah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Tak apa tak apa. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya cerita lagi. Bila dia tanya saya pun naik semangat hendak menjawab.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab ini satu pindaan sahaja.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, pindaan ini memang besar erti pada kita untuk kita mencari satu jalan ....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalah mereka boleh dijawab oleh Menteri nantilah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Sebab itu saya pun jawab juga untuk membantu pihak Menteri.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payahlah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Tak apa, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya teruskan jawapan kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu yang mana tadi bertanya mengenai dengan .....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jawapannya biar Timbalan Menteri jawab nantilah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tambah cerita itu. Saya dahulu belajar sains masih ingat dalam kepala saya sehingga hari ini sebab guru sains saya datang daripada Madras sehingga kami bahasa Inggeris pun telo Tamil. Dia kata saya masih ingat sampai hari ini .....

**Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Macam mana cara dia?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Sehingga hari ini saya masih ingat dalam kepala saya sebab guru saya guru Tamil daripada Madras. Jadi dia kata ....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Minta penjelasan. Berapa Speaker ada?

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tak payah cerita lagilah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat bercakap ni dah berapa Speaker dah? Penjelasan sikit. Yang Berhormat bagi Sungai Petani bercakap ni sudah berapa kali Speaker masuk *shift* dah? [Ketawa]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat. Mereka kata hari ini bagi *free way* kepada saya. Jadi saya pun pukullah bola golf.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Sungai Petani]:** Yang ini *shift* ketiga untuk Yang Berhormat. [Ketawa]

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada yang lain ingin berucap juga.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya, terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Minta penjelasan Yang Berhormat. Saya mengikuti pandangan-pandangan, ucapan, jawapan dan sebagainya Yang Berhormat ucapkan daripada pagi sampai ke petang ni lah. Sungguh bernas dan boleh diambil kira sebagai pandangan yang baik dan kementerian boleh mengambil .....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tetapi semua tidak berkaitan dengan pindaan yang kita bangkitkan. Keluar daripada pindaan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Itulah saya hendak bawa balik ke pindaan ini.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, betul.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya, di mana rungutan dan teriakan masyarakat desa rintihan, titisan hati yang luka kerana kadang-kadang Lembaga Peperiksaan ataupun Kementerian Pelajaran itu sendiri seolah-olah melihat sekolah-sekolah di luar bandar ini dianggap sebagai sekolah yang tidak bermutu. Walaupun anak desa ini katalah dapat 4A dan 1B, di mana B itu adalah mata pelajaran Bahasa Inggeris yang sudah kita sedia maklum bahawa guru-guru Bahasa Inggeris tidak ingin berkhidmat di luar bandar. Jadi dengan inisiatif guru yang kurang pengalaman dan sebagainya, anak-anak ini mendapat 4A dan 1B dalam Bahasa Inggeris, tetapi mereka tidak diberi peluang untuk ke maktab-maktab ataupun ke pusat-pusat pengajian berasrama dan sebagainya kerana mereka tidak dapat 5A kecuali MARA yang membantu kita kerana Pengerusi MARA mengenali dan memahami rintihan kita. Jadi apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan ....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini bukan tanggungjawab Majlis Peperiksaan Malaysia.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Fasal dia periksa hak yang 'A', 'B' itu. 'A', 'B' ini peperiksaan Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Kalau tidak dia tidak boleh dapat *result* 'A', 'B'. Jadi, apakah Majlis Peperiksaan memikir dan memerhatikan, bukan sekadar memeriksa dan memberi keputusan tetapi juga mengetahui mengapakah anak-anak kita di desa ini tidak mendapat 5A, sedangkan apakah otak ini berbeza.

**Seorang Ahli:** Tidak!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Cuma mungkin makanan mereka berbeza kerana di bandar ini anak orang-orang kaya, anak-anak yang senang jadi makanan dia baik. Yang di desa ini kadang-kadang hanya nasi dengan kicap mungkin telur ayam sebiji. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat supaya mendesak kementerian untuk memberi guna budi bicara apabila mereka membuat keputusan untuk membawa anak-anak kampung ini kepada *exposure [Disorak]* yang lebih bagus dan apabila mereka bekerja nanti ROI kerajaan terhadap mereka akan berbaloi. *[Ketawa]* Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai, sahabat baik saya yang banyak membela orang-orang kampung, Yang Berhormat pun duduk kampung. Betul, Yang Berhormat pun cakap macam orang kampung. Bagus, saya ucap bagus kepada Yang Berhormat. Memang Yang Berhormat ....

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada orang lain boleh bahaskah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ramai hendak bahas. Ya, Yang Berhormat bagi Sungai Petani!

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, kena *considerate* juga. Ya, betul Yang Berhormat bagi Jerai tidak keluar daripada pembicaraan kita hari ini mengenai dengan peperiksaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi Yang Berhormat, ini tidak ada langsung berkait dengan pindaan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ia berkait, ia berkait.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, teruskan....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Sebab ini pemarkahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ...ucapan Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Sebab kenapa dia hendak tahu, penuntut luar bandar ini pasal kenapa – macam saya katakan the stigma ini tadi sebab kerana hendak 5A tekan 5A, tidak ada pertimbangan sudah kalau yang hak dapat 'B' Bahasa Inggeris. Sebab di kampung mana cakap bahasa Inggeris, tengok surat khabar Inggeris jauh sekalilah, emak bapa pun tidak cakap *you, I*, macam mana anak hendak cakap *you, I*.

Jadi, soalnya sekarang ialah ini yang kita hendak minta daripada Majlis Peperiksaan, Lembaga Peperiksaan melihat secara terperinci apakah penilaian, pemarkahan tadi benar-benar memperlihatkan, kebolehan, keupayaan seseorang murid. Sebab itu saya mencadangkan tadi supaya penilaian itu berterusan umpamanya bagi kerja dalam bilik darjah ini diambil markah sikit-sikit.

Macam tadi ada cadangan adakah ini dianggap sebagai 30% kemudian yang peperiksaan akhir itu berapa peratus. Ini boleh dilakukan untuk mengelak menjadikan peperiksaan itu satu beban yang paling dahsyat, takut, menakutkan. Ini saya bersetuju Yang Berhormat. Jadi, balik kepada cerita Yang Berhormat tadi tanya macam mana bunyi cerita tadi iaitu dia kata .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Guru Tamil.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Guru Tamil tadi, saya bakar lilin, dia letak dalam air. Lepas itu dia pun nyalakan lilin tadi. Dia telangkupkan gelas kemudian lepas itu api pun mati. *[Bercakap dalam dialek Tamil] There you see, one fifth active air, dengan izin, and four fifth for inactive air. [Ketawa]* Sebab dia kata itulah oksigen tadi sudah habis, *one fifth* sahaja. *[Bercakap dalam dialek Tamil] One fifth for active air and four fifth for inactive air,* dengan izin *[Ketawa]*

Jadi, saya pun sampai hari ini dok ingat benda itu sahaja....

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Tuan Yang di-Pertua, itu macam perkataan lucah sahaja.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Saya tidak lucah. *[Ketawa]*  
*[Bercakap dalam dialek Tamil] Active and inactive.*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** *Active air and inactive air lah itu.*



**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** *Active air. A. I. R. [Ketawa]* Sebab itu saya. *[Ketawa]* Saya tidak kata, itu modul kita pada ketika itu sebab saya belajar Bahasa Inggeris, *English Literature* semua dalam *accent Tamil*. *Then* saya pun belajar macam Tamil. Semua Inggeris, jangan bimbang saya akan ucap secara telo Tamil. *It is okey, excepted*. Malah di India dia mengajar bahasa Inggeris yang terbaik sekali ialah belajar di India, jangan belajar di Britain.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Contoh Yang Berhormat. Bahasa itu macam mana? *[Ketawa]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Contoh bahasa macam mana?

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Tuan Yang di-Pertua, saya punya bahasa lagi .....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Inggeris ala India, macam mana bahasanya? *[Ketawa]*

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Saya pun cakap bahasa Inggeris telo Tamil juga.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Tidak, itu *accent*. Dia bukan Inggeris .....

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Nama saya Devamany.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** .... bahasa India? Itu orang kata excel. Macam Inggeris di Australia, di Britain dan Amerika, dia berbeza. Macam orang bercakap macam tadi, jadi orang Puteh sengaunya banyak sangat. Macam juga kalau kita pergi ke London, ini ambil cerita sedikit. *You* sampai sahaja *Heathrow*, "*Fill up your form, fill up your form, fill up your form.*" Tengok, tengok yang berserban dan berjanggut. "*Are you really in England or you are real India. No you are in Britain know, Sir.*" Jadi, tidak apalah itu masalah punya bahasa.

Balik kepada soal peperiksaan, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi masalah disiplin boleh dapat di selesaikan atau dikurangkan bahawa untuk kita menjadikan mata pelajaran kita jangan ditekan sangat kepada peperiksaan. Jadi, proses dalam bilik darjah itu macam tadi, saudara kita Yang Berhormat bagi Tangga Batu bangkitkan itu memang sesuai sekali. Bagaimana penggunaan, kekreatifan seseorang guru itu dan di sinilah kita minta sekali lagi, di kementerian juga, bagaimana pengolahan untuk kita melatih guru-guru kita yang keluar esok adalah bersesuaian dan seiring, selaras dengan apa yang dirancang oleh pihak kurikulum dan pihak peperiksaan.

Jadi, selari benda ini. Jadi, jangan kita hari ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan hanya bercakap mengenai modal insan, modal insan tetapi kita tidak berganjak, kita punya sistem peperiksaan masih berasaskan kepada rupa dinosaur yang mana kita akan pupus, kita tidak akan melahirkan generasi yang benar-benar *world class*.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Penjelasan, Pak.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** *Yes, please.*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya tertarik dengan tanggapan Yang Berhormat bagi Sungai Petani tentang modal insan. Apabila cakap modal insan skopnya itu saya ingat agak luas. Kalau kita tumpu kepada modal insan dari segi pendidikan semata-mata tanpa bisa mengambil kira.... [*Bercakap dialek Indonesia*] [*Ketawa*] Bahasa internasional Melayu. Tanpa bisa mengambil kira budi bahasa, sopan santun dan juga tingkah laku.

Apakah konsep modal insan itu berjaya ataupun mencukupi kehendak kepimpinan negara kita? Jadi, adakah Yang Berhormat hanya menekankan pendidikan. Asalkan rakyat Malaysia ini berpendidikan tinggi, mempunyai ilmu, kita telah berjaya cita-cita kita mencipta modal insan untuk negara kita hinggakan kita mengetepikan tatasusila, budi bahasa, hormat-menghormati di antara kita dalam sebuah negara yang majmuk ini. Apakah itu Yang Berhormat berpendapat bahawa kalau ia sudah sedemikian rupa maka negara kita akan menghadapi kecelakaan di masa yang akan datang. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat kepala Jerai. [*Ketawa*] Terima kasih, sebab saya tahu di kawasan Jerai terdapat orang Aceh ramai. Jadi, saya berterima kasih, bapa pun berbahasa Melayu *accent* Indonesia. [*Ketawa*]

Dalam hal ini yang saya seru, yang saya cadangan tadi ialah jangan kita hanya di dalam Parlimen ini, dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hanya bercakap modal insan, semua modal insan. Yalah, semua pakat men'*tiung*'kan modal insan tidak tahu apa benda atau bahasa Kelantan kata, '*gapo binate ni*'. [*Disampuk*] *Binate gapo*. Maaf saya, betulkan bahasa telo Kelantan. Jadi, mesti selaras dengan semua ini. Kalau kita buat mesti kita ada untuk melihat, ia ada kaitan dengan Rancangan Malaysia Kesembilan, dengan penekanannya, memang hari ini kita bercakap mengenai dengan pelajaran.

Saya kata untuk melatih generasi yang akan datang. Bagi kita terima baik bagi generasi supaya kita tidak ketinggalan. Sebab itu saya berkali-kali menyeru perkara ini bersesuaian dengan abad yang kita duduk ini iaitu abad yang ke-21, yang mana hanya tinggal beberapa tahun sahaja lagi kita akan 2020.

Oleh itu persediaan kita. Kalau Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kita bercakap mengenai dengan kita, kita kena ambil ini dan dia minta dan dia juga berkali-kali menyeru kepada kita bersama dengan beliau untuk menjayakan ini.

Kalau dia seorang sahaja bercakap, kita tidak ambil tindakan termasuk kita wakil rakyat, termasuk kementerian, kalau kita tidak melakukan apa-apa, hanya berbahas dan masuk dalam *Hansard*, masuk dalam jawapan Timbalan Menteri sekejap lagi, jadi tidak ada apa makna kalau kita tidak ambil tindakan dan kita tidak ada serius dalam soal ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Memang kita serius dalam hal ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Dan sebab itu, saya pohon sekali lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:**..... Yang Berhormat Sungai Petani....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:**..... kita mengkaji semula peperiksaan kita. Jangan kita dok anggap bahawa itu adalah satu-satunya instrumen untuk mengukur, menilai seseorang murid itu sama ada gagal atau lulus. Sebab macam Yang Berhormat kata tadi, memang keperitan anak-anak luar bandar.....

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** [*Bangun*]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Maaf saya sekejap Yang Berhormat. Murid-murid di luar bandar dianggap ketinggalan, sampai dapat B pun dianggap gagal. Kenapa? Saya tidak gagal. Saya kata dia ada potensi. Kenapa kita tidak bagi pertimbangan? Tetapi oleh kerana kita punya terlalu *rigid*, bandarkah luar bandarkah, kita tidak kisah. Saya juga tidak bersetuju dengan Yang Berhormat mengatakan hanya di luar bandar. Di bandar pun banyak. Ada yang miskin di bandar. Kita tahu khususnya di kalangan anak-anak bumiputera dan orang India, banyak yang miskin di bandar, pun makan macam Yang Berhormat kata tadi.

Jangan kita anggap luar bandar sahaja. Luar bandar dia makan cukup. Kicap ada, cili ada, air asam dia buat lagi, telur masin ada lagi, boleh beli. Tetapi kita lihat pada keseluruhan. Bandar, luar bandar kita asalkan anak generasi Malaysia, kita hendak ini. Mereka ini kita mahu setanding mereka adalah *world class*. Kalau setakat KLCC itu sahaja *world class*, kalau generasi tidak *world class* dengan ini peperiksaan yang bersifat ataupun berwajah dinosaur, kita lupalah. Tidak usah kita cakap fasal modal insan. Kita tidak ada modal lagi dah. Ya, Yang Berhormat bagi Lipis.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Jadi hari ini kalau kita lihat walaupun pindaan undang-undang itu sikit sahaja, ia tidak banyak. Tetapi kita hari ini mengambil peluang untuk bercakap tentang perubahan menyeluruh dalam sistem peperiksaan yang ada di Malaysia ini, kerana kalau tanpa perubahan ini, saya percaya seperti Yang Berhormat bagi Sungai Petani kata tadi, pembangunan modal insan kita tidak akan sampai ke mana-mana.

Jadi, mengambil kesempatan itu oleh kerana kita sebenarnya di Malaysia ini, kita ada dua badan yang telah ditubuhkan untuk mengendalikan peperiksaan. Yang pertama, Lembaga Peperiksaan, yang kedua Majlis Peperiksaan. Jadi walaupun yang pertama mengendalikan sampai ke Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), yang satu lagi mengendalikan asalnya untuk Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan sekarang sudah tambah dengan MUET dan dengan pindaan ini, mungkin akan ada lagi peperiksaan-peperiksaan lain yang akan dikendalikannya.

Jadi bagaimana kalau kita cadangkan dalam Dewan yang mulia ini, pada hari ini supaya kedua-dua lembaga badan ini digabungkan jadi satu. Biar kita ada satu sahaja badan yang

mengendalikan peperiksaan ini dan mudah untuk kita buat penyelarasan dan membuat penstrukturan semula di dalamnya termasuk dari segi peperiksaan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** .....kerana saya nampak ada ramai hendak berucap, adakah Yang Berhormat sanggup supaya kita memberi peluang kepada mereka juga?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Jadi cukuplah tuju .....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Saya hormati Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:**..... kepada ini pindaan, akta inilah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Terima kasih, baik.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk mengingatkan saya. Memang saya hendak memberi peluang. Tadi saya nampak tidak ada orang berdiri, saya pun berdirilah. Saya pun berhujah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya. Yang ini tidak payah beri peluang kepada mereka. Biar saya beri peluang kepada mereka nanti. *[Ketawa]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hormati segala pandangan Tuan Yang di-Pertua dan saya akan akurkan. Jadi menjawab kepada soalan Yang Berhormat bagi Lipis, saya terus terang, itu cadangan Yang Berhormat adalah cadangan yang baik untuk mereka juga melihat satu badan peperiksaan sahaja sebab dahulu dibuatkan kerana majlis ini STPM, untuk mengendalikan STPM, majlis dan lembaga ini daripada sekolah rendah sampailah ke SPM dia jaga sekolah.

Jadi ini juga harus difikirkan bersama oleh pihak kementerian, adakah mereka hendak lakukan satu badan. Bila kita bercakap peperiksaan majlis, lembaga ini semua, juga jangan kita ketinggalan. Kita tujukan juga cadangan kita ini kepada Kementerian Pendidikan Tinggi. Di universiti-universiti juga harus berubah. Di kolej-kolej juga harus berubah. Jangan kita berubah setakat ini, di universiti tidak berubah, duduk macam itu juga tidak boleh. Jadi janganlah kompelin pula. Besok bila seseorang mahasiswa itu keluar, dia apa benda pun dia tidak tahu. Itu tidak boleh kita buat sistem pengukuran kita, mesti kita lakukan.

Akhir sekali Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan satu kajian semula secara terperinci bentuk atau jenis peperiksaan itu. Jika boleh satu tinjauan menyeluruh dan terperinci, lebih-lebih lagi kita mestilah menjurus kepada kehendak yang telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Dengan harapan, di mana tajuk asas kita dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ialah membina tamadun. Kalau

sistem peperiksaan ini, walaupun pindaan ini kecil, ini peluang kepada kita untuk menyatakan bahawa kita akan pupus kalau peperiksaan seperti ini yang bagi saya hampir-hampir menyerupai dinosaur. Dinosaur pupus kerana tidak dapat disesuaikan dengan persekitaran. Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan kita. Kita keseluruhan ahli-ahli di dalam Dewan yang mulia ini berharap sangat-sangat kepada Kementerian Pelajaran untuk mengambil langkah-langkah bagi meletakkan asas pembinaan tamadun tadi. Jika tidak, hancur. Kalau kita boleh bercakap, abad ke-21 adalah menjadi abad negara China dan India. Tetapi di mana Malaysia? Kita mahu kita juga tidak ketinggalan di belakang dua buah negara yang besar. Mengapa kita tidak ambil tangga hadapan dan kalau boleh kita ini sekarang dianggap sebagai orang yang terbesar di daerah ataupun rantau ini.

Yang kedua, saya juga mencadangkan supaya beberapa model daripada negara-negara maju seperti Korea, Sweden, Jepun, bagaimanakah mereka menangani persoalan ini. Saya dengar misalnya Jepun tidak banyak masalah. Begitu juga dengan Korea. Apakah model-model ini? Jangan hanya kita menghadap kepada Britain walaupun sistem peperiksaan kita diambil bulat-bulat daripada Britain. Apakah kita tidak boleh buat penyesuaian daripada negara-negara yang sudah begitu maju di akhir-akhir ini. Akhir kata, saya ucap ribuan terima kasih dan juga akan mendapat jawapan yang baik daripada kementerian dan juga tindakan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lipis.

**4.29 ptg.**

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan berucap sekejap sahaja kerana hendak memberi peluang kawan-kawan berucap. Jadi saya mengambil bahagian untuk menyokong pindaan rang undang-undang ini dan saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah membawa pindaan ini. Jadi yang pertamanya, kalau saya lihatlah, pindaan rang undang-undang yang itu adalah pindaan kepada seksyen 7.

Jadi saya rasa perkara ini patut dilaksanakan kerana pada awalnya memanglah Majlis Peperiksaan Malaysia ini ditubuhkan hanya untuk peperiksaan STPM sahaja dan selepas itu dimasukkan MUET dan sekarang ini kalau kita lihat Majlis Peperiksaan telah mula mengadakan penilaian-penilaian atau peperiksaan pada bidang-bidang yang lain dan lebih luas lagi kalau kita lihat satu daripadanya yang telah dibuat oleh Majlis Peperiksaan ini adalah penilaian tahap kecekapan. Jadi bagi saya sebagai sebuah Majlis Peperiksaan yang berwibawa yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengendalian peperiksaan dan sebagainya, saya menyokong penuh supaya pindaan-pindaan dibuat dengan menambah subseksyen 5 dan 6 yang ada dalam pindaan ini. Bagi subseksyen 6 itu pula bagi saya itu satu perkara yang baik, bagi saya di mana, mana-mana orang badan organisasi, institusi atau pihak berkenaan di dalam atau di luar tidak boleh mengelola peperiksaan. Ini bagi saya untuk memastikan kebolehpercayaan dan kersahan bagi satu peperiksaan itu terjamin dan nilai sesuatu peperiksaan itu terjamin. Kalau

semua orang boleh menjadi pengendali atau pun menjalankan peperiksaan kepada sesiapa sahaja sudah pasti akan timbul kecelaruan bagi saya dalam sistem peperiksaan di Malaysia. Jadi saya menyokong penuh perkara ini diadakan dan dengan adanya pindaan ini kita berharap tidak ada lagi badan-badan lain atau mana-mana orang perseorangan dan sebagaimana yang boleh mengendali atau menjalankan apa-apa jenis peperiksaan di dalam negeri ataupun peperiksaan yang dianjurkan oleh badan-badan di luar negeri. Jadi kita mengharapkan bahawa semua peperiksaan akan dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan sahaja kalau peperiksaan itu dijalankan di Malaysia.

Jadi bagi seksyen lain bagi saya 12A hanya hendak menggantikan seksyen kepada 16 dan kalau kita lihat pula pindaan kepada seksyen 26 dan seterusnya kalau kita lihat perkataan peperiksaan yang dikelolakan oleh majlis bagi saya ini sebenarnya adalah untuk menjelaskan lagi perkataan iaitu kalau dahulu kita lihat dia masuk pada perkataan peperiksaan tertentu, jadi tertentu itu tertentu apa?

Jadi sebenarnya peperiksaan yang patut diadakan adalah peperiksaan yang akan dikendalikan oleh Majlis dan di sini bagi saya seperti yang telah diperkatakan oleh Ahli Parlimen Sungai Petani tadi, saya mencadangkan lagi sekali supaya, oleh sebab kita ada dua badan yang mengendalikan peperiksaan ini supaya kedua-dua badan ini bagi saya digabungkan walaupun satu adalah badan berkanun dan satu lagi adalah sebuah bahagian dalam satu kementerian. Jadi eloklah pada saya kedua-dua badan ini bergabung kerana dengan cara ini kepakaran dan apa sahaja yang ada dalam kedua-dua ini tadi keupayaan, kewangan dan sebagainya boleh disatukan. Jadi, kalau kita melihat sekarang ini, Lembaga mempunyai cara mereka sendiri dan Majlis mempunyai cara mereka sendiri, jadi kedua-duanya mungkin tidak selaras dan untuk keperluan penyelarasan eloklah kedua-duanya bergabung.

Dari segi *fee* kalau kita lihat boleh mengenakan apa-apa *fee*, bagi saya, bagi peperiksaan yang berkaitan dengan sekolah dan sebagainya eloklah bagi saya *fee* itu ditiadakan terutama bagi sekolah-sekolah kerajaan tetapi bagi sekolah swasta dan peperiksaan-peperiksaan yang berbentuk lain yang mungkin akan dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan selepas ini *fee* patut dikenakan kerana dengan cara ini ia dapat menambah hasil kerajaan dan juga dia dapat memastikan pengurusan peperiksaan itu berjalan dengan lancar dan sekali lagi saya tekankan di sini apa sahaja yang dibuat perubahan dalam pendidikan, dalam pelajaran dan sebagainya. Kalau akhirnya peperiksaan itu tidak berubah, perubahan apa sahaja yang dibuat itu tidak memberi makna apa-apa kerana orang akan terus dan masyarakat akan terus menjadikan peperiksaan itu sebagai yang terakhir yang matlamat terakhir terhadap satu-satu sistem pelajaran. Jadi saya minta di sini supaya sistem peperiksaan itu dikaji semula dan dilihat sepenuhnya.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kelana Jaya.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Dan...boleh dibentuk semula, sila Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Jadi nampaknya Yang Berhormat bagi Lipis adalah pandangan yang sama dengan Yang Berhormat bagi Sungai Petani tentang bayaran *fee* yang dikenakan pada pelajar-pelajar kita di sekolah yang mengambil peperiksaan, walaupun saya meminta penjelasan kepada Yang Berhormat bagi Sungai Petani sebentar tadi tentang bayaran kepada pelajar-pelajar yang mengambil peperiksaan SPM ataupun STPM.

Pada pandangan saya, saya rasa adalah kurang wajar untuk kerajaan mengamalkan dua sistem bayaran *fee* kepada sekolah swasta dan sekolah kebangsaan kerana pelajar-pelajar khususnya yang mengambil peperiksaan SPM ataupun STPM mereka juga adalah anak-anak warga negara Malaysia. Cuma mereka memilih cara pendidikan di sekolah ataupun di aliran yang berlainan. Maka saya rasa sekiranya Yang Berhormat hendak mencadangkan bayaran *fee* dimansuhkan khususnya untuk peperiksaan SPM ataupun STPM, wajar dimansuhkan sekali gus untuk pelajar-pelajar anak warga negara Malaysia yang menduduki peperiksaan SPM dan STPM, minta pandangan terima kasih.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Dari segi *fee* itu bagi saya memang kalau boleh peperiksaan yang berkaitan dengan persekolahan atau pelajaran di Malaysia boleh kita mansuhkan tetapi oleh kerana saya percaya selepas ini Majlis Peperiksaan akan juga mengendalikan dibenarkan mengendalikan peperiksaan yang lain jadi untuk peperiksaan yang lain itu *fee* rasa patut kita kenakan kerana dia tidak berkaitan dengan sistem persekolahan yang ada.

Untuk akhirnya saya sekali lagi mengatakan bahawa peperiksaan merupakan nadi kepada pembangunan negara kerana melalui peperiksaan segala perubahan sikap dan falsafah pendidikan negara itu sendiri dapat dilaksanakan kalau kita mempunyai sistem peperiksaan yang betul. Jadi saya harap fikir-fikirkanlah perkara ini walaupun kita bercakap melalui pindaan Rang Undang-undang yang ada ini supaya perubahan dalam sistem peperiksaan itu dilaksanakan. Dengan ini saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kuala Terengganu.

4.29 ptg

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin terlibat sama dalam pindaan Akta 225 iaitu Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 ini. Saya berdasarkan kepada pindaan Rang Undang-undang ini ia akan memberi implikasi kepada kita sekiranya diluluskan oleh parlimen maka akan berlaku pindaan seperti berikut:

Majlis Peperiksaan Malaysia boleh mengendalikan apa-apa bentuk peperiksaan yang membawa maksud yang bersifat akademik dan juga yang bukan akademik. Setakat ini yang bersifat akademik itu adalah peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan juga MUET. Iaitu Malaysian University English Test, maka tidak berapa lama lagi barangkali aspek-aspek yang lain yakni peperiksaan yang berbentuk profesional yang difikirkan layak juga akan dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.

Dalam konteks ini saya ingin mengemukakan beberapa persoalan kepada Kementerian Pelajaran untuk memikirkan dimensi yang bukan akademik ini yang saya rasa sekarang ini penekanan kepada peperiksaan ini hanya menjurus kepada dimensi pemikiran ataupun IQ (*intelligence Quotient*) sahaja iaitu kemahiran-kemahiran akademiknya sahaja sedangkan dalam proses pembangunan insan seperti mana yang banyak dibicarakan pada petang ini ia juga mencakupi pembangunan manusia secara keseluruhannya yakni dari segi emosional *intelligently*, kecerdasan emosinya, kecerdasan fizikal ataupun jasadnya, kecerdasan spirituilnya mahupun kecerdasan berdepan dengan masalah-masalah dan situasi semasa ataupun dengan izin disebut sebagai *adversity caution* itu sendiri.

Maka dalam konteks ini saya rasa amat patut sekali kerana penilaian ataupun apa yang akan dilakukan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia ini akan mencakupi keseluruhan dimensi pembangunan manusia itu. Maka dalam konteks ini saya menyokong penuh agar diberi pertimbangan sewajarnya mencakupi dimensi-dimensi yang telah saya sebut itu bukan hanya terkongkong kepada aspek kognitif, pemikiran pelajar secara akademiknya sahaja.

Perkara yang penting yang satu lagi ialah peperiksaan yang berbentuk profesional yang mungkin akan dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia ini kerana ia tidak hanya terkongkong dan parameternya kepada aspek akademik sahaja. Maka dalam konteks ini kita bergerak ke hadapan sesungguhnya kerana banyak sangat sekarang ini kursus-kursus akademik yang dikendalikan sama ada oleh pihak swasta ataupun oleh pihak kerajaan sendiri. Kursus-kursus seperti akauntan ataupun peringkat-peringkat yang lebih profesional itu saya kira perlu juga dinilai dengan sebaik mungkin oleh Majlis Peperiksaan Malaysia ini.

Satu dimensi lagi sekiranya diluluskan oleh Parlimen ia membawa implikasi bahawa Majlis Peperiksaan Malaysia ini boleh mengendalikan peperiksaan berdasarkan kepada kecekapan ataupun berdasarkan kepada kecekapan ataupun berdasarkan *competency* dengan izin disebut dalam *literature* pendidikan sebagai CBE (*Competency Base Education*). Maka dalam konteks ini juga saya kira ia akan membantu program-program yang berteraskan kepada kecekapan itu.

Dalam keadaan sekarang ini Majlis Peperiksaan Malaysia telah pun mengendalikan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan yang disebut ringkasnya PTK yang diperkenalkan di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) untuk Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG41, DGA32, DGA29 dan DG17. Bagi skim perkhidmatan bukan perkhidmatan gred jawatan terlibat ialah



Jurutaip gred N11 dan J22 Pembantu Makmal gred C17, dan C22 dan Pembantu Tadbir Kewangan gred W17 dan W22. Isu yang sering ditimbulkan di peringkat akar umbi ialah tentang kesahan dan kebolehpercayaan PTK ini sendiri. Malah daripada rungutan-rungutan di dada akhbar menunjukkan bahawa terlalu banyak kegagalan. Apakah formula yang digunakan? Kenapa terlalu banyak kegagalan? Apakah diambil kira dalam bentuk standard *division* sistem piawaian yang sepatutnya.

Kalau sekiranya terlalu banyak gagal dan lulus itu terlalu sedikit amat, maka saya kira penilaian kembali ke atas PTK ini harus dilakukan. Banyak rungutan-rungutan iaitu tentang kesahan dan kebolehpercayaan, ramai pegawai-pegawai kita merungut bahawa mereka telah menunjukkan sikap yang baik tapi soalan-soalan yang ditujukan yang ditanya dalam PTK ini hanya menjurus kepada aspek-aspek akademiknya sahaja, aspek-aspek aras pengetahuannya sahaja, aras tahunya sahaja. Barangkali tidak melibatkan aspek-aspek aplikasinya, aspek-aspek kefahaman yang mendalam dan juga aspek-aspek *the want to* keinginan dan kehendak dan sahsiah itu. Maka ini akan menghasilkan orang-orang yang melakukan pembacaan secara mendalam, dengan cara hafalan dapat lulus peperiksaan sedangkan yang benar-benar berwibawa yang ada keterampilan dirinya, yang menunjukkan sahsiah yang baik tidak lulus dalam PTK ini. Maka dalam konteks ini perlu disemak dengan teliti tentang prestasi dan rungutan semasa berhubung dengan PTK ini.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian berhubung dengan tugas-tugas dan tanggungjawab MPM ataupun Majlis Peperiksaan Malaysia ini tentang tanggungjawab yang pertama menyediakan peraturan dan skema peperiksaan. Maka di sini perlu diberi latihan yang cekap kepada pegawai-pegawai untuk menyediakan soalan-soalan yang tidak lari dari segi sukatanannya supaya skema peperiksaan yang diberi itu benar-benar dapat diteliti dengan baik supaya hasil dari segi pemeriksaannya tepat dan objektivitinya tidak boleh dipersoalkan. Maka dalam konteks ini menyediakan peraturan dan skema peperiksaan harus diteliti.

Demikian juga dari segi mengemas kini dan menggubal sukatan pelajaran peperiksaan dengan menyediakan cara teknikalnya JPU (Jadual Penentuan Ujian), aras-aras soalan harus diberi secara baik dan setimpal bukan hanya menguji peringkat pengetahuan lupa tentang aplikasi, tentang kefahaman dan dimensi-dimensi yang lebih tinggi dan lebih abstrak itu. Yang ketiganya, dari segi menyediakan kertas soalan dan juga bahan-bahan peperiksaan. Ini juga harus dibuat dengan baik mutu kertas, dan juga soalan-soalan yang dibuat itu harus baik. Kadang-kadang dipertikaikan oleh calon-calon soalan-soalan yang bersifat objektif itu kadang-kadang kita tidak pasti mana satukah jawapan yang lebih baik ataupun yang lebih tepat.

Dalam konteks ini panel yang membuat kertas soalan dan bahan peperiksaan itu harus diberi latihan-latihan dan juga perbincangan dan sedikit *discussion* perbincangan dalam kelompok itu harus diadakan. Demikian juga dari segi penyelarasan pendaftaran calon peperiksaan. Ini perlu diteliti juga calon manakah yang boleh menduduki peperiksaan peringkat

umurnya, apakah warganegara bukan warganegara ataupun sekarang ini harus digunakan kemudahan *online examination* ataupun peperiksaan atas talian. Ini juga harus difikirkan dalam kemudahan-kemudahan ICT semasa.

Seterusnya ialah penyelarasan pengendalian peperiksaan dan juga pemarkahan skrip jawapan calon. Kadang-kadang ketika pemeriksaan ke atas skrip peperiksaan calon itu dibuat secara sambil lewa maka di sini juga harus disemak kewibawaan pemeriksa-pemeriksa itu agar pemarkahan diberi secara objektif dan tidak banyak menimbulkan pertikaian. Dalam konteks ini harus difikirkan soalan mana satukah yang lebih sesuai sama ada soalan yang objektif ataupun soalan subjektif ataupun *open book test* ataupun apakah bentuk-bentuk *the method* yang boleh diguna pakai untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dari segi penilaian yang diberi supaya calon-calon yang menduduki terutamanya PTK, MUET dan juga soalan-soalan calon-calon STPM itu dapat benar-benar diuji keterampilan mereka, diuji bakat mereka dengan cara yang lebih sah.

Selain daripada itu harus disemak tentang proses penyemakan keputusan peperiksaan. Panel rayuan harus duduk untuk menilai kembali rayuan-rayuan daripada calon-calon yang rasa tidak puas hati dengan keputusan yang mereka terima. Menetapkan standard kertas dan mata pelajaran serta menganugerahkan keputusan peperiksaan. Maka di sini juga harus dipastikan piawaian yang tinggi harus sentiasa ada. Pastikan tidak berlaku kebocoran soalan, pastikan kerahsiaannya dan juga untuk kita pastikan juga *accountability* pemeriksaan dan keseluruhan panel yang terlibat dalam peperiksaan ini.

Seterusnya yang saya kira cukup penting adalah memberi latihan kepada warga kerja di Majlis Peperiksaan Malaysia dan juga kepada panel yang akan memeriksa kertas-kertas soalan itu. Di sini saya kira latihan-latihan secara berterusan harus diberikan kepada setiap pemeriksa-pemeriksa agar kejituan, kesahan dan kebolehpercayaan itu dapat dicapai.

Saya juga ingin terlibat dalam beberapa persoalan yang telah oleh pembahas-pembahas sebelum ini iaitu dalam ujian ini yang paling penting kepada kita adalah untuk kita menguji sejauh manakah pengetahuan yang dimiliki. *Teach to test* dengan izin mengajar untuk menguji saya kira adalah kurang baiknya daripada *teach for knowledge and for learning*. Maka dalam konteks ini kadang-kadang berlaku satu keadaan di mana seseorang guru itu ajar kemudian diujinya. Alangkah baiknya kalau sekiranya *priority* keutamaan itu diberi *teach for knowledge*. Kita mengajar ini adalah untuk kita menyuntik pengetahuan. Lebih-lebih lagi anak-anak kita daripada pelbagai keadaan lokasi geografi dan juga situasi mereka itu berbeza-beza. Kadang soalan yang diberi secara *standardize* daripada sistem kita yang terlalu berpusat itu kadang-kadang tidak mendatangkan keuntungan kepada calon-calon kita yang duduk jauh di pedalaman di desa kerana suasana persekitaran kontekstual dan situasi mereka itu berbeza.

Maka saya ingin mencadangkan supaya *this centralization* ataupun penilaian berteraskan kepada sekolah, berteraskan kepada lokasi itu diberi pertimbangan yang sewajarnya. Demikian juga penilaian-penilaian yang bersifat kepada merujuk kepada kriteria iaitu merujuk kepada piawaian individu itu sendiri daripada kita merujuk kepada standard atau *norm reference* ertinya merujuk kepada kumpulan-kumpulan pencapaian. Harus diberi keutamaan dalam konteks ini adalah penilaian yang merujuk kepada kriteria, calon dan individu itu. Maka dalam konteks ini saya kira perubahan-perubahan harus dibuat lebih-lebih lagi cadangan saya supaya peperiksaan itu harus diteliti semula dari segi semantik dan penggunaan istilah ini.

Saya kira yang lebih tepat ialah dari segi penilaian, konsep penilaian ataupun pentaksiran yang termasuk di situ ialah aspek ujian, penilaian yang bersifat formatif, "sumertif", ini harus di fikir semula oleh Kementerian Pelajaran dalam usaha kita mengemukakan pindaan kepada akta yang sedang kita bincangkan pada petang ini. Sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tangga Batu.

**4.51 ptg**

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa sungguh bahagialah dapat berucap, berbahas selepas tiga orang tokoh dari Kementerian Pelajaran tidak termasuk Kepong. Kepong bukan tokoh dari Kementerian Pelajaran. Sungai Petani, Kuala Terengganu, Lipis ini semua produk daripada Kementerian Pelajaran Tuan Yang di-Pertua, bagi saya peluang. Saya masuk sekolah darjah satu Tuan Yang di-Pertua, pasal Tuan Yang di-Pertua pandang saya cerita Tuan Yang di-Pertua. Masuk sahaja Guru Besar sudah sebut anak-anak Darjah Satu ini kita hendak didik supaya mereka berjaya dapat 5A atau 4A di dalam peperiksaan penilaian, ketika itu Darjah Lima, Sungai Petani ketika itu dia panggil *assessment examination*, peperiksaan penilaian Darjah Lima.

Kemudian selepas penilaian yang dapat 4A, 5A pergi ke sekolah asrama penuh, pergi ke sekolah *residential*, MRSM ketika itulah. Kemudian masuk Tingkatan Satu, baru dua hari duduk dalam sekolah itu dia bagi lagi *examination* pula, *examination* ini dia kata ini *placement examination*, peperiksaan untuk menentukan kelompok sama ada kita masuk kumpulan satu, kumpulan dua, kumpulan tiga atau kumpulan empat.

Saya tanya cikgu kenapa, dia kata mudah guru hendak mengajar kerana pelajar-pelajar ini akan dikumpulkan mengikut kemampuan dan keupayaan mereka menerima tajuk-tajuk pembelajaran. Okey kita duduk ambil *examination* ini, yang diberi dua kertas, satu Bahasa Inggeris dan satu lagi Matematik. Tuan Yang di-Pertua, kemudian guru mengingatkan kita, saya dikumpulkan dalam kumpulan yang ketigalah maknanya hendak kata pandai tidak pandai, hendak kata tidak pandai tidak boleh jugalah duduk tengah-tengah.

Jadi guru kata peperiksaan ini akan diberi pada setiap tahun, *placement test* ini akan diberi setiap tahun. Soalannya sama dari Tingkatan Satu hingga ke Tingkatan Lima. Di dalam kelas guru beritahu dia kata kamu semua kena bersiap-sedia kerana akan menghadapi satu

peperiksaan yang besar apa dia? LCE ataupun Sijil Rendah Pelajaran. Kalau kamu gagal Matematik kamu tidak boleh sambung Tingkatan Empat, kena duduk semula walaupun yang lainnya dapat A. Jadi Matematik diberikan tumpuan yang paling utama bersama Bahasa Malaysia ketika itu, duduk Tingkatan Tiga.

Selepas Tingkatan Tiga, masuk Tingkatan Empat. Guru pula mengingatkan anak-anak murid, Tingkatan Lima ada satu peperiksaan yang paling besar dalam hidup kamu apa dia, MCE ketika saya SPM, Sijil Pelajaran Malaysia. Inilah yang bakal merubah masa hadapan kamu semua, guru memberitahu ini, duduk peperiksaan SPM. Habis peperiksaan SPM. Masuk pula untuk ke universiti, sebelum untuk ke universiti ditemu duga melalui peperiksaan dan begitulah juga seterusnya sehinggalah menjawat jawatan di dalam jabatan kerajaan. Untuk naik pangkat saya diminta lagi untuk menduduki satu peperiksaan, kalau tidak lulus peperiksaan ini jangan mimpi untuk kamu naik pangkat. Itulah kenyataan terakhir Ketua Jabatan saya kepada saya sehinggalah saya berada di Parlimen pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, panjang itu. Peperiksaan, demi peperiksaan, demi peperiksaan dan akhirnya pada kita proses kehidupan yang kita lalui daripada kita sekolah Darjah Satu hinggalah kita berada di mana kita hari ini, kita melalui berbagai-bagai-bagai peperiksaan. Apa yang saya hendak kaitkan dengan ceritanya hari ini Tuan Yang di-Pertua ialah tentang peperiksaan yang terakhir saya duduki iaitu PTK. PTK ini Penilaian Tahap Kecekapan. Hendak kata dia kata cekap yang mana, kalau ikut Kuala Terengganu dia kata kompetensi, kecekapan, kompeten cekap. Hendak kata pandai yang mana, mahir di bidang yang mana kita pun tidak pasti sangat tetapi yang saya tahu ketika menduduki ujian tahap kecekapan ini untuk kenaikan pangkat ini tidak kiralah sama ada kita seorang pegawai tinggi, sama ada kita pegawai rendah tetapi ujian inilah dianggap oleh pihak jabatan sebagai satu cara untuk menilai prestasi seorang kakitangan itu.

Begitulah di peringkat awal Darjah Satu hinggalah ke tahap ini. Tuan Yang di-Pertua, kita lihat secara terperinci sehingga Ogos tahun 2004, bilangan anggota Perkhidmatan Awam yang menduduki PTK ini adalah seramai 508,423 orang, ini fakta. Daripada jumlah ini hanya 432,140 calon yang telah lulus dan ini membawa kepada lebih kurang 75% daripada keseluruhan jumlah anggota kerajaan yang telah menduduki ujian ini. Siapa yang suka peperiksaan? Tuan Yang di-Pertua, kita hendak duduk peperiksaan, kita kena pastikan segala usaha kerja kita menjurus ke arah kelulusan untuk menghadapi peperiksaan tersebut. Saya kata hendak duduk periksa kita kena berjaya dengan cemerlang, kalau tidak kita anggap peperiksaan ini sebagai satu *monster* kerana telah dididik, Yang Berhormat Santubong daripada Darjah Satu peperiksaan, peperiksaan, peperiksaan. Jadi peperiksaan ini adalah seolah-olah adalah hantu ataupun *monster* di dalam hidup kita sentiasa kita takut kecuali kita boleh lulus dengan cemerlang.

Apa masalahnya Tuan Yang di-Pertua, pertama ada yang mengatakan tahap kelulusan bagi PTK ini adalah terlalu tinggi. Standardnya adalah terlalu tinggi sehingga ada yang tidak lagi mahu belajar untuk menduduki peperiksaan tersebut atas alasan mereka telah berpuluh-puluh tahun melaksanakan kerja di bidang masing-masing. Apabila tiba masa peperiksaan, peperiksaan itu dikatakan tidak adil kerana ia bukan tentang kerja yang dilakukan berpuluh-puluh tahun tetapi peperiksaan tersebut adalah berkaitan dengan yang tidak ada kena-mengena langsung dengan tugas-tugas harian mereka.

Memanglah kalau kita tengok seorang guru ditanya tentang ilmu-ilmu pengurusan dan pentadbiran awam. Guru pula hanya mengajar mata pelajaran Sains umpamanya, Kimia dan Fizik. Bila kena duduk peperiksaan untuk naik pangkat ditanya tentang pengurusan dan pentadbiran awam, macam mana guru ini hendak lulus walaupun boleh mengajar dan mendidik anak-anak murid-murid hingga lulus dengan cemerlang.

Seorang operator telefon ditanya pula tentang perkara-perkara berkaitan dengan stor, berkaitan dengan gudang, berkaitan dengan inventori dan sebagainya. Dan ada pula seorang pegawai di Kementerian Penerangan, ini saya dapat maklumat, ditanya soalan-soalan berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Jadi inilah antara punca-punca kenapa ramai pegawai kerajaan ini tidak sanggup ataupun tidak mahu menghadapi ujian penilaian tahap kecekapan ini ataupun dengan lain-lain perkataan, dia kata lupakan sahajalah naik pangkat ini kerana PTK dikatakan tidak berfungsi dengan baik, banyak mempunyai kelemahan sehingga merugikan kakitangan awam itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin persoalannya ialah jika PTK dikatakan sebagai satu instrumen penilaian bebas bagi menilai kecekapan kakitangan awam dan ia diwujudkan bagi mengatasi sebarang ketidakseimbangan dan ketidakadilan terhadap kakitangan yang memang berkelayakan untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi. PTK juga dikatakan kononnyalah dapat membanteras gejala pilih kasih dan ampu mengampu di kalangan kakitangan awam serta majikan masing-masing tetapi walau apa pun penilaian di sektor kerajaan tetap dibuat, mesti dibuat dan sebarang kenaikan mestilah berasaskan kepada *key performance indicator*, indeks petunjuk utama kakitangan awam tersebut. Tambahan lagi dengan penekanan kerajaan terhadap penyampaian perkhidmatan awam yang lebih berkesan.

Persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah keberkesanan *syllabus* dan ujian PTK yang bersifat *exam-oriented* ini dapat membentuk minda serta keperibadian kakitangan awam kerajaan agar menepati ciri-ciri minda kelas pertama bagi mempertingkatkan sistem penyampaian kerajaan. Mungkin sudah sampai masanya untuk PTK ini dikaji semula dan digantikan dengan yang sering disebutkan oleh Perdana Menteri kita iaitu *the life long learning*, pembelajaran sepanjang hayat yang berpandukan kepada penganjuran kursus, seminar serta bengkel dan ini dilaksanakan bagi menggantikan konsep PTK yang terlalu sangat *exam-oriented*nya.

Prestasi anggota awam tidak harus dinilai bulat-bulat melalui peperiksaan tetapi harus mengambil kira pencapaian dan *performance* mereka agar menepati harapan kerajaan yang mahukan kakitangan awam mempunyai minda dan cara berfikir dunia kelas pertama.

Tuan Yang di-Pertua, RMK-9 tidak menumpukan perhatian hanya kepada pembangunan fizikal. Sebaliknya tumpuan yang sama beratnya diberikan kepada pembinaan *soft infrastructure* seperti mengukuhkan integriti, berusaha mengubah minda serta mempertingkatkan lagi moral penjawat awam. Tidak ada gunanya negara mempunyai modal insan yang tinggi, yang hanya lulus peperiksaan tetapi mereka tidak berwibawa, tidak mempunyai moral yang tinggi serta tidak profesional dan tidak beretika.

Saya mencadangkan agar PTK ini dilakukan penilaian semula agar dapat mencapai hasrat yang saya sebutkan tadi. Maka saya pohon mencadangkan kepada kerajaan supaya PTK dinilai atau digredkan seperti prestasi ataupun *performance* sebanyak 75%, masih lagi mempunyai ujian ataupun peperiksaan yang menyumbang sebanyak 25% daripada sekarang ini 100% berasaskan kepada ujian. Kita mesti berupaya menyediakan pekerja awam yang mahir serta mampu membuat nilai tambah yang tinggi, maka tumpuan hendaklah diberikan kepada kualiti melahirkan tenaga kerja yang mempunyai prestasi yang tinggi.

Sememangnya penghormatan terhadap kewibawaan kerajaan kepada rakyat bergantung kepada keunggulan personaliti, akhlak dan perilaku para pemimpinnya. Maka kecekapan dalam pentadbiran perlu terus dipertingkatkan. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam adalah disarankan agar cerewet sedikit ataupun *meticulous*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, lebih *particular* dalam memilih calon-calon untuk dijadikan kakitangan awam. Janganlah kita jadikan kakitangan awam yang diharapkan sebagai faktor kejayaan kritikal kepada penyampaian perkhidmatan yang cemerlang, pihak kerajaan tadi sebagai *dumping ground*.

Jangan kita anggap jabatan kerajaan ini sebagai *dumping ground*, maka untuk mencapai matlamat RMK-9, seluruh jentera pentadbiran kerajaan perlu dipertingkatkan sejajar dengan matlamat pembangunan negara. RMK-9, Tuan Yang di-Pertua, dengan jelas menyatakan bahawa sektor swasta adalah dipertanggungjawabkan untuk mengetuai pertumbuhan ekonomi negara. Perkhidmatan awam kita adalah penggerak kepada sektor swasta sebagai penjana kepada pertumbuhan. Jadi janganlah disebabkan hasrat kerajaan yang terlalu tinggi, PTK ini pula menjadi batu penghalang kepada hasrat kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengambil satu contoh yang saya kira amat *classical*, amat klasik bagi kita bersama-sama memikirkan bagaimana PTK ini sebenarnya boleh menyumbang kepada kelemahan pembangunan ekonomi negara. Bersama saya ini ada satu surat daripada seorang doktor pakar yang kecewa kerana belum diiktiraf. Boleh saya minta izin baca, Tuan Yang di-Pertua?

"Saya merupakan seorang doktor pakar (*specialist*) yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan sejak tiga tahun dahulu. Setelah menamatkan pengajian sarjana

perubatan, apa yang saya cuba perkatikan dalam ruangan ini ialah ketidakpuasan hati kami sebagai doktor pakar yang masih tidak diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kesihatan sendiri.” Ini disebabkan oleh PTK, Tuan Yang di-Pertua.

“Bayangkanlah setelah penat bertungkus-lumus untuk menamatkan pengajian sarjana selama empat tahun, kami masih berada di tahap U41 iaitu sama grednya dengan doktor siswazah yang baru tamat pengajian ijazah pertama.” Sudah bertugas, habis belajar bertugas empat tahun, sambung lagi belajar selama empat tahun dapat *specialist*, dapat sarjana, balik duduk sama lagi dengan doktor biasa, *normal doctor*. [*Yang Berhormat bagi Kepong masuk ke dalam Dewan*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Dia pandang saya pasal dia doktor pakar. Saya sebut doktor pakar, dia pun masuk. Sama sahaja – macam Yang Berhormat bagi Kepong ini doktor pakar, sudah habis berapa banyak *degree* dia dapat, berapa banyak ijazah dia dapat, balik kerja sama dengan doktor yang baru keluar daripada universiti. Ha, ini PTK punya angkara.

Di manakah letaknya nilai sekeping ijazah sarjana jika JPA dan kementerian masih berkeras supaya kami doktor-doktor pakar ini mengambil PTK semata-mata hendak naik ke tahap U48. Ini pertikaiannya, dan saya rasa ini adalah kali keempat saya bangun bercakap tentang kelemahan sistem ini dan tentang mangsa-mangsanya, doktor pakar kita ini. Sila Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya juga pernah membaca surat ini, kalau tidak silap saya seorang doktor itu juga menceritakan tentang di mana kalau kita mengambil pakar daripada asing, kita terus bagi pangkat U48. Dan perkara ini berlaku disebabkan kita ada kerenah birokrasi, mereka mewajibkan ujian PTK. Saya hendak bertanya Yang Berhormat sebenarnya banyak kontroversi telah ditimbulkan di mana doktor-doktor pakar ini diuji bagaimana sistem pengurusan wang di pihak berkuasa tempatan yang mereka tidak pernah ada sebarang pendedahan, itu yang pertama. Kedua, para diplomat kalau hendak naik pangkat pun, mereka kena ambil PTK dan diuji sistem pengeluaran wang daripada perbendaharaan. Apakah ini relevan dengan tugas mereka dan apakah cara untuk memperbaiki PTK supaya ianya meluas, bukan sahaja terbatas kepada prosedur-prosedur kerajaan tertentu. Minta penjelasan.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Inilah Tuan Yang di-Pertua, saya sudah cakap benda ini dengan panjang lebar, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dengar tidak? Dengar kan? Jadi jawapan dia sebenar sudah ada masa saya bahaskan benda ini tadi iaitu tentang kelemahan PTK ini ialah tujuannya lebih kepada menggagalkan. Kita kena ingat Tuan Yang di-Pertua, peperiksaan ini sebenarnya *screening process*, prosedur penapisan untuk mengumpulkan kumpulan yang baik, sederhana dan tidak baik. Itu sebab saya cerita daripada

awal tadi Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya cerita daripada awal bagaimana kita terasa ada ruang untuk diperbaiki, tidak ada ruang langsung untuk diperbaiki. Jadi apabila *mind set* ataupun pemikiran penganjur-penganjur pemeriksaan ini ialah untuk membuang, untuk menggagalkan, maka inilah yang berlaku.

Sebenarnya peperiksaan ini bukan tujuan untuk menggagalkan orang, peperiksaan bertujuan untuk mengklasifikasikan mereka supaya mereka ini boleh diajar, yang mana lemah tadi boleh diajar bagaimana mereka boleh menambah baik kedudukan mereka, boleh menambah baik diri mereka. Jadi kalau ini yang kita pandang, maka pemeriksaan ini akan menjadi suatu yang mesra, yang kita suka untuk duduki. Tetapi hari peperiksaan telah dianggap sebagai satu mekanisme untuk memusnahkan impian kita. Itu Yang Berhormat bagi Ayer Hitam boleh terima ya.

Jadi sebab itulah bila Yang Berhormat bagi Ayer Hitam kata diplomat pun kena duduk peperiksaan dan kena faham bagaimanakah prosedur-prosedur perkhidmatan awam di negara kita. Itu adalah suatu perkara yang saya berpendapat perlu diperbaiki, kalau diplomat itu diuji tentang hubungan antarabangsa dan sebagainya, bagaimana mereka boleh menyesuaikan diri dengan keadaan negara asing, itu mungkin kita boleh terima tetapi tidak ada *relevancy* nya.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa keadaan itu timbul, situasi tadi yang Yang Berhormat nyatakan adalah kerana *syllabus* yang tidak jelas. Maknanya mereka yang menduduki peperiksaan ini tidak mengenali, tidak ada *syllabus* yang jelas. Dan apa yang diuji mereka tidak jelas, tidak jelas dengan *syllabus* yang diberikan, itu satu. Yang kedua, perkara ini satu perkara yang baru dan tidak terbina dalam sistem pelajaran yang kita amalkan di negara kita. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa soal ini, soal pembinaan insan tadi itu, yang nilai-nilai murni ini perlu juga dimasukkan dalam penilaian dan hendaklah ada sistem penilaian untuk pembinaan karakter tadi. Terima kasih.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Saya bersetuju Yang Berhormat bagi Tuaran, *syllabus* yang tidak jelas. Kalau ada *syllabus* yang jelas, kemungkinan peperiksaan ini akan menjadi suatu yang mudah dan *friendly*. Tetapi saya sebutkan juga di dalam ucapan saya tadi, peperiksaan menguji, menguji yang menduduki peperiksaan tersebut, suatu bidang yang mereka tidak pernah duduki, yang tidak pernah ceburi, kemudian keputusannya amat mendukacitakan.

Tetapi dalam satu senario yang lain, seorang ini duduk di dalam peperiksaan, lulus dengan cemerlang, kerana dia mempunyai masa yang begitu banyak untuk melihat perkara-perkara lain, selain daripada bidang yang dikerjakan. Dengan lain perkataan, orang yang tidak bekerja, mempunyai masa yang banyak untuk mengetahui bidang-bidang yang lain. Dengan lain perkataan yang berprestasi rendah di bidang pekerjaannya dengan mudah akan lulus ujian penilaian kecekapan tadi. Yang bekerja, yang menumpukan perhatiannya pada kerjanya,



bidangnya, tidak ada masa hendak baca buku, tidak ada masa hendak *search internet*, tidak ada masa hendak buka bidang yang lain, akan gagal. Jadi ia telah menjadi satu hukuman kepada mereka yang benar-benar berprestasi di dalam bidang mereka. Jadi kalau peperiksaan ini menjadi satu hukuman, menjadi satu alat untuk menghukum kepada orang-orang yang benar-benar berprestasi tinggi, maka ia telah berlaku suatu ketidakadilan. Inilah yang saya maksudkan tadi, jika penilaian itu, ujian itu, diletakkan sebagai satu alat untuk mengukur maka ia mestilah menepati siapa mereka yang menduduki peperiksaan tersebut. Itu Yang Berhormat bagi Tuaran, jawapan saya.

Jadi saya hendak habiskan dengan cerita doktor pakar ini Tuan Yang di-Pertua. Benarlah seperti kata Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, dia pun ada sebut di sini, dia kata bayangkanlah empat tahun menduduki kursus sarjana, balik dengan pakar itu, dia kata bukanlah sesuatu yang mudah, tiba-tiba mereka hanya dinilai dengan satu ujian. Saya cakap doktor pakar, Yang Berhormat bagi Ampang pun pandang. Dinilai dengan satu ujian sama ada mereka boleh naik ke tahap U48 ataupun tidak. Jadi saya tengok doktor pakar yang menulis surat ini pun dia ada memberikan cadangan, dia kata kalau dari U48 hendak naik ke U52, diwajibkan untuk menduduki ujian Penilaian Tahap Kecekapan ini, dia kata mungkin dia bersetujulah, tetapi dari U41 ke U48 setelah menduduki berbagai-bagai ujian ketika mengikuti program sarjana, balik keluar hendak berkhidmat dengan kerajaan, hendak menyumbang semula kepada rakyat, tiba-tiba dihalang kerana tidak berupaya melepasi tahap kecekapan pertama hendak naik pangkat ke U48.

Jadi di manakah sebenarnya apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tuan Yang di-Pertua, iaitu kita benar-benar menghayati dan memahami masalah yang dihadapi oleh *customer* (pelanggan-pelanggan) kita ini, doktor-doktor pakar ini adalah pelanggan-pelanggan kita. Jadi di sinilah sebenarnya kalau kita hendak perbaiki perkhidmatan yang kita sediakan pelanggan-pelanggan ini, maka kita perlulah mendengar suara-suara mereka ini, dan suara inilah yang dapat menyumbang secara percuma ruang-ruang kepada kita untuk kita memperbaiki perkhidmatan kita kepada pelanggan-pelanggan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya sukalah untuk memberikan beberapa perkara saranan kepada kerajaan supaya ujian Penilaian Tahap Kecekapan ini dikaji secara menyeluruh supaya ia dapat menepati hasrat dan harapan kerajaan bagi sebenarnya untuk mencari kakitangan-kakitangan awam yang benar-benar mempunyai modal insan yang tinggi yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara di masa hadapan. Sekian, terima kasih, saya mohon menyokong.

**5.19 ptg.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Berkenaan Rang Undang-

undang ini salah satu tujuannya ialah dengan izin, *seeks to allow the Council, with the approval of the Minister, to conduct other examinations in addition to the specified examinations.*

Saya ingin tahu apakah ada *examination* yang akan di *conduct* ini, kerana tidak lama dahulu Menteri Pelajaran baru mengatakan bahawa kementerian ingin mengubah sistem peperiksaan supaya mengurangkan peperiksaan di sekolah. Jadi adakah peperiksaan yang ingin dijalankan ini berkenaan dengan pelajaran di sekolah. Kalau ia bertujuan begini, bukankah ia bertentangan dengan apa yang dikatakan oleh Menteri Pelajaran yang mengatakan kita mahu kurangkan *examination*,, peperiksaan di sekolah. Kita mahu *go away from exam oriented system.*

Saya juga ingin mencadangkan bahawa peperiksaan di sekolah ini di *reform* supaya menggunakan sistem yang lebih bersesuaian dengan kehendak pada masa sekarang dan ia bukan hanya menguji atau menilaikan tahap akademik pelajar kita sahaja tetapi kebolehan-kebolehan yang lain. Saya suka hati kalau penilaian ini boleh bertujuan untuk *discover* apakah bakat yang anak-anak kita ini ada dan bukan seperti sekarang. Peperiksaan sangat berorientasi kepada akademik. Hanya pelajar belajar yang mendapat banyak A yang dikatakan *good students* dan dia dapat semua perhatian.

Tetapi golongan ini hanya merupakan 10 peratus sahaja. Ada 90 peratus lagi pelajar yang tidak diberi perhatian. Jadi saya rasa walaupun kita hendak puji pelajar yang pandai ini, cerdik pandai ini tetapi saya rasa adalah lebih penting untuk menjaga anak-anak kita yang kurang pandai dalam akademik. Dikatakan terdapat dalam sekolah kebangsaan, dalam UPSR 2005 terdapat 100 ribu pelajar yang gagal dalam UPSR dalam mata pelajaran Matematik, dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Kepada pelajar-pelajar ini, apakah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini ada untuk mereka?

Kita hanya membenarkan mereka melalui persekolahan sahaja dan menunggu mereka keluar daripada sekolah dan untuk mereka menjaga diri sendiri. Apakah pekerjaan yang boleh mereka dapat? Jadi saya rasa kita adalah perlu untuk *streaming*, bukan sahaja *science stream* dan *art stream* sahaja. Tetapi juga untuk budak-budak atau anak-anak kita yang kurang pandai dari segi akademik, kita mesti ada rancangan untuk mereka supaya mereka *learn a skill*. Jadi di sini adalah penting supaya kita mengenal pasti kepandaian mereka. Tentu mereka ini ada satu kepandaiannya yang dikatakan oleh Confucius [*Bercakap dalam bahasa Tionghoa*] mengatakan dalam seseorang itu mesti ada sesuatu bakatnya. Dia tidak boleh dikatakan bodoh.

Tetapi pada sistem sekarang, kalau keputusan peperiksaannya dia kurang baik, dia digolongkan sebagai kurang cerdik dan ini bukan pelajar yang pandai dan dia ditinggalkan begitu sahaja. Saya juga suka kalau kementerian dapat mengadakan satu sistem di mana setelah penilaian kalau tahap akademik pelajar ini belum mencapai satu tahap yang memuaskan, jadi mengadakan *tutorial class* supaya diberikan seperti di universiti pun pelajar universiti pun diberi kelas tutorial. Tetapi di *primary school*, di sekolah rendah tidak ada kelas tutorial. Dia hanya ada

kelas tuisyen yang pun satu kelas besar seperti itu juga. Saya rasa budak-budak yang kurang pandai dalam akademik, dia perlu diberi perhatian yang lebih supaya dia diberi tutorial kelas kecil. Seperti seorang guru menjaga lima atau sepuluh orang budak seperti ini sahaja di dalam kelas tutorial supaya, kita bukan sahaja memberi tumpuan kepada mereka yang cerdik pandai tetapi mereka yang kurang cerdik pandai ini juga perlu perhatian kita.

Saya ingin menyeru supaya Majlis Peperiksaan Malaysia meningkatkan keberkesanannya supaya jangan ada bocor lagi soalan-soalan atau kertas-kertas peperiksaan seperti yang pernah berlaku. Ada pernah berlaku juga di mana *examiner* membawa kertas peperiksaan yang tidak cukup. Dan pelajar-pelajar terpaksa di tahan dua jam sebelum menjalankan peperiksaan. Saya rasa kelemahan-kelemahan ini tidak patut berlaku dan tidak boleh berlaku lagi. Kita menguji atau mengadakan peperiksaan untuk menilai pencapaian pelajar-pelajar. Saya ingin tahu, adakah sudah sampai masa bahawa kalau dalam satu kelas, kebanyakan pelajar-pelajarnya tidak dapat meluluskan peperiksaan atau pun ujian bulanan atau pun ujian penggal, adakah sudah sampai masa kita harus juga menguji keupayaan guru mengajar.

Kerana dalam banyak-banyak aduan yang mengatakan bahawa dalam satu kelas, itu bukan kelas yang *Form Six*, *Lower Six* dan *Upper Six*. Dia kalau boleh sampai ke *Upper Six* atau *Lower Six*, tentulah dia sudah meluluskan banyak peperiksaan dan dia tidak boleh menjadi dikatakan pelajar yang kurang pandai. Tetapi dalam satu kelas, saya diberitahu bahawa hanya seorang atau dua orang pelajar sahaja yang lulus peperiksaan. Ujian penggal dalam mata pelajaran Matematik atau Fizik atau *Chemistry*. Jadi, adakah ini masalah pelajar atau pun masalah guru?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung ke?

**Puan Chong Eng:** Ha?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Gulung boleh kah? Gulung boleh kah? Gulunglah.

**Puan Chong Eng:** Sambung esok kah? Tidak bolehkah. Ada sedikit lagi. Ada banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kasi habislah.

**Puan Chong Eng:** Ya. Jadi saya minta semasa kita menguji pencapaian pelajar-pelajar kita ini, mungkin kita juga dari semasa ke semasa menguji keupayaan guru untuk mengajar. Umpamanya dalam Sekolah Menengah Bukit Mertajam, ada guru yang mengajar Fizik Tingkatan Enam tetapi dia sendiri tidak pernah melalui Tingkatan Enam. Dia melalui SPM dan dia terus pergi ke universiti atau matrikulasi atau pun diploma dan selepas itu dia mengajar Tingkatan Enam. Tingkatan Enam, STPM merupakan satu peperiksaan yang paling susah sekali.. Kalau sesiapa yang melaluinya akan tahu. Dia lebih susah daripada peperiksaan di universiti. Adakah?

Ini Yang Berhormat bagi Ketereh ada melalui STPM kah? *[Beberapa ahli menyampuk]*

**Puan Chong Eng:** Betul kah? Sekarang kebanyakan yang masuk ke universiti ialah studen matrikulasi dan bukan STPM. Jadi itulah dia sekarang cerdik pandai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ketereh memang pandai.

**Puan Chong Eng:** Ya, dia memang pandai. Ya. Jadi saya meminta supaya kementerian juga tumpu kepada kualiti pengajaran para cikgu pada waktu sekarang walaupun saya tahu, ini merupakan satu era yang sangat mencabar kepada guru-guru. Ini termasuk kepada guru-guru di sekolah rendah..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah.

**Puan Chong Eng:** Yang mengajar mata pelajaran Sains kerana yang saya lihat, pada waktu sekarang mata pelajaran Sains yang pada Tahun Empat, apa yang mereka belajar itu adalah kandungan yang waktu saya belajar di *Form Four* dan *Form Five*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat. Masa cukuplah.

**Puan Chong Eng:** Belum habis lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, bolehlah. Banyak sudah keluarkan. Cukuplah.

**Puan Chong Eng:** Belum habis lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Belum habis lagi? Cukuplah. Banyak lagikah Yang Berhormat? Yang Berhormat banyak lagi?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ada 20 minit lagi. Lebih kurang macam itulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Esok sambung.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih. Terima kasih.

## USUL

### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

5.30 ptg.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Majlis mesyuarat pada hari ini ditangguhkan sekarang”.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

#### **MASA DEPAN PEMEGANG DOKUMEN IMM 13 DAN KEWUJUDAN PENEMPATAN PELARIAN FILIPINA DI SABAH DAN LABUAN**

##### **5.31 ptg.**

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masa depan 61,000 orang pemegang dokumen IMM 13 dan kewujudan enam penempatan pelarian Filipina di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan perlu diselesaikan dengan segera sebab ia telah mengakibatkan pelbagai masalah sosial, ekonomi dan politik negeri Sabah selama 30 tahun yang lalu. Masalah ini telah berkali-kali disentuh oleh Ahli-ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini dan juga di luar Dewan ini.

Namun sehingga kini tidak ada langkah-langkah positif yang diambil oleh pihak kerajaan. Selain daripada itu, kes di Sabah ini adalah rumit kerana jumlah pendatang tanpa izin yang ramai selain mempunyai kes kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang tinggi. Kerajaan Malaysia telah membenarkan pelarian-pelarian Filipina ini tinggal di Malaysia secara sah atas dasar perikemanusiaan. Pelarian-pelarian ini diletakkan di bawah penguasaan UNHCR sehingga tahun 1986. Selepas itu mereka diberi pengecualian dan tertakluk di bawah Akta Pasport 1966 dan berikan dokumen IMM 13 yang perlu diperbaharui setiap tahun dengan bayaran RM90 seorang. Pelarian-pelarian ini juga bekerja, bersekolah dan memperoleh kemudahan-kemudahan sosial dan kesihatan yang asas.

Namun demikian prasarana di penempatan mereka adalah amat daif dan mengaibkan. Apabila ditanya tentang masa depan pelarian Filipina di Sabah, jawapan yang standard daripada kerajaan ialah pelarian Filipina akan terus berada di Sabah selagi perdamaian di Selatan Filipina belum tercapai. Sebenarnya jawapan standard kerajaan tersebut sudah mula dipersoalkan oleh rakyat. Ini adalah kerana pihak pentadbiran Manila sudah menandatangani perdamaian di Mindanao dan sebenarnya perang saudara di selatan Filipina sudah sekian lama berakhir. Dengan termaterinya perjanjian persefahaman gencatan senjata di antara Filipina dan MILF, selatan Filipina berada dalam keadaan yang stabil.

Satu lagi isu yang rumit ialah bilangan besar sebenar pemegang dokumen IMM 13 tersebut. Kadang-kadang dikatakan bilangannya 57,000 dan kemudiannya dinyatakan 61,000, dan ada juga yang menyatakan jumlah pemegang IMM 13 adalah hanya dalam lingkungan 18,000 orang sahaja. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan setakat ini tidak menunjukkan keberkesanan yang dikehendaki. Malaysia akan menghadapi masalah yang besar jika tidak menanganinya secara terancang dan teratur kerana negara kita menjadi tumpuan pendatang asing dari negara jiran. Kalau kita tidak berhati-hati, Sabah mungkin menjadi tempat konflik perkauman dan keadaan sedia ada. Malahan dan kewujudan masyarakat pelarian bergerak

bebas dengan dokumen IMM 13 dan dengan bilangan pendatang tanpa izin begitu ramai, sudah tentulah ini menjadi resipi untuk konflik perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini dirumitkan lagi dengan masalah pemalsuan kad pengenalan atau kad IMM 13 yang susah dibendung. Bayangkan keadaan ini dieksploitasi oleh kumpulan pengganas seperti Jemaah Islamiah dan Abu Sayyaf untuk mendapatkan kerakyatan negara ini.

Yang kedua ialah kerajaan masih berdegil untuk mempertahankan rupa bentuk dokumen IMM 13 yang begitu mudah dipalsukan itu walaupun berkali-kali diberikan peringatan di Dewan yang mulia ini.

Ketiga, kecelaruan dalam dasar kerajaan menangani soal pelarian di negara ini. Semasa kerajaan mula memberikan IMM 13 kepada pelarian Filipina, pelarian Vietnam di pagar dan dikurung di Pulau Bidong dan akhirnya dihantar ke negara ketiga. Sekarang pelarian daripada Myanmar dan Aceh tidak pula diberi dokumen IMM 13. Apakah kriteria pemberian kad IMM 13 dan mengapakah masyarakat pelarian seperti Rohingya dan Aceh di Semenanjung tidak mendapat layanan atau hal yang sama seperti pelarian Filipina di Sabah.

Dengan tidak menandatangani perjanjian-perjanjian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pelarian, kerajaan mempunyai dasar yang jelas dalam hal ini iaitu tidak menerima pelarian ke negara ini. Dengan adanya pendirian ini, atas dasar apakah pula rakyat Filipina daripada Mindanao masih diberi status pelarian selepas 30 tahun berada di Malaysia dengan nama baru sekarang yang dikenali sebagai warganegara khusus. Adakah dasar Imigresen antara Semenanjung dengan Sabah berbeza? Mengapakah perbezaan yang ketara ini wujud?

Satu lagi perkara yang saya anggap tidak masuk akal ialah duit rakyat yang sepatutnya untuk pembangunan negeri digunakan pula untuk menguruskan pelarian ini. Sehingga tahun 1986, UNHCR telah membelanjakan sehingga lebih kurang RM12 juta untuk pengurusan pelarian Filipina di Sabah. Selepas UNHCR berhenti mengawal selia pelarian di Sabah, pembayar cukai pula terpaksa menanggung perbelanjaan yang begitu banyak untuk menampung kos pentadbiran, kos perbicaraan dan urus tadbir mahkamah yang mengendalikan perbicaraan pelbagai kes jenayah dan kos menjaga keselamatan serta mengawal selia pelbagai kes jenayah yang dilakukan oleh pelarian Filipina di Sabah. Selain daripada itu kos rawatan di hospital juga pun tinggi.

Malah para pemegang dokumen IMM 13 sudah berulang-alik daripada Sabah ke Filipina. Hanya Tuhan yang tahu sama ada dokumen IMM 13 ini sudah dan sedang digunakan oleh pengganas yang sentiasa beredar daripada Filipina, Sabah dan Indonesia. Oleh kerana itu kerajaan harus menyelesaikan masalah kehadiran pelarian Filipina di Sabah yang sudah berlarutan ini dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) meminta kerajaan Filipina supaya mengeluarkan pasport antarabangsa kepada 61,000 pelarian Filipina ini dan dengan itu kerajaan Malaysia tidak perlu lagi memberikan dokumen IMM 13;
- (ii) menutup penempatan-penempatan pelarian Filipina sebagai langkah untuk menghapuskan penempatan yang sudah sekian lama menjadi pusat pengedaran *syabu*;
- (iii) sementara menunggu proses rundingan dengan kerajaan Filipina, kerajaan hendaklah menggantikan dokumen IMM 13 yang ada sekarang kepada satu kad yang mempunyai ciri-ciri keselamatan dan sukar dipalsukan; dan
- (iv) mengenakan permit kerja kepada pelarian Filipina seperti juga dengan mana-mana pekerja asing yang lain supaya mereka ini boleh bekerja di mana-mana negeri di Malaysia yang memerlukan pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak lagi boleh mengambil sikap sambil lewa dan mengharapkan masalah kehadiran pelarian Filipina di Sabah akan selesai dengan sendirinya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen...

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**  
[Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri yang jawab. Baik.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Menteri rajin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bagus.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kewujudan enam penempatan pelarian Filipina di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah inisiatif UNHCR yang bertanggungjawab untuk membantu kumpulan penduduk Filipina yang lari dari kawasan peperangan iaitu di selatan Filipina. UNHCR selanjutnya menyerahkan enam pusat tersebut kepada pentadbiran kerajaan negeri Sabah. Setelah menyedari bahawa masalah pelarian di Sabah bukan semata-mata melibatkan isu sosial, malah keselamatan negara, Kerajaan Persekutuan melalui PPKP (S/L) mengambil alih tanggungjawab mengawal selia keenam-enam penempatan tersebut.

Perlu ditegaskan bahawa kewujudan pusat-pusat tersebut dan kehadiran pelarian Islam Filipina tidak membawa atau menjadi punca masalah sosial, ekonomi dan politik di Sabah seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat tersebut. Pelarian Filipina tidak boleh dihantar ke negara asal mereka tanpa kerelaan mereka kerana keadaan di selatan Filipina masih belum pulih. Walaupun Yang Berhormat sebut sebentar tadi iaitu sudah ada gencatan senjata tetapi itu semuanya di atas kertas sahaja. Tetapi kalau di bawah sebenarnya ia tidak sedemikian.

Selain daripada itu pihak UNCHR juga telah memohon kepada kerajaan melalui surat mereka bertarikh 20 Oktober 2000 supaya pelarian Filipina tidak dihantar ke negara asal mereka selagi keadaan di sana tidak pulih. Perkara ini bukanlah unik dalam dunia ini. Kalau kita tengok, macam di Palestin sudah ada yang lahir selepas Palestin hilang dan mereka meninggal pun Palestin belum lagi ada tanah. Ini keadaan yang tidak menentu yang juga berlaku kepada mereka yang berada di selatan Filipina. Jumlah - ini yang betul, Yang Berhormat, ya, jumlah pelarian Filipina yang telah dikeluarkan dokumen IMM 13 adalah seramai 61,314 orang. Kehadiran mereka tidak pula melihatkan tanda-tanda bahawa mereka akan mencetuskan konflik perkauman.

Namun begitu, kegiatan harian mereka sentiasa dipantau oleh agensi yang dipertanggungjawabkan bagi memastikan mereka tidak menyalahgunakan kemudahan yang diberikan. Isu pemalsuan kad pengenalan adalah satu isu universal yang tidak hanya berlaku di Sabah malah statistik kes pemalsuan kad pengenalan turut berlaku di Semenanjung. Oleh itu dakwaan kononnya pelarian Islam Filipina di Sabah banyak terbabit dengan kes-kes pemalsuan kad pengenalan adalah tidak benar. Penempatan PIF di Sabah, bukan menjadi pusat penagihan dadah jenis syabu. Mereka tidak terlepas daripada tindakan undang-undang sekiranya didapati melakukan kesalahan jenayah. Dokumen IMM 13 mereka akan ditarik balik seterusnya mereka diusir dari negara ini selepas menjalani hukuman. Kerajaan bertanggungjawab membelanjakan sejumlah peruntukan bagi mengurus ketiga-tiga pusat tahanan sementara di Sabah yang berfungsi sebagai depot tahanan di mana PTI yang akan diusir pulang ke negara asal ditempatkan. Penubuhan pusat ini adalah selari dengan amalan antarabangsa dan bukan sahaja terhad kepada Malaysia dan ia merupakan salah satu tanggungjawab sama seperti tanggungjawab mengurus pusat serenti dan penjara di Malaysia.

Kerajaan telah menetapkan dasar memberi dokumen IMM13 kepada pelarian Islam Filipina di bawah Perintah Pasport Pengecualian (No.2) (Pindaan) 1972. Yang berkuat kuasa pada 12 September 1972. Oleh itu cadangan supaya Kerajaan Malaysia meminta Kerajaan Filipina mengeluarkan pasport antarabangsa kepada 61 ribu pelarian Filipina yang memegang pas IMM13, adalah tidak berbangkit.

Mengenai cadangan untuk menutup pusat-pusat penempatan PIF di Sabah, Kerajaan Persekutuan mengalu-alukan dengan syarat kerajaan negeri bersedia menyediakan tapak alternatif untuk mereka tinggal. Setakat ini usaha Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan tapak lain masih belum berjaya. Mengenai cadangan pemberian permit kerja kepada golongan pelarian, ia tidak berbangkit kerana kad IMM13 telah memberikan mereka kemudahan tersebut. Tiada *double standard* oleh kerajaan dalam menangani kumpulan-kumpulan yang memasuki negara ini secara haram baik daripada Thailand, Myanmar ataupun Indonesia.



## KES RASUAH BERPROFIL TINGGI

### 5.44 ptg.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, apabila Perdana Menteri mula mengambil alih pentadbiran negara pada 31 Ogos 2003, dengan janji akan memerangi rasuah sampai peringkat ke akar umbi, ramai pihak yang merasa lega dengan kenyataan itu. Perkara pertama yang dinantikan oleh rakyat adalah apakah tindakan Perdana Menteri mengenai pendedahan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu, bahawa 18 kes rasuah yang membabitkan individu berprofil tinggi termasuk menteri telah memasuki peringkat akhir siasatan.

Namun selepas itu, menteri berkenaan seolah-olah cuba melunakkan kenyataannya. Apa yang didedahkan tidak lagi kedengaran. Selepas itu laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia, pula mendedahkan rasuah dan salah guna kuasa di kalangan pegawai-pegawai polis. Menurut laporan itu, seorang pegawai polis senior telah mengisytiharkan asetnya pada nilai sehingga RM34 juta. Tiada tindakan diambil ke atasnya dan tidak juga disiasat. Suruhanjaya juga mendapati pegawai polis merasuah pegawai tinggi untuk dipindahkan ke lombong emas seperti Jabatan Nakortik Jenayah dan Perjudian.

Tuan Yang di-Pertua, ketika itu isu rasuah polis tidak ditangani. Presiden Persatuan Kontraktor Melayu pula mendedahkan industri pembinaan negara dilanda dan dibelenggu oleh masalah rasuah. Tidak hairanlah mengapa Malaysia jatuh lagi dalam indeks persepsi Rasuah *Transparency International*. Malaysia berada di tempat 39 daripada 146 negara yang disenaraikan selepas berada di tempat 34 daripada 102 negara pada tahun 2004. Lebih malang lagi, apabila menantu Perdana Menteri, Khairi Jamaluddin, membeli 3% saham ECM Libra Berhad pada 27 Disember lalu pada harga 71 sen sesaham dan membayar RM9.22 juta serta penguasaan penuh penguasaan ECM Libra ke atas *Revenue Capital Resources Bhd*.

Dalam tempoh yang singkat selepas Khairi memiliki saham dalam ECM Libra itu. Kekayaan segera yang diperolehi oleh Khairi itu berlaku ketika tidak ada penjelasan yang memuaskan dibuat mengapa anaknya Kamaluddin disenaraikan sebagai antara individu yang terkaya di Malaysia, dengan pegangan kira-kira RM320 juta dalam masa hanya kira-kira 4 bulan selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerajui pemerintahan negara. Hari ini rakyat semakin tertanya-tanya, adakah pemilikan harta sebanyak itu oleh anak dan menantu Perdana Menteri dibuat dengan cara yang 100% bersih daripada unsur rasuah dan menyalahgunakan kedudukan. Lebih buruk lagi mereka juga hilang keyakinan dengan janji Perdana Menteri untuk membanteras rasuah sampai ke akar umbi. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, BPR menjalankan siasatan ke atas semua aduan yang diterima dan mempunyai sebab untuk mengesyaki suatu perlakuan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 tanpa mengira sama ada kes tersebut, kes besar atau kes kecil. Hasil siasatan akan dikemukakan kepada Bahagian Perundangan dan Pendakwaan BPR untuk keputusan selaras dengan Seksyen 50, Akta Pencegahan Rasuah 1997, di mana pendakwaan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa raya. Untuk makluman, dari tahun 2003 hingga 2005, seramai 558 orang telah dituduh bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997. Antara kes berprofil tinggi yang berkepentingan awam yang telah dituduh sehingga kini ialah:-

- (i) Tan Sri Dato' Eric Chia Eng Hock, bekas Pengarah Urusan Perwaja Rolling Mill and Development;
- (ii) Tan Sri Dato' Kasitah Gadam, bekas Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi;
- (iii) Yang Berhormat Mohd. Affandi bin Haji Mohamad, bekas Ahli Parlimen Jeli;
- (iv) Yang Berhormat Ramli bin Ibrahim, bekas Ahli Parlimen Kota Bharu;
- (v) Dato' Sharif bin Jajang, bekas Exco Kerajaan Negeri Selangor;
- (vi) Haji Mokhtar bin Ramli, bekas Pengarah Urusan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM);
- (vii) Dato' Omar bin Haji Othman, bekas Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang dan bekas ADUN Jelai;
- (viii) Dato' Ibrahim bin Mohd. Nasir, bekas Ketua Pegawai Operasi Service Company, TNB;
- (ix) Baharuddin bin Ahmad, bekas Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar;
- (x) Ahmad Zukhni bin Johari, bekas Pegawai Eksekutif PMB;
- (xi) Dato' Anuar bin Mohd. Nor, bekas Ketua Eksekutif Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Berhad;
- (xii) Dato' Haji Azman bin Mahalan, bekas ADUN dan Exco Kerajaan Negeri Perak;
- (xiii) Yang Berhormat Ng Kim Lai, bekas ADUN Mengkibol; dan
- (xiv) Ahmad Kamaruzzaman bin Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif KESAS Sdn. Bhd.

Yang Berhormat sebut, yang Menteri cakap 18 itu, saya tak tahulah sama ada 14 termasuk situ, tapi inilah senarai kalau yang nak dikatakan dianggap sebagai mereka yang mempunyai kes yang profil tinggi. Yang inilah yang kita ada. Yang tak ada pada kita, saya tak boleh nak jawablah, ya. Kemudian, berkenaan dengan kes pegawai polis yang dikatakan mengisytiharkan harta berjumlah RM34 juta.

Berhubung dengan kes pegawai polis yang dikatakan telah mengisytiharkan harta bernilai RM34 juta seperti yang dilaporkan dalam laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan

Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja, kes ini telah pun disiasat. Hasil siasatan mendapati, tidak ada pegawai kanan Polis Diraja Malaysia yang pernah membuat pengisytiharan harta berjumlah RM34 juta. Tak ada ya. Berdasarkan kepada percakapan seorang ahli Suruhanjaya, maklumat ini merupakan *hearsay* sahaja.

Bagi CPI pula, kenyataan yang menyatakan bahawa Malaysia menurun lagi dalam indeks persepsi Rasuah *Transparency International*, dan Malaysia berada di tempat ke 39 daripada 146 negara yang disenaraikan selepas berada di tempat ke 34 daripada 102 negara pada tahun 2004, adalah tidak tepat. Sebenarnya pada tahun 2004, Malaysia diletakkan di tangga ke 39, dari 146 negara. Dengan skor 5 dan pada tahun 2005 pula, Malaysia di tempatkan di tangga ke 39 daripada 159 negara dengan skor 5.1. Kedudukan Malaysia berdasarkan *ranking* CPI tahun 2005, memperlihatkan negara kekal di tangga 39 seperti tahun 2004. Namun begitu, dianalisis berdasarkan *percentage*, kedudukan negara bertambah baik kerana jumlah negara yang dikaji bagi tahun 2005 adalah sebanyak 159 negara berbanding dengan 140 negara yang dikaji dalam tahun 2004. Malaysia juga berjaya meningkatkan skornya pada tahun 2005.

Berkenaan dengan apa Yang Berhormat sebut berkenaan dengan saudara Khairi dan saudara Kamal, pertamanya ingin saya menyatakan di sini, iaitu bahawa mereka bukanlah ahli anggota pentadbiran yang tidak dibenarkan untuk menjalankan perniagaan. Mereka adalah melibatkan diri dalam perniagaan swasta dan tidak ada tuduhan yang dibuat, iaitu bahawa mereka telah melakukan apa-apa kesalahan. Soal iaitu bahawa bagaimana dalam masa yang singkat, dia boleh mendapat pembayaran, mendapat wang yang banyak, kita semua tahu iaitu bahawa banyak daripada pembelian dana swasta ini dilakukan bukan dengan wang sendiri ya? Kita ambil pinjam daripada bank, dan bermacam-macam lagi cara. Namun, di atas kebijaksanaan mereka, kalau mereka berjaya berniaga, kita tidak boleh mempertikaikan kebolehan mereka melainkan kalau sekiranya ada tuduhan yang dibuat terhadap mereka atas bukti-bukti yang sahih dan tertentu, barulah ACA boleh membuat siasatan. Kalau tidak, kita boleh anggap mereka sebagai menjalankan perniagaan secara halal. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat pada hari ini dan Dewan yang mulia ini akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi hari esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.52 petang.***